

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN  
PROSES PILIHAN RAYA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
BANGUNAN PARLIMEN**

**KHAMIS, 10 NOVEMBER 2011**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir:**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
*[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]* - *Pengerusi*  
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak hadir [Dengan maaf]**

YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian, Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II  
(Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof [Pengerusi]  
YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]  
YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]  
YBhg. Dato Haji Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha]  
Encik Ikmalrudin bin Ishak [Timbalan Setiausaha (Pengurusan)]  
Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]  
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Pengurus ICT]  
Cik Yusniati binti Ishak [Setiausaha Bahagian]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Haji Wahab bin Mohd Yasin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah (Jabatan Pendaftaran Negara)]

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN  
PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KETIGA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****KHAMIS, 10 November 2011*****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.12 petang*****[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
*mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Kita mulakan, semua Ahli Yang Berhormat saya mahu catatkan *apology* kerana masa melebihi kerana saya ada program menghadap Tuanku dengan perihal Antartika yang beliau akan pergi melawat pada bulan depan dan saya telah meminta pada mulanya supaya mesyuarat diteruskan tetapi difahamkan bahawa elok pengerusi asal ada bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. So kepada semua Ahli Yang Berhormat dan setiausaha Jawatankuasa ini, setiausaha bahagian Parlimen, mengalu-alukan kehadiran semua sekali lagi dan seperti mana yang sedia maklum pada minggu yang lepas Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat selama dua hari iaitu 1 November 2011 pada hari Selasa, dan 2 November 2011 pada hari Rabu.

Dalam Mesyuarat kedua Jawatankuasa tersebut kita telah mendengar *input* khususnya bahagian mesyuarat kedua itu cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa ini berhubung dengan penambahbaikan sistem perjalanan pilihan raya di negara ini dan perkara ini telah pun dibangkitkan dan seterusnya dikategorikan di bawah terma-terma rujukan yang telah kita persetujui pada mesyuarat pertama iaitu Jawatankuasa 12 Oktober 2011.

Pada mesyuarat yang ketiga Jawatankuasa sepatutnya dijadualkan untuk mendengar taklimat yang diberi oleh dua agensi iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak awam berkenaan proses pilihan raya serta segala usaha-usaha penambahbaikan yang dirancang oleh SPR. Manakala agensi yang kedua yang telah dijadualkan pada waktu itu ialah Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Pendaftaran Negara berhubung dengan peranan Jabatan Pendaftaran Negara terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya dan berkaitan dengan proses pilihan raya.

Walau bagaimanapun, pihak Jawatankuasa telah memutuskan untuk memanggil semula Suruhanjaya Pilihan Raya bagi memberikan penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh para Ahli Jawatankuasa ini. Jadi sesi taklimat bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran telah ditangguhkan pada hari ini. Sehubungan dengan itu pada mesyuarat kali ini kita akan mulakan untuk menyambung semula taklimat atau perbincangan bersama dengan pihak SPR berkenaan beberapa perkara berbangkit semasa mesyuarat yang lalu dan juga menjurus kepada isu daftar pemilih seterusnya akan disusuli oleh taklimat yang akan diberikan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dengan itu JPN.

Saya cadangkan supaya SPR masuk dahulu untuk tujuan perihal daftar pemilih. Memang dia akan sentuh hal-hal yang tanggungjawab di bawah naungan ataupun kuasa pendaftaran negara. Setelah kita puas hati mendengar mereka baru kita masukkan Jabatan Pendaftaran Negara ataupun Kementerian Dalam Negeri memberikan ulasan dan mana-mana perkara yang berbangkit memerlukan kedua-dua mereka ini memberikan pandangan mereka akan duduk bersama di hadapan kita. Lebih senang itu, *that's why this issue saying is responsibility of the* pendaftaran dan seterusnya kita boleh elakkan.

Sebelum itu Hansard telah pun diedarkan sebagai catatan mesyuarat pada masa yang lalu. Sudah mulai cukup panjang dan barang kali kita mohon pada masa lain kali kalau dapat diperolehi sehari sebelum masa mesyuarat supaya Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang untuk meneliti dan semakan pembetulan dan seterusnya. Juga kita telah putuskan pada mesyuarat yang lalu itu bahawa dalam berkaitan dengan penggunaan dakwat ini, di mana kita mengambil banyak masa untuk berbincang dengan SPR. Dua perkara pertama ialah risalah yang diedarkan itu yang jika diterima sebagai dibentangkan ataupun sebagai dokumen yang diserahkan oleh mereka dia ada bercanggah dengan pandangan seterusnya terkini oleh pihak SPR.

Namun saya ingin menjelaskan bahawa ada sedikit kekeliruan pada minggu lalu, satu apa-apa dokumen yang dibentangkan kepada jawatankuasa ini hendaklah dipersetujui di peringkat pengerusi dan saya akan bentangkan bolehkah kita terima ini dan lepas itu dia menjadi lampiran *exhibit* kepada Jawatankuasa. Akan tetapi malangnya pada minggu lalu *start* Dewan Rakyat setelah dokumen itu, risalah itu diberi oleh pihak SPR maka diedarkan di meja mesyuarat begitu sahaja. Memang ada percanggahan dalam pandangan satu ialah mengenai dakwat itu pandangan mereka sebelum dan pandangan mereka yang dibentangkan di hadapan kita. Penjelasan mereka ialah risalah itu adalah sebagai respons perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak awam jadi dia sediakan risalah itu untuk awam khusus merujuk kenapa dakwat tidak digunakan dan seterusnya.

Jadi dia gunakan risalah itu menjelaskan. Akan tetapi dia tidak jelaskan kepada kita bahawa itu pandangan sebelum ini dan pandangan terkini ialah bagi SPR seperti mana dibentangkan mereka mencadangkan penggunaannya. Jadi saya rasa itulah gambaran di situ.

Kedua itu mengenai penggunaan dakwat seterusnya kita telah meminta pengesahan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat masih belum *satisfy* dengan izin bahawa dakwat itu telah diselidiki dengan mendalam untuk merangkumi perihal perundangan-perundangan yang terlibat. Satu permintaan waktu itu ialah minta pandangan khusus daripada Peguam Negara. Kita telah tetapkan supaya ada dua selesai itu mereka harus kemukakan, namun mereka telah laporkan kepada saya dan setiausaha mereka tidak dapat pandangan itu pada masa dikemukakan kepada hari Selasa kerana Peguam Negara berada di luar negara dan tidak dapat memberikan konsultasi yang begitu. Namun seterusnya pihak Peguam Negara telah mengemukakan satu surat yang bertarikh pada 9 November kepada saya sebagai pengerusi dan saya ingin barangkali fotostat ini dan edarkan di kalangan kita hanya untuk kegunaan perihal Jawatankuasa ini. Jadi ini satu pandangan oleh pihak peguam dan Peguam Negara dan disalinkan kepada Tan Sri Abdul Aziz sebagai Pengerusi.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi. Bukankah kita masa itu kita perlu surat daripada Peguam Negara mengenai dengan *indelible ink* pada 2008. Keputusan pada 2008 bukan untuk sekarang. Surat itu mesti sudah ada dengan SPR. Bukan sekarang Tuan Pengerusi. Terima kasih.

■1220

**Tuan Pengerusi:** Ya. Pada waktu itu mereka katakan ada *consultation* dengan pihak Peguam Negara. Itu hal di peringkat kementerian pada zaman itu. Namun, mereka mengatakan bahawa perkara itu telah dirujuk pada waktu itu dan ada perhubungan di antara pihak Peguam Negara dan pihak SPR. Akan tetapi, dimaklumkan pada waktu itu kepada saya bahawa surat itu di cop dengan rahsia kerana perhubungan khusus antara SPR dengan pihak Peguam Negara. Atas itu, apabila mereka telah berhubung dengan pihak Peguam Negara kali ini, pihak Peguam Negara telah mengeluarkan satu surat yang khusus berkaitan dengan perkara yang dibincangkan iaitu dakwat.

Ini kerana difahamkan surat yang dahulu itu ada 10 perkara lain termasuk di dalam situ, yang tidak kena-mengena dengan perihal yang dibincangkan oleh Jawatankuasa ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, mesti ada minit-minit atau apa-apa daripada Peguam Negara sebab perkara ini amat penting kerana SPR telah menggunakan wang lebih kurang RM3 juta untuk membeli dakwat ini.

Jadi, ini satu perkara yang bukannya perkara yang remeh-temeh. So, saya rasa SPR perlulah memberi keterangan sebentar lagi kerana saya rasa Tuan Pengerusi pun tidak boleh beri keterangan bagi pihak mereka.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini kerana Tuan Pengerusi pun tidak tahu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Nanti kita tanya. Oleh sebab ini ditujukan kepada saya sebagai Tuan Pengerusi, boleh diedarkan di kalangan kita. Ia bukan sulit.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berhormat Gombak, ada apa-apa?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, sebelum memanggil tertuduh pihak SPR, saya ingin mengemukakan tiga perkara. Pertama, saya ingin membuat pindaan kepada laporan prosiding Jawatankuasa bertarikh 1 November 2011 di muka surat 14. Setelah saya membuat semakan, ingin saya membuat pindaan kepada paragraf yang di tengah di muka surat 14, "*Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau tanya Datuk Wan Ahmad Wan Omar...*" Sebenarnya bukan Datuk Wan Ahmad Wan Omar, Datuk Kamaruzaman Mohd. Noor. Itu pindaan yang saya ingin rekodkan dalam...

**Tuan Pengerusi:** Kalau tanya Datuk Kamaruzaman...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Datuk Kamaruzaman Mohd. Noor.

**Tuan Pengerusi:** Iaitu setiausaha?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya. Beliau Setiausaha SPR pada ketika itu. Muka surat 14. Ini lanjutan daripada soalan daripada Dato' Seri Mohd. Radzi tentang definisi pengundi hantu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, beliau kata hantu ini kalau kita tidak tunduk celah kangkang...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu betul. Itu tidak ada pindaan.

**Tuan Pengerusi:** Apa erti sebenarnya celah kangkang ini? Kangkang, kalau kami ertinya tarik seluar naik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, memang betul. Itu yang disebut. Disebut pengundi hantu ini, kalau celah kangkang kita lihat dia jalan atas langit, itu pengundi hantu. Akan tetapi kalau dia jalan atas bumi, dia bukan pengundi hantu.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Begitu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu definisi oleh Datuk Kamaruzaman Mohd. Noor.

**Tuan Pengerusi:** Itu ada catatan?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang mana?

**Tuan Pengerusi:** Beliau kata begitu di dalam surat khabar?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kenyataan akhbar, kenyataan media.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada apa-apa lagi?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu yang pertama. Kedua Tuan Pengerusi, saya terbaca laporan temu bual Tuan Pengerusi dengan TV3, di mana Tuan Pengerusi mengatakan sudah 40% perkara-perkara yang dibangkitkan telah pun dipersetujui. Jadi, saya sebagai Ahli Jawatankuasa agak terkejut jugalah...

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya akan jelaskan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Bagaimana Tuan Pengerusi boleh mengambil pendirian 40% sudah selesai?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya rasa saya katakan pada waktu itu, setakat ini pandangan-pandangan itu banyak di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Daripada pandangan-pandangan itu dalam analisa saya, kira-kira 40% itu hal-hal yang boleh dipersetujui bersama. Begitu. Akan tetapi memang belum saya – kalau kita lihat keseluruhan *interview* itu, resolusi bagi semua ini belum dibuat lagi. Akan tetapi dalam analisa saya. Mereka bertanya waktu itu, "*Banyak gaduhkah di sana? Banyak bertengkarkah?*" Saya katakan, "*Mereka cukup matang dan bernas, begitu.*" *Most of the ideas I can see at the moment I said, I think can be resolve without pecah bahagian you know. I can list more or less in my* – Belum ada kita buat resolusi tetapi dalam analisa kasar saya.

So, kalau itu pun adalah terlalu awal dan tidak spesifik, saya mohon maaf atas perkara itu kalau mengelirukan. Akan tetapi *just hearing on both side, honestly I think so far was committed mention* banyak kita setuju penambahbaikan yang ada di situ, soal dakwat pun kita berpendapat hampir sama bahawa bagus tetapi legal isu *has to be sorted out* dan seterusnya. *So, I did not list* berapa banyak yang ada, *I do not know how many out of that* tetapi saya kata banyak. Akan tetapi *I can see that there is good consensus about concern to improve the system. That is what I can see based on my analisa which is going to the specific.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara yang terakhir ialah saya pernah bangkitkan dan dipersetujui oleh beberapa teman di sini bahawa Jawatankuasa ini perlu mengambil pendirian tentang cadangan pembubaran Dewan Rakyat sebelum Jawatankuasa ini membuat sebarang *recommendations* kepada kerajaan dan Parlimen. Akan tetapi, nampaknya Tuan Pengerusi sebagai Pengerusi yang mempengerusikan Jawatankuasa ini tidak mengambil sebarang pendirian.

Sekarang ini kita dengar banyak pihak sudah mengambil pendirian mendahului Jawatankuasa dan ini menyebabkan kredibiliti Jawatankuasa ini sekali lagi tercalar.

Baru-baru ini yang terbaru Amanah secara rasmi telah membuat pendirian supaya kerajaan tidak membubarkan Parlimen sebelum Jawatankuasa ini membuat sebarang maklum balas kepada Dewan Rakyat. Walaupun Tuan Pengerusi pernah mengatakan bahawa itu adalah prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya bersetuju. Akan tetapi sebagai Jawatankuasa, saya tidak nampak apa salahnya kita mengambil pendirian supaya menyarankan kerajaan tidak membuat sebarang pilihan raya sebelum Jawatankuasa ini mengemukakan cadangan. Ini baru – *its carries a lot of weight*, menunjukkan kebebasan Jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen. Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu menerima saranan ini atau tidak, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akan tetapi sebagai Jawatankuasa yang dibentuk oleh Parlimen, kita harus mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak dipengaruhi oleh elemen-elemen di luar. Malangnya, kegagalan kita membuat pendirian menyebabkan pihak lain sudah mendahului Jawatankuasa. Ini menyebabkan sekali lagi kredibiliti kita tercalar kerana rakyat meletakkan harapan yang begitu tinggi kepada Jawatankuasa ini untuk mengemukakan saranan-saranan demi kebaikan proses pilihan raya yang akan datang.

Jadi, saya hendak minta sekali lagi supaya Tuan Pengerusi mengambil satu ketetapan memberikan saranan kepada kerajaan supaya *recommendations* yang kita buat – malahan kita serius. Kita sudah setuju sebelum ini supaya sekurang-kurangnya ada interim *report* sebelum persidangan ini berakhir dan Tuan Pengerusi sebut dalam temu bual dengan TV3. Jadi, mengapa tidak mengambil satu langkah yang lebih tegas dan proaktif menyatakan Jawatankuasa menyarankan kepada kerajaan supaya meneliti semua *recommendations* yang akan kita buat sebelum pembubaran Dewan Rakyat yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak, ini sudah pun dibangkit awal. Hanya sebagai Pengerusi, saya belum sampai ke tahap di mana mengesyorkan supaya ketetapan itu dibuat mahupun dengan persetujuan ataupun mengira kepala atau tidak. So, saya telah membiarkan perkara itu begitu sahaja tetapi saya telah memberi penjelasan seperti temu bual dan apa yang dikatakan di *newspaper* juga apabila mereka bertanya soal bila pembubaran, itu adalah kuasa mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1230

Saya sendiri tidak ingin kelihatan seolah-olah Jawatankuasa ini mendesak untuk mengganggu apa-apa kuasa ataupun pandangan yang beliau sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti juga Ketua-ketua Menteri di semua negeri-negeri mempunyai kuasa dengan persetujuan kerajaan masing-masing bila hendak bubar.



So, tidak kelihatan seolah-olah Jawatankuasa ini adalah badan desakan ataupun mendesak untuk tujuan itu so, saya telah sengaja membiarkan itu terbuka hanya mengatakan kita ada *terms of reference*, kita ada jadual, kita kerja keras sahaja mudah-mudahan kita siap sebelum dia bubar. Akan tetapi kalau dia bubar sebelum itu siapa juga kita kerana kuasa di tangan dia. Itulah saya cadangkan kita harus cuba masukkan ruang untuk interim ataupun *preliminary report* sebelum Dewan ini dibubarkan. Mungkin saya boleh minta pandangan yang lain?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa tanggungjawab kita ialah telah pun dirujuk melalui *terms of reference* kita apa tanggungjawab kita. Kuasa untuk pembubaran Parlimen kuasa mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan dilakukan pada masa yang sesuai. Sekiranya ada sesiapa yang ingin memberi cadangan, saya rasa kita satu negara demokrasi sesiapa boleh beri cadangan.

Memang harapan kita, cadangan-cadangan kita diambil terima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dilaksanakan. Kita harus bekerja keras. Oleh kerana itulah dalam masa yang singkat kita telah bermesyuarat sebanyak empat kali. Kita akan berjumpa dengan rakyat dan saya pasti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melakukan yang terbaik untuk memastikan pendapat Jawatankuasa ini diguna pakai dalam masa yang sesuai.

Oleh yang demikian saya rasa kita tidak perlu beri satu arahan ataupun cadangan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun sesiapa harus tunggu sampai Jawatankuasa ini membuat keputusan. Oleh yang demikian kita boleh buat satu laporan interim dan saya harap kita dapat bekerja keras dan sebelum Parlimen ditangguhkan pada bulan Disember nanti, kita boleh buat satu laporan interim.

Selepas sebelum itu saya pasti kita sudah jumpa satu atau dua rakyat di Malaysia. Kita masukkan maklumat-maklumat mereka dengan apa yang kita dapat, kita buat satu laporan interim. Ini dapat membantu dan itu pendapat saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi sebelum saya mengulas isu ini saya ingin bertanya mengenai pindaan-pindaan dalam *Hansard* ini. Kita kalau hendak pinda macam *hansard* kitalah? Kita akan tulis di sini dan serah.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Okey, berbalik kepada isu ini, saya rasa kita Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Parlimen, Majlis.

Jadi sedaya usaha kitalah sesungguhnya kita hendak pastikan cadangan-cadangan kita ini diterima sebab itu kita bermesyuarat banyak kali hendak *make sure* dengan izin, kita dapat satu rumusan yang baik. Akan tetapi seandainya, katalah dalam sedang kita tengah berbincang ini tiba-tiba dibubarkan, apa rasa kita?

Walaupun memang itu *prerogative* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ya, tetapi sekurang-kurangnya *effort* yang telah diberikan oleh Parlimen dan Jawatankuasa ini tentulah akan menjadi *redundant* ataupun menjadi sia-sialah untuk perkara itu. Jikalau hendak buat yang lain selepas itu lain cerita, *nothing to do with us*. Jadi kalau kita buat satu pendirian meminta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tidak menyebabkan kerja-kerja kita ini tergendala. Biar kita selesaikan dahulu dan terpulang kepada Parlimen untuk terima atau tidak.

Jadi biar kita laksanakan. Jadi kita rasa cadangan Yang Berhormat Gombak ini perlu kita terima dengan baik dan saya rasa tidaklah menjadi satu perkara yang boleh mengaibkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mendesak atau menekan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kerana memanglah tanggungjawab kita melakukan perubahan. Semua perubahan ini kalau kita hendak kira adalah satu desakan-desakan baru terhadap kerajaan.

Jadi tidak menjadi masalah kalau salah satu daripada desakan kita supaya dibenarkan Jawatankuasa ini selesai menjalankan tugas dan kita sendiri yakin kita dapat melaksanakannya. Jikalau kita waswas takut dalam dua tiga bulan sedang rancak dibubarkan, apa kata kita ya masa yang telah kita berikan itu akan menjadi tergendala. Jadi saya harap Tuan Pengerusi menimbang untuk menerima cadangan Yang Berhormat Gombak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Kuala Krai ini. Kita haraplah mungkin Jawatankuasa boleh mengambil satu ketetapan. Bukan kita cakap mendesak, mungkin perkataan yang digunakan Yang Berhormat Kuala Krai mungkin kita mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya biarkan kita selesaikan laporan ini dalam enam bulan, baru pembubaran Dewan Rakyat ataupun Parlimen dan diadakan pilihan raya. Tidak ada pilihan raya sebelum Jawatankuasa ini menghabiskan kerja. Itu yang saya rasa saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Gombak.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi saya hendak minta penjelasan dan juga mungkin keputusan daripada Jawatankuasa ialah, esok kita akan memulakan sidang Pendengaran Awam (*Public Hearing*). Ada pertanyaan-pertanyaan, adakah ini terbuka kepada pihak media untuk *cover* dalam sesi pendengaran awam tersebut? Di sini saya berharap mungkin Tuan Pengerusi dan Jawatankuasa mengambil satu keputusan supaya kita hendak tunjukkan kepada rakyat bahawa Jawatankuasa ini memang *open, transparent* dan kalau sidang dalam Parlimen pun kita terbuka kepada media untuk buat *coverage*, apa salahnya kita membuka sidang pendengaran awam ini untuk *coverage* daripada pihak media. Saya minta penjelasan daripada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Mengenai Pendengaran Awam, saya bercadang berbincang sebagai agenda terakhir pada hari ini termasuk melihat jadualnya dan perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Soal peranan media dan seterusnya okey? Nanti kita putus sebelum ditangguhkan mesyuarat pada petang ini.

Okey, mengenai dengan perkara yang mengenai – ingat bahawa majikan kita di sini adalah Parlimen. Kita menyediakan laporan nanti dan serah kepada Parlimen. Di situ kita akan menekankan siapa-siapa pelaksanaan kalau kita cadangkan ada perubahan dasarkah ataupun peraturan-peraturan ataupun kepada jabatan-jabatan sebagai pelaksana maka dari situlah setelah laporan diterima oleh Parlimen dan *implementation* am dari *relevance agencies* ataupun *commission* yang berkenaan.

Sebahagian ini memang di bawah kerajaan yang memerintah di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seterusnya. Akan tetapi kemungkinan tidak semua pun ada kaitan dengan kerajaan yang sekarang memerintah, kerana *some are relating to media, some relating to political parties you know, based on the recommendation that we will be making so*, itulah saya katakan saya terbuka. Saya belum mengatakan soal tidak harus membuat keputusan tetapi pandangan saat ini iaitulah buat kerja cepat-cepat daripada *to fulfill the various terms of reference. Are we also anticipating that you know, betulkah election maybe held* sebelum kita selesai? *Well, might be. Long after - so, it does not arise to do that. But I will give a chance to every member to give opinion on this.* Barangkali petang ini *we can revisit and then make* ketetapanlah. Yang Berhormat Kangar *you want to say now?*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Hanya hendak memperingati kita bahawa kita telah diberi selama enam bulan untuk menyiapkan satu laporan dan laporan ini tidak ada kena-mengena dengan pilihan raya akan datang ini. Pilihan raya bila-bila masa, pilihan raya depan-depan itu. Jadi tidak semestinya kita hendak siapkan satu laporan untuk khusus pilihan raya akan datang ini, PRU-13.

Jadi lagi pula masalah pilihan raya ini bila-bila masalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh panggil bila-bila masa. Kita tidak boleh hendak menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kamu tidak boleh memanggil pilihan raya selagi kami tidak siapkan kita punya laporan sebab itu bukan tanggungjawab kita.

**Tuan Pengerusi:** Satu perkara jugalah iaitu termasuk dalam *terms of reference* kita untuk membuat ketetapan dalam perkara itu so...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi saya hendak sambung sedikitlah ada beberapa perkara. Pertama saya tidak mahu kita salah tafsir cadangan yang saya kemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ya, tidak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Bukan tujuan Jawatankuasa ini untuk membawa maksud bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh mengadakan pilihan raya sebelum Jawatankuasa ini mengemukakan cadangan. Tidak begitu.

#### ■1240

Kita boleh olah satu pendirian yang bertanggungjawab dan tegas tetapi pada masa yang sama kita memahami bahawa itu adalah budi bicara Perdana Menteri. Sebagai contoh, kita boleh sebut, sementara kita menghormati budi bicara Perdana Menteri untuk menentukan tarikh pembubaran Dewan Rakyat, Jawatankuasa ini ingin menyarankan supaya pilihan raya diadakan setelah cadangan-cadangan ini dikemukakan.

Saya tidak nampak ada masalah besar di situ walaupun kita terikat dengan – itu adalah kuasa mutlak Perdana Menteri. Kita boleh menyatakan sementara kita menghormati dan memahami budi bicara Perdana Menteri tetapi jawatankuasa ini juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan cadangan-cadangan ini diterima sebelum pilihan raya diadakan.

Pandangan Dato' Seri Mohd. Radzi tadi, saya faham cadangan yang hendak kita kemukakan ini bukan untuk satu pilihan raya, untuk masa yang akan datang. Akan tetapi saya tidak dapat memahami, apakah kita tidak dapat menyelami perasaan rakyat di luar sana yang terlalu mendesak supaya satu reformasi pilihan raya diadakan. Apa maknanya kita sedang bersidang berminggu-minggu, bersungguh-sungguh, cukup komited untuk membawa perubahan, tiba-tiba satu pilihan raya diadakan dengan mengetepikan semua cadangan-cadangan ini. *It is a mockery* bagi saya dan ini akan meruntuhkan keyakinan rakyat sekali lagi kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan pilihan raya.

Jadi saya minta, perkara ini kita kena ambil pendirian Tuan Pengerusi sebab saya tengok badan-badan yang lain telah menzahirkan pandangan mereka tetapi kita mengambil sikap terikat dengan terma rujukan.

Ya, kita terikat dengan terma rujukan sebab kita hendak lakukan perubahan. Akan tetapi sedang kita meneliti terma rujukan ini, ada pilihan raya diadakan. Saya tidak mahu menjadi sebahagian daripada anggota yang duduk di sini tetapi akhirnya semua pandangan-pandangan ini tidak diambil kira dalam mengendalikan pilihan raya sama ada kali ini ataupun di masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya perakui pandangan itu. Saya jemput Yang Berhormat Wangsa Maju. Ingat juga bahawa dalam kita mulai memanggil saksi-saksi pun kita katakan bahawa *you know*, mana yang boleh laksanakan, laksanakan. Tidak payah tunggu arahan daripada Jawatankuasa melalui Parlimen dan begitu juga dalam Jawatankuasa Pilihan Khas dahulu yang kita pengerusikan, PLKN dan perpaduan. Banyak perkara yang kita belum laporkan tetapi kita telah setujukan ini baik dan kita arahkan, kita minta laksanakan penambahan *medical check* di khemah-khemah dan seterusnya.

So, ingat juga, kita sendiri pun mendesak kepada SPR. *You know, why want to wait for so long* dengan izin, *what can be done is, do it*. SPR katakan, "*We trying to hormat the Jawatankuasa.*" *We also* perlukan input yang lebih luas dan dalam, *whether they are in the right path or not, I suppose so. I think* perlu kita tolak ansur di sini. Saya akan mendengar pandangan yang lain nanti dan barangkali apabila semua boleh beri pandangan, kita tolong fikir perlu betul buat ketetapan dalam perkara ini untuk bersama. Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah dengar apa yang dibangkitkan di sini. Boleh dikatakan saya memang setuju dengan Yang Berhormat Gombak di mana *committee* atau Jawatankuasa ini perlu buat satu – kemungkinan bukan pendirian bahawa satu rekomendasi kepada kerajaan supaya berikan kita peluang untuk melaksanakan tugas-tugas kita dalam tempoh masa. Kalau kita habis dalam tiga bulan *and then* pilihan raya boleh jumpa selepas itu.

Memang saya faham bahawa kuasa untuk menentukan pilihan raya ini atas satu kuasa Perdana Menteri dalam Perlembagaan kita atau *references* dalam Parlimen tetapi Parlimen telah wujudkan Jawatankuasa ini. So, memang Parlimen mengambil serius terhadap tugas-tugas kita di sini. Kalau tidak, kalau lah pilihan raya di jalankan, katalah dalam dua bulan lagi sebelum kita sediakan rekomendasi-rekomendasi yang akan kita buat, bukankah ini akan menjadikan mesyuarat-mesyuarat kita, tenaga kita dan wang-wang yang digunakan jadi sia-sia sahaja? Walaupun kita buat satu rekomendasi, saya rasa tidak salah dan bukannya ia akan menyekat kerajaan ataupun Perdana Menteri supaya Perdana Menteri tidak boleh buat.

Ini kerana Perdana Menteri masih ada prerogatif untuk meneruskan pilihan raya bahagian Parlimen dan meneruskan pilihan raya sebelum apa-apa rekomendasi atau pun keputusan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa ini. So, saya berharap Tuan Pengerusi, kemungkinan kita boleh buat satu rayuan. Kalau "pendirian", itu *a bit stronger word*, "rayuan" kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat, *you want to comment now or later?*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I have no comment...*

**Tuan Pengerusi:** Okey, dalam perkara ini saya ingin semua memberi pandanganlah dan selepas itu kita membuat satu ketetapan kalau itu yang diinginkan. So, setakat ini ada yang masih berfikir dari segi pandangan barang kali, ada sebahagian Ahli kita ini hendak rujuk pada parti masing-masing.

Kalau begitu, saya beri peluanglah untuk semua, ada peluang untuk masukkan segala pandangan masing-masing. Okey, saya hendak maju. Kalau boleh kita maju, kita selesaikan dahulu satu perkara ini. **Saya beri peluang untuk Ahli-ahli membaca surat. Saya mahu tekankan bahawa ini adalah kegunaan Jawatankuasa sahaja. Untuk membuat sesuatu keputusan, kita tidak boleh edarkan kepada luar selagi belum ada ketetapan dalam perkara ini. Ia akan menjadi... nanti lah, apabila** dalam laporan kemudian.

Okey, dengan itu cuba kita panggil pihak SPR sekarang ini untuk menceritakan pasal daftar pemilih dan apa-apa persoalan yang ada Ahli Yang Berhormat ingin kemukakan... *[Berbincang dengan Setiausaha Dewan Rakyat]*

Ada satu kertas kerja juga disediakan oleh mereka, dicop sulit sebagai *exhibit* untuk kita dan kegunaan Jawatankuasa *until the report becomes official, submitted to Parliament* nanti. Saya difahamkan ia digunakan untuk penyampaian kepada kita. Selepas kita mendengar mereka, kita panggil JPN nanti sebab banyak perkara nanti adalah perkara gabungan mereka. Bola sebelah tetapi dia tendang sebelah, begitu. Barangkali bukan begitu juga gambarannya tetapi banyak anggapan seperti begitu. So, kita masukkan SPR dahulu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, surat yang dihantar, pekeliling daripada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghani Patail kita akan bincangkan aspek atau inti pati surat ini kemudian atau ...

**Tuan Pengerusi:** Ataupun pihak anggota. *You want to deal with them straight away first issues dakwat or you want to have more time to talk about it?*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya mengambil pendirian perkara ini merupakan perkara penting sebaik sahaja SPR masuk. Jadi...

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang belum siap baca? Kalau boleh baca dahulu semuanya, *then we ask them on this matter*. Dari segi tafsiran sayalah, saya ada peluang untuk membaca. Kalau kasi opsyen iaitu terima, kalau tidak mahu dakwat, isi borang untuk mengatakan mengapa dan dikecualikan *then no need to change* Perlembagaan.

■1250

Kalau dipaksa yang berpendapat bahawa dia perlu ada kesukaran kepada Perlembagaan, macam begitu bunyinya. So banyak implikasi kalau kita bersetuju dengan pandangan pihak AG *then* satu sahaja kalau hendak pakai pada pilihan raya yang akan datang tetapi tidak tahu bila, kita tetapkan di sini bahawa yes boleh dipakai dan kita syorkan kepada pihak SPR untuk melaksanakannya. Ia hanya boleh melaksanakan ada opsyen. Contohnya siapa yang tidak mahu di cap, terpaksa tidak di cop dan minta pengecualian di atas sebab-sebab tertentu. *I think the fear* ialah kalau beratus-ratus orang ini di pusat pengundian tidak mahu apa sahaja alasannya *it can be unlimited numbers you see so*, kalau kita hendak katakan *no option*, ikut itu sebagai peraturan. *Then it requires in energies view must be* pergi kepada perubahan perlembagaan.

**Beberapa orang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak? Perubahan perlembagaan. *At other moment actually* dia mengatakan bahawa *it can be yes or no silent* bahawa ini boleh dilaksanakan *but if you know naughty people who want petition and all these thing just to disturb you know. I think majority of people in Malaysian very responsible but you don't expect that, anything can happen so*, apa pandangan di kalangan kita *or you want to listen from them?*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini yang saya bimbang yang saya kemukakan kebimbangan awal-awal lagi. Walau bagaimanapun saya juga memikirkan perkara ini dan mengambil contoh perkara-perkara yang lain seperti jika seseorang itu datang hendak mengundi tetapi tidak membawa kad pengenalannya, dia tidak berhak mengundi sebab dia tidak ada kad pengenalan.

**Seorang Ahli:** ...Dalam perlembagaan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini yang saya maksudkan ia serupalah.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Peraturan, keduanya seperti Yang Berhormat Rasah, saya ingat Yang Berhormat Rasah bangunkan perkara ini.

Kalau dia datang pukul 5.30 umpamanya hendak mengundi ataupun 5.05 minit datang hendak mengundi dia ditahan tidak boleh mengundi sebab dikatakan dia datang lewat tetapi dia mengatakan saya berhak mengundi, nama saya ada di dalam daftar pemilih, saya ini memang - itu satu juga peraturan yang adakah itu tidak melanggar Artikel 119. Saya bangunkan dari awal ini sebab saya hendak mendapatkan kepastian daripada Peguam Negara sebab saya berpendapat kita ingat semua berpendapat bahawa dakwat kekal ini kita tidak ada masalah, kita boleh terima asalkan dia tidak melanggar peraturan Perlembagaan kita, itu sahaja.

Namun sebagaimana yang saya sebutkan tadi itu, contoh yang saya sebutkan tadi adalah dua contoh yang cukup terang yang walaupun tidak tersebut dalam Perlembagaan kita tetapi dibenarkan. Macam Yang Berhormat Rasah bangunkan, 5.05 dia datang, 2 minit, 5 minit lepas ditutup kamu tidak boleh mengundi sebab kamu datang lewat, itu bagi saya berhak pertama.

Kedua dia datang tetapi terlupa membawa kad pengenalan dia, itu saya berhak menerima nama saya, *you* kena tunjuk *approve that you are so and so*. Jadi saya pun tidak begitu faham. Walau bagaimanapun selepas membaca pandangan bertulis daripada Peguam Negara saya pun berfikir entahlah macam mana mungkin kita kena berikan kepada Peguam Negara sendirilah untuk dia berhadapan dengan kita memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya, sebab saya terbuka kepada idea untuk menggunakan dakwat kekal.

**Tuan Pengerusi:** Untuk apa ini, saya rasa pihak di sebelah sini pun semua terbuka tetapi kita mahu memastikan kita selesa dari segi perihal Perlembagaan. Kalau kita belum berpuas hati apabila kita memasukkan SPR saya rasa kita boleh panggil AG juga untuk datang sendiri untuk mendapatkan penjelasan kepada kita dalam satu-satu mesyuarat yang akan datang. Di sebelah sini ada apa komen?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya juga berpandangan seperti Yang Berhormat Kangar. Saya hendak bertanya adakah keperluan membawa IC itu terdapat disebutkan di dalam Perkara 119...

**Tuan Pengerusi:** Ya

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** ...Perlembagaan. Kalau tidak ada apa juga syarat-syaratnya adalah termasuk di dalam peraturan yang dibuat, yang mana kalau itulah maka kita boleh menjadikan dakwat ini sebagai satu peraturan yang baru atau apa sahaja mungkin kita memerlukan perubahan pada masa akan datang tidak akanlah Perlembagaan pula buat kita lakukan pada peraturan.



Jadi saya beranggapan ini macam menggunakan *cannon* untuk *kill mosquito* ini terlalu besar tetapi kalau pihak AG bertegas mengatakan ini memerlukan pindaan Perlembagaan, kita di dalam jawatankuasa ini kita mesti mencadangkan pindaan Perlembagaan sebab kita rasa ini penting. Jadi kalau, dengan izin, *if you need the amendment of the Constitution then we have to do that.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Akan tetapi apa yang menghairankan saya apabila SPR datang baru-baru ini dia mengatakan dia tidak ada masalah. *I think you all will agree with me.* Pada masa itu, dia datang dia kata tidak ada masalah sedangkan apabila kita merujuk kepada buku dia mengatakan dahulunya ada masalah. *I think* Yang Berhormat Wangsa Maju pun bercakap dahulu juga begitu juga, dahulu ada masalah sekarang tidak ada masalah, *now* ada masalah pula. Ini yang saya mempersoalkan dari awal tadi, kita tidak mahu bila kita semua sudah bersetuju tiba-tiba ada cabaran ke Mahkamah Persekutuan kah *and then* Mahkamah Persekutuan bersetuju bahawa memang melanggar Perlembagaan status pemilihan. Kita ini, *we all will be make look so stupid* lah mana-mana kita yang bersetuju. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai, *we are opposite* kalau hendak meminda Perlembagaan...

**Tuan Wee Choo Keong:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** ...*I think everybody will agree.*

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** Tuan Pengerusi, *I concur* dengan Yang Berhormat Kuala Krai *and also* Yang Berhormat Kangar, sekiranya perlu kita mengubah Perlembagaan untuk memastikan dakwat kekal ini menjadi syarat utama, kita pinda. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memberi cadangan seumpama ini terima kasih.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *Last* sebelum kita panggil mereka beri lima dalam perkara ini lagi. Kalau kita belum *satisfied* kita boleh panggil kemudian sebelum kita membuat laporan ketetapan apa yang kita simpulkan, sebelum kita panggil AG.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang amat penting kerana sekarang ini walaupun peguam negara tidak terlibat di dalam mesyuarat dalam jawatankuasa ini tetapi tiba-tiba beliau menulis sepucuk surat *direct* kepada Tuan Pengerusi, saya pun amat hairan.

**Beberapa Orang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, we ask opinion from SPR to bring the letter, to bawa surat yang mereka terima pada masa itu, 2008 di mana Pengerusi SPR menyatakan di sini bahawa pejabat AG telah memberi satu advise secara bertulis menyatakan Perlembagaan menghalang penggunaan dakwat kekal *indelible ink* ini. SPR yang kita tahu kata boleh sebab itu mereka beli dakwat. So, jadi ini satu isu yang amat serius, *so the true cannot tell the truth* dengan izin ya. *SPR cannot be telling the truth and then AG cannot telling truth, some of them must telling a liar.**

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** *This letter will put arrest to what our opinion are, I mean...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** *...SPR has got a responsibility to explain.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Cannot be put in arrest because now the two cannot be right at the same time, one has been wrong. Either AG was not telling the true or the SPR not telling the true. This letter is...*

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** *This letter?*

**Tuan Wee Choo Keong:** *...Dated 9 November 2011.*

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** *So Latest lah.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Ya this is 2011, but what we want is 2008.*

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan:** *That is why we ask them last meeting. Dia kata...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Now what I heard daripada Tuan Pengerusi mengatakan surat ini cop sulitlah dan sebagainya, itu saya rasa bukan satu perkara, *you know*. Kita *select committee*, kita hendak *go deep to solve the problem once and for all*. Perkara ini bukannya senang dan saya tengok pandangan ini pun tidak berapa jelas dari segi undang-undang*

#### ■1300

Saya tengok dalam Artikel 119 di bawah di bawah *Federal Constitution* tidak menyatakan pandangan ini dan 119 pun tidak menyatakan seorang *electorate* atau warganegara, kalau hendak mengundi dia mesti berdaftar, *become a registered voter*, tidak sebut juga di sini. Kenapa SPR boleh buat peraturan begitu? Jadinya sekarang pun salah, SPR tidak ada hak begitu, semua warganegara boleh buat itu. *Actually its regulation*, bukan perlu – kalau hendak menggunakan *indelible ink* itu kita akan bercanggah dengan *Constitution*. Mereka masih boleh undi cumanya inilah peraturan bahawa perlu buat itu – dakwat, *this is part of regulation* bukannya “*Sorry you cant vote*” *No!*

Sama juga kenapa saya perlu register? Saya warganegara Malaysia, IC saya. Ini saya punya surat kewarganegaraan. *I have right to vote, why you* kata tidak boleh sekarang? Kerana saya tidak *register. Same argument* untuk ini. *So, saya rasa argument* ini tidak boleh diterima dari sudut undang-undang kerana 119 tidak ada, saya ada di sini. Janganlah kita menerima *advice* daripada Peguam Negara sebulat-bulatnya sahaja tanpa meneliti satu-satu 119, yang mana perkataan-perkataan ini amat...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** *Simple* dan terang...

**Tuan Pengerusi:** Okey...

**Tuan Wee Choo Keong:** Itulah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju, kita perakui...

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, no* saya hendak...

**Tuan Pengerusi:** *Appreciate* lah...

**Tuan Wee Choo Keong:** *I want to make a point here, to be record and then to be noted...*

**Tuan Pengerusi:** *I know.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Cannot be telling the truth, somebody is lying here either SPR atau Peguam Negara, this two...*

**Tuan Pengerusi:** *I think* majukan dalam bentuk...

**Tuan Wee Choo Keong:** *So, this is a serious matter, we are now representing Malaysian Parliament, we want to get the bottom of the truth If this person lying, action to be taken...*

**Tuan Pengerusi:** Okey, apa ini...

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingat hendak buat *correction* sedikit kepada apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju itu. Memang kalau kita baca Peraturan 119, disebutkan bahawa di bawah 119, 1(c) itu dikatakan "*Didaftarkan dan di bawah peraturan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya...*" Ada disebut, 119 1(c). *There is new amendment I think maybe you link to old constitution...* [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** *Constitution say, referring to regulation. Mana-mana regulation which can be...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yes, 119...

**Tuan Pengerusi:** *Made by SPR.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Artikel 119.

**Tuan Pengerusi:** *If they say...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Artikel 119, 1(c).

**Tuan Wee Choo Keong:** *...Regulation...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, dalam Perlembagaan ...

**Tuan Wee Choo Keong:** *Yes, I know 1(c) as long as...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Wee Choo Keong:** *...Regulation, so the same.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** *The same, you just supporting my argument, Yang Berhormat Kangar is supporting me...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *No, no you said it – not be registered, tidak payah daftar.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *No! I say for example, like not to be register, I mean that I should be... you are also denying me the right to vote dengan izin...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *That is why I...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Sama.

**Tuan Loke Siew Fook:** *Can Yang Berhormat Kangar read out 119...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I was going to correct you because I thought you said dia tidak sebut dalam Perlembagaan mesti didaftarkan...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Yes, exactly to state that...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *What I am saying is that dalam Perlembagaan dikatakan mesti berdaftar sebagai pengundi...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak, mana ada.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ada.

**Tuan Wee Choo Keong:** Cuma kata di bawah - *can you read out the 1(c)...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Di bawah 1(c) dikatakan "Didaftarkan".

**Tuan Wee Choo Keong:** Mana? *No, no...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia kata begini, *"Tiap-tiap warganegara yang –*

- (a) *telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan;*
- (b) *bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau jika tidak bermastautin sedemikian ialah seorang pengundi tidak hadir; dan*
- (b) *berdaftar, didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih*

*sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan.”*

*So, I was just going to correct you to say...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *This provision.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dalam Perlembagaan, *he must be register as a voter.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Yes, yes.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Itu sahaja *but what I* bangkitkan awal tadi itu, tentang percanggahan tadi itulah. *Although it stated here* tetapi kalau *you* tidak bawa kad pengenalan umpamanya...

**Tuan Pengerusi:** Bercanggah dengan peraturan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *And then you* tidak boleh mengundi. Mana boleh saya tidak boleh mengundi, saya berdaftar, saya bermastautin di sini, saya warganegara Malaysia *but...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *But they wont allowed.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, *cannot allow or if he come at 5.05.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, *after the...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *I dont come...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Why don't that become an issues but here,* kita hendak tahu dakwat ini *become an issues...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *No but if he come at 4 o'clock, I lost my IC, I bring my surat kewarganegaraan, my citizenship also cannot because you need IC.*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wee Choo Keong:** Ha!

**Tuan Pengerusi:** *Regulation.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** *Specified what they...*

**Tuan Wee Choo Keong:** *I don't think this - so, I think this...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *To solve the problem is to call AG here and ask him.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *No...*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, kalau kita merujuk surat AG ini, di dalam perkara 4A itu. *“Jika penggunaan dakwat kekal diwajibkan, ia akan berlawanan dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan jika tidak ada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau...”*

**Tuan Pengerusi:** Mana-mana peraturan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *"Mana-mana peraturan yang berkaitan..."* Akhirnya...

**Tuan Pengerusi:** Itulah dikatakan, mereka hendak masukkan dalam peraturan *you see*. Dia katakan masukkan dalam peraturan, itu pandangan AG dan itulah sebabnya ia sudah mula berubah daripada pendekatan yang awal itu dan lain dalam *pamphlet* dia, lain yang disampaikan *because now they said we want to put in the peraturan and there is no...*

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, sambung daripada kontrak ya, daripada 4A itu dikatakan juga, *"Ia adalah kerana Perkara 119 tidak memperuntukkan bahawa keengganan seseorang pemilih berdaftar itu menggunakan dakwat kekal menjadikan dia hilang kelayakan untuk mengundi."* Maksudnya benda itu *silence*, sama juga dengan *argument* daripada Yang Berhormat Kangar. Kalau saya tidak membawa IC, dia pun tidak tulis dalam Perlembagaan Persekutuan kata, kalau tidak mahu bawa IC dia hilang kelayakan. Jadi, kalau kita hendak masukkan semua ini Perlembagaan Persekutuan banyak perkara termasuk masa, termasuk IC, termasuk dakwat kekal...

**Tuan Pengerusi:** Ya lah...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Jadi, Perlembagaan Persekutuan kita akan menjadi macam peraturan, bukannya Perlembagaan....

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Loke Siew Fook:** *No ending.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau / baca ini, ia tidak ada – orang kata apa, tidak sesuai.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, that is why* saya cadangkanlah supaya kita panggil AG, hendak tanya dengan dia, *why you say this?*

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa kita terbuka kepada perkara itu tetapi *to simplify the matter*, 'A' says *that if you put in the peraturan and you give the option* untuk mengisi borang *then* boleh – tetapi kalau *you* katakan 'B', wajibkan, tidak ada borang *then we have to change* Perlembagaan, itu yang dikatakan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sedikit. Selain daripada pandangan AG yang baru dikemukakan kepada Jawatankuasa, yang lebih serius lagi saya kira ialah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, ada pihak yang tidak bercakap benar dalam Jawatankuasa ini...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dan saya lihat kalau kita tengok Hansard yang telah dibekalkan, jelas pihak yang tidak bercakap benar ialah pihak SPR. Saya lihat pada muka surat lapan dan sembilan. Jelas mengatakan – ini keterangan yang diberikan berkaitan dengan 119, “*kita telah mendapat pandangan undang-undang,*” undang-undang mana? So, kalau dia sudah mendapat pandangan undang-undang bahawa bagi memastikan penggunaan *indelible ink* ini hanya peraturan yang perlu dipinda dan SPR diberikan kuasa tertakluk kepada Undang-undang Persekutuan iaitu peraturan. Ini *evidence*, keterangan yang diberikan dalam Jawatankuasa bertentangan dengan penjelasan yang dibuat oleh AG. So, maknanya SPR telah berbohong dalam Jawatankuasa ini, bagi saya ini satu perkara yang serius...

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu pandangan yang kedua itu, yang *the new one*. Dahulu dia kata...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *No, no* ini yang baru...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini yang baru.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ini yang baru, ini pada 2 November...

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ini yang terbaru sebab dia kata dia ada dua...

**Tuan Pengerusi:** Yang tukar peraturan sahaja, okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi dia kata setelah mendapat pandangan undang-undang sedangkan undang-undang AG mengatakan tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali *lawyer* dia sendiri.

#### ■1310

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, pendirian kita jangan kita *pin point on* Pengerusi, Setiausaha ataupun – kita lihat institusi SPR itu sendiri. Kita tidak boleh *blame on the* Pengerusi ataupun mana-mana personaliti. So kita perlu tegur SPR, kalau tidak kita perlu ambil tindakan. Ia telah berbohong dalam Jawatankuasa ini.

**Tuan Pengerusi:** Kembali pada..., okey, nanti kita...

**Tuan Wee Choo Keong:** Walaupun Tuan Pengerusi, ataupun yang baik - kita lihat dalam surat AG ini menyatakan...

**Tuan Pengerusi:** Surat AG menyatakan...

**Tuan Wee Choo Keong:** Perenggan dua...

**Tuan Pengerusi:** Beliau masih kekal pandangan asal, beliau kata.

**Tuan Wee Choo Keong:** Jabatan ini melalui surat bertarikh 25 Februari 2008 telah menulis kepada Yang Berbahagia Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Abdul Rahman, mantan Pengerusi Suruhanjaya. So, saya rasa kita perlu panggil Yang Berbahagia Tan Sri Rashid datang ke sini memberi satu keterangan. Ini kerana AG telah buat...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya. Kita perlu panggil beliau datang. Ya. Yang Berbahagia Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Abdul Rahman ini boleh memberi keterangan yang tepat bahawa apakah itu. Kita tidak boleh kata dalam keadaan ini kita hendak cari alasan untuk orang ini, orang itu. Saya rasa okey, sekarang AG telah menyatakan di sini dan saya rasa orang yang kita perlu dapatkan keterangan juga ialah Yang Berbahagia Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Abdul Rahman.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya sedar itu dan itu barangkali poin yang boleh kita catitlah. Akan tetapi pokok di sini adalah penggunaan dakwatlah. So, saya rasa apa yang kita perlu adalah pandangan legal yang mana kita percaya boleh membantu kita untuk membuat rumusan dari segi perkara ini. Saya bercadang kita panggil sahaja mereka dengar balik, apa-apa perkara belum selesai kita catatkan dan kita harus terbuka panggil AG sendiri dalam hal dakwat ini. Ini kerana kalau soal surat 25 hari bulan semua ini, saya difahamkan ini banyak perkara di dalam sana, bukan soal dakwat sahaja.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak mengapa Tuan Pengerusi, tidak mengapa. Kita tanyakan mengenai dakwat sahaja, benda lain jangan cakap.

**Tuan Pengerusi:** Ya boleh.

**Tuan Wee Choo Keong:** Cuma dakwat. *No problem. So that* tidak akan bercanggah dengan apa-apa.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, kita perlu beliau soal dakwat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya. Kita perlu beliau oleh sebab beliau telah membazirkan RM3 juta. Ini juga serius kita hendak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Itu harus PAC yang panggil, *Public Account Committee Parliament*.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No*. Kita perlu hendak tahu juga sama ada beliau dapat itu nasihatkah pada masa itu oleh kerana kita dapat keterangan yang bercanggah sekarang dengan keterangan SPR di muka surat...

**Tuan Pengerusi:** *You* mahu fokus kepada penambahbaikan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *All right*. Panggil mereka. Sila.



[Saksi-saksi dari Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil tempat di dalam bilik Jawatankuasa]

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa kita fokuskan terus. Apabila mereka masuk saya akan bangkitkan surat ini dan apa pandangan mereka terkini kerana surat ini telah disalinkan kepada mereka. Selepas itu saya rasa – saya tahu barangkali kita tidak puas hatikah, kita hendak panggil AG *in other section* untuk *confirm our* dia punya *statement plus* apa-apa keraguan ataupun perkara yang kita belum lagi puas hati. Akan tetapi, kalau boleh masuk dalam ruang daftar pemilih ini sebab ini begitu *crucial*. Sila Yang Berbahagia Tan Sri.

Terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri, Yang Berbahagia Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar juga, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah dan rombongan keseluruhan. Ini adalah sesi kedua bagi kita bersama. Pihak kami ingin memfokuskan kepada dua perkara. Perkara pokok nanti ialah soal daftar pemilih. Itu yang kita mahu dengar, pihak Jawatankuasa mahu dengar dan bersoal jawab. Selepas itu di mana yang berkaitan dengan JPN, kita akan nanti jemput mereka supaya kita boleh bincang bersama.

Akan tetapi sebelum itu, kita mengambil masa sedikit sahaja sebagai susulan kepada mesyuarat minggu hadapan, perkara yang berbangkit adalah berkaitan dengan soal dakwat. Dalam perkara ini, keraguan Jawatankuasa ialah dari segi pandangan undang-undang yang mana pihak Jawatankuasa mahu kalau boleh 100% yakin bahawa semua bidang dan keraguan itu telah pun diselidiki dan telah mendapat pandangan undang-undang yang boleh kita katakan muktamad.

Susulan daripada itu, saya telah menerima satu surat daripada pihak AG dan saya sebenarnya atas juga pandangan kita yang kita minta supaya ada pandangan terkini daripada pihak AG. Nampaknya AG memutuskan supaya tulis surat *direct* kepada Jawatankuasa mengenai pandangan AG dengan salinan kepada pihak SPR. Kami telah meneliti surat ini dan pihak kita ingin bertanya kepada SPR apa, apa pandangan terkini mengenai penggunaan dakwat ini berdasarkan kepada pandangan AG yang terkini yang mana disebut sana pandangan beliau sama dengan apa yang telah disampaikan sebelum ini iaitu kalau hendak saya rangkumi di sini, beliau kata kalau *you* beri opsyen dan kalau dengan itu peraturan mencukupi, kalau *you* paksa tidak ada opsyen dan Perlembagaan itu hendaklah diubah. Jadi, bagaimana berdasarkan kepada pencapaian sebelum ini? Terima kasih. Nanti ada Yang Berhormat saya beri peluang sedikit untuk bertanya juga.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof [Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa. Pertama sekali, selepas perjumpaan yang pertama dahulu bahawa saya ada menyebutkan di sini pindaan Perlembagaan tidak perlu dibuat.

Akan tetapi apabila selepas bertemu di sini, saya dan pegawai-pegawai saya berbincang menyatakan bahawa penjelasan tidak ada opsyen kepada pengundi ini tidak begitu dinyatakan kepada pihak penasihat undang-undang dan juga kepada AG. Jadi, kita telah mengemukakan dengan lebih spesifik kepada pihak AG supaya memberi pandangan yang jelas tentang perkara ini. SPR ingin mengelakkan jika sekiranya berlaku pada hari pengundian ada pengundi yang ditegah daripada mengundi kerana terpaksa tidak ada opsyen, mereka membuat bantahan di mahkamah dan merisaukan SPR ialah akan menjadikan pilihan raya itu terbubar atau batal. Itu yang sangat merunsingkan kita.

Jadi untuk lebih selamat, kita telah mengemukakan perkara ini kepada pihak Jabatan Peguam Negara dalam dua keadaan. Di peringkat SPR, keputusan dasar yang kita buat ialah tidak ada opsyen bila memakai *inedible ink*. Ini kerana pada pandangan kita kalau ada opsyen, *defeat the purpose*. Ramai yang mungkin akan memilih untuk mengisi borang. Jadi kita di peringkat dasar, SPR membuat keputusan adalah tidak ada opsyen. Kalau mereka tidak mahu dicalit dakwat di jarinya, mereka tidak akan dapat mengundi.

Jadi, nampaknya pandangan di peringkat AG yang paling baru ialah supaya lebih selamat, Artikel 119 itu perlu dipinda supaya apabila berlaku apa-apa bantahanlah yang tidak dapat mengundi itu, kita SPR *covered* di bawah *Constitution*.

■1320

Jadi, di peringkat dasar kita hendakkan tidak ada pilihan dan dalam keadaan ini maknanya nasihat yang terbaru AG ialah untuk meminda undang-undang, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat ada apa-apa? Akan tetapi Tan Sri Pengerusi itu ertinya ruang untuk menggunakan ia bagi pilihan raya yang akan datang, yang ada lagi 18 bulan sebelum selesai adalah kecil kecuali dibawa ke persidangan Parlimen secepat mungkin, bukankah begitu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** SPR menyedari perkara itu Tuan Pengerusi dan kita pun berpandangan bahawa paling cepat pun *session* yang akan datang bulan Mac untuk meminda Perlembagaan berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa? Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, saya hendak mohon penjelasan sahajalah di mana Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz sebutkan tadi bahawa sekarang ini pendirian SPR kalau diperkenalkan dakwat kekal ini, ia mesti syaratnya tidak ada syarat, tidak ada pilihan. Bermakna *no choices*, wajib.

la berbeza dengan cadangan asal sebelum 2008, di mana ketika itu dicadangkan dakwat kekal digunakan tetapi ada pilihan di mana seseorang pengundi jika enggan untuk jarinya dicalit dengan dakwat kekal itu dia boleh mengundi asalkan dia mengisi satu borang. Borang 11 kah? Begitulah lebih kurang. Betulkah itu, *that is correct?* Ia punya keadaan begitu. Betulkah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Keputusan SPR masa itu, ya. Maknanya penggunaan *indelible ink* ada *option*. Akan tetapi keputusan panel SPR yang sekarang menyatakan kalau ada pilihan, *they pick the purpose*. Jadi, tujuan kita untuk menyaring, *to screened the voters* ini supaya tidak berlaku pengundian dua kali dapat dilaksanakan jika sekiranya mandatori. Jikalau ada *option*, itu susah sedikit sebab apa, kita tidak ada *interlink network* di antara saluran dengan saluran di tempat lain. *We do not know what happen to the others* saluran atau di tempat lain. Jadi, itu masalahnya. Jikalau mereka datang dengan tangan yang tidak bercalit sedangkan dia sudah mengundi di tempat lain. *That's our concern*.

**Tuan Pengerusi:** So, Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz, ini pandangan yang terkini selesai daripada pandangan AG? Oleh sebab minggu lalu kita katakan bahawa ubah peraturan sahaja dan itu boleh menyelesaikan sebab itu akan mewajibkan untuk ikut peraturan. So, kita terima itu sebagai pandangan yang terkini oleh pihak SPR. Okey siapa lagi mahu? Yang Berhormat Wangsa Maju, *you* hendak cakap?

**Tuan Wee Choo Keong:** Okey, Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak dahulu?

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat Gombak dahulu, apa ada hal.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak. Saya kadang-kadang tidak nampak lampu yang merah itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbincangan pada pagi ini, saya ingin memaklumkan kepada Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wira Haji Wan Ahmad. Di peringkat awal tadi saya telah mohon supaya ada pindaan terhadap Hansard Prosiding Jawatankuasa pada tarikh 1 November di mana yang saya maksudkan adalah bukan Datuk Wan Ahmad Wan Omar tetapi Datuk Kamaruzaman Mohd Noor telah pun dipinda ya. Itu yang pertama.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kita cepat. Kita tidak payah tunggu lama-lama. Ada pembedaan kita buat pembedaan terus. Kedua, Tuan Pengerusi dan juga Tan Sri Pengerusi SPR, setelah kami teliti pandangan undang-undang daripada Peguam Negara yang hanya dikemukakan kepada Jawatankuasa pada pagi ini dan dibandingkan dengan keterangan yang telah diberikan oleh Tan Sri sendiri pada 2 November yang lepas. Saya agak keberatan untuk menyatakan perkara ini tetapi saya ingin menegaskan bahawa SPR tidak memberikan keterangan yang benar kepada Jawatankuasa ini.

Ini kerana di dalam keterangan yang telah diberikan oleh SPR pada minggu yang lalu, jelas menyatakan di muka surat lapan Laporan Prosiding Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Tan Sri sendiri menyatakan pada masa ini apabila kita *refer* kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan "*boleh dan tidak perlu dipinda.*" Ini sama sekali bercanggah dengan pandangan yang diberikan secara bertulis. Kemudian disusuli dengan keterangan oleh Penasihat Undang-undang SPR pada muka surat sembilan, Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff; "*Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita telah mendapat pandangan undang-undang bahawa bagi memastikan penggunaan indelible ink ini hanya peraturan perlu dipinda kerana SPR diberi kuasa tertakluk kepada undang-undang Persekutuan iaitu peraturan.*"

Tuan Pengerusi, inilah yang membimbangkan saya daripada awal, daripada minggu lepas, saya bimbang kalau perkara yang semudah ini pun Jawatankuasa tidak dapat diyakinkan bahawa kesungguhan dan komitmen SPR untuk melakukan perubahan dan reformasi, bagaimana perkara-perkara lain yang belum lagi kita bincangkan dapat kita yakinkan? Itu yang pertama. Jadi, kita tidak tahu siapa yang bercakap benar sekarang ini, sama ada Peguam Negara atau SPR? Percanggahannya terlalu nyata.

Kedua, ketika SPR dipanggil untuk memberi keterangan dalam Jawatankuasa ini saya percaya SPR telah membuat persiapan yang cukup rapi kerana kita merasakan SPR merupakan kumpulan yang dituduh dengan pelbagai bentuk tohmahan. Maka inilah peluang yang terbaik untuk SPR memberikan keterangan dan penjelasan. Maka dalam keterangan pada 2 November yang lalu pastinya Tan Sri selaku Pengerusi dan Penasihat Undang-undang hadir untuk memberi keterangan yang tepat kepada Jawatankuasa ini.

Minggu lepas kita dapat kesan risalah yang dibekalkan pun bukan risalah yang betul. Hari ini kami dikejutkan dengan pandangan undang-undang. Ini satu perkara yang serius, apabila AG memberikan pandangan yang bertentangan dengan keterangan SPR.

Ketiga, saya hendak merujuk keterangan perbincangan yang diberikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kangar tadi; “Pada tahun 2008, SPR telah membuat keputusan...” Panel SPR, Tan Sri sebut tadi buat keputusan untuk penggunaan *indelible ink* dengan *option*. Maksudnya bagi mereka yang enggan menggunakan *indelible ink*, mereka boleh mengisi satu borang lain.

Pada ketika itu pun Peguam Negara sudah menyatakan ia bercanggah dengan Perlembagaan. Jikalau kita lihat pandangan undang-undang daripada Pejabat Peguam Negara, surat yang dihantar bertarikh 25 Februari 2008 telah menulis kepada Mantan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, memberikan pandangan jabatan ini berhubung dengan cadangan penggunaan dakwat kekal secara pentadbiran tanpa membuat apa-apa peraturan dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Maksud saya ialah ketika SPR mengemukakan cadangan yang khusus di mana *indelible ink* ini dibenarkan dengan opsyen, Jabatan Peguam Negara sudah menolak. Tadi Tan Sri Pengerusi memberitahu bahawa pandangan awal pada 2 November itu ialah tidak begitu jelas bagi Peguam Negara, maka setelah keterangan diberikan kepada Jawatankuasa ini maka SPR telah berbincang dan memaklumkan semula secara khusus di mana penggunaan *indelible ink* ini tanpa opsyen.

■1330

Jadi, masalah ini sukar untuk saya terima keterangan seperti itu sebab 2008 pun Peguam Negara sudah menolak cadangan-cadangan khusus seperti itu. Mengapa perkara ini dipadamkan atau pun dihilangkan dalam keterangan yang diberikan oleh SPR pada 2 November yang lalu di mana pengerusi dan penasihat undang-undang sendiri telah menyatakan dengan tegas bahawa pandangan telah didapati daripada Peguam Negara dan ianya membolehkan.

Maka, rumusan saya ialah sebelum kita bincangkan perkara-perkara yang lain, saya mintalah supaya SPR dalam memberikan satu penjelasan dan keterangan yang lebih tepat sebelum kita membuat rumusan-rumusan kerana ianya melibatkan soal keyakinan dan kredibiliti SPR sebab kita baru putuskan minggu lepas bahawa penggunaan *indelible ink* ini SPR bersetuju dan kita minta pandangan undang-undang. Undang-undang kata boleh dan kami pun boleh dikatakan hampir keseluruhan, *consensus* mendukung usaha SPR tetapi sekarang kami dikejutkan dengan bukti-bukti seperti ini. Maka, saya sebenarnya tidak lagi berminat untuk berbincang perkara-perkara yang lain kalau perkara seumpama ini pun keterangan-keterangannya bercanggah dan ianya merupakan satu perkara yang cukup asas dalam reformasi pilihan raya di negara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, barangkali setakat itu dahulu. Minta pihak pengerusi kembali menyentuh apa-apa yang dibangkitkan kali itu perihal penyampaiankah, atau apa mohon untuk memberi input kepada itu dan selepas itu Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Radzi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Gombak. Pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa saya tidak berbohong menyatakan perkara itu di dalam jawatankuasa ini. Perkara yang saya nyatakan pada masa itu adalah berasaskan nasihat yang saya terima daripada penasihat undang-undang saya bahawa penggunaan dakwat kekal tanpa opsyen tidak memerlukan pindaan Perlembagaan kerana itu yang disampaikan kepada saya.

Saya tidak berbohong Yang Berhormat tetapi apabila setelah mendengar pandangan daripada ahli-ahli di sini, pihak kita merasa risau juga jika sekiranya yang saya sebutkan tadi iaitu tidak perlu meminda Perlembagaan, *anything can happened*. Sebab apa pendirian peringkat SPR daripada pilihan untuk *verification* ini kita sudah putuskan untuk guna *indelible ink* dan kita tidak mahu ada opsyen. Jadi, perkara ini dibawa semula oleh penasihat undang-undang saya kepada pihak Peguam Negara dengan penerangan yang jelas. Perjumpaan itu pun hanya dapat dibuat semalam kerana Peguam Negara pun berada di luar negara sebelum itu. '

Jadi, apabila pandangan baru diterima begitu, saya menyampaikan di sini, bukan saya berbohong. Kedua berkenaan penasihat undang-undang. Memanglah penasihat undang-undang pada masa itu pun berhubung dengan Jabatan Peguam Negara dan pandangan yang diterimanya pada masa itu tidak memerlukan pindaan undang-undang. Mungkin semasa itu maklumat yang kita sampaikan ada dua perkara iaitu penggunaan biometrik dan juga penggunaan *indelible ink*.

Jadi, penggunaan khusus yang *indelible ink* ini tidak ada pilihan. Mungkin tidak dapat disebutkan dengan jelas Yang Berhormat. Jadi, itu sebabnya kita berjumpa sekali lagi, kita khususkan kepada *indelible ink* dan tidak ada pilihan dan itulah pandangan daripada AG dan itu lah yang kita sampaikan di sini pagi ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa dari peringkat itu kita boleh terimalah iaitu perubahan-perubahan itu berasaskan kepada maklumat yang diterima dari sini atau pun sana, dari peguam dan ketetapan yang baru. Memang ada keraguan sedikitlah dengan perubahan pandangan ini dan itulah barangkali kelihatan seolah-olah persoalan ketulusan itu timbul. Akan tetapi saya rasa pihak kita faham. Bidang undang-undang ini *those Ahli Yang Berhormat lawyer* ini *we put do lawyer together* pun kena *agree*. Masalahnya *that why appeal cases and so on*. Okey, saudara Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi SPR, saya merujuk balik kepada hansard minggu lepas juga bertarikh 2 November. Tan Sri menyebut bahawa berkenaan dengan perkara ini, "*Kita bercadang begini Yang Berhormat. Sekiranya mereka tidak mahu menggunakan dakwat kekal ini, mereka tidak boleh mengundi. Tidak sebagaimana cadangan yang dahulu ada boleh isi borang pula. Ramai pula yang isi borang tetapi kali ini kita sudah kata dakwat ini halal, dakwat ini kekal, dakwat ini tidak menyekat air wuduk dan sebagainya. Jadi, tidak ada sebablah dan tidak menyebabkan kesihatan diri pengundi terjejas.*"

Dalam perenggan kedua, mengikut apa yang saya faham tidak perlu meminda Perlembagaan. Jadi, ini yang diperkatakan minggu lepas. Maksudnya, *stand* SPR minggu lepas sudah mengatakan bahawa memang tidak ada opsyen, bukan sekarang. Minggu lepas sudah katakan tidak ada opsyen. Maksudnya sebelum SPR datang telah membuat keputusan bahawa kalau hendak membuat dakwat kekal ini tidak ada opsyen. Saya beranggapan bahawa SPR membawa pendekatan ini sudah tentunya sudah merujuk kepada Peguam Negara.

Ini kerana Tan Sri mengatakan bahawa mengikut apa yang saya faham tidak perlu meminda Perlembagaan. Mungkin Peguam Negara telah menasihatkan SPR kata tidak perlu meminda Perlembagaan tetapi sekarang surat daripada Peguam Negara pula katakan kalau tidak ada opsyen, kalau semua orang diwajibkan untuk menggunakan dakwat kekal perlu pinda Perlembagaan Perkara 119. Soalan saya sama ada Peguam Negara *flip-flop* dalam *position* dia, dalam pandangan beliau, dalam pandangan Peguam Negara telah *flip-flop*. SPR beritahu sebelum ini tidak perlu pinda Perlembagaan tetapi apabila diminta oleh PAC, mereka kata perlu pinda Perlembagaan pula. Jadi, dalam perkara ini kita hendak tahu sama ada siapa yang *flip-flop* dalam *position* berkenaan dengan sama ada perlu pinda Perlembagaan atau tidak.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa Tan Sri Pengerusi *in a way* selepas rundingan sesama kita, pakar-pakar peguam di sini, mereka pun balik untuk berfikir semula dan *consult* balik.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi sebelum itu sudah *consult* dengan Peguam Negara. Saya beranggapan, selepas *consult* dengan Peguam Negara baru penasihat undang-undang SPR ada keyakinan memberitahu kepada Tan Sri menyebut dalam PAC tidak perlu pinda Perlembagaan. Jadi, perkara ini saya rasa banyak percanggahan sebelum dan selepas pendengaran dalam PAC.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tan Sri ada komen tambahan di situ ataupun kita terima teguran begitu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu hendak cakap macam mana lah Yang Berhormat. Tujuan kita untuk menggunakan *indelible ink* dan kita tidak mahu penggunaan *indelible ink* ini menimbulkan masalah semasa pilihan raya akan datang. Itu sebabnya apabila kita balik daripada jawatankuasa ini, saya berbincang balik dengan pegawai-pegawai mengatakan ini tidak ada pilihan. Mungkin semasa pandangan awal yang diterima daripada AG itu tidak berapa jelas tentang perkara itu. Lebih-lebih lagi dua perkara biometrik *and indelible ink*.

Jadi, apabila AG balik daripada luar negara, kita berjumpa lagi sekali, pegawai undang-undang saya berjumpa lagi sekali menceritakan dengan lebih spesifik dan jelas sepenuhnya. Itu pandangan yang diberi melalui surat berkenaan. Sebelum itu, mungkin AG berpandangan ada opsyen. Ini pandangan saya lah. Jadi, itu pandangannya bahawa tidak perlu meminda Perlembagaan. Jadi, itu yang saya sampaikan di sini. Saya tidak berbohong sama sekali Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Minta maaf.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Perkara yang saya sampaikan itu adalah berasaskan kepada pandangan AG kepada penasihat undang-undang saya pada masa itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak *intervene* di sini. Tan Sri, mengatakan dalam perbincangan awal dengan Jabatan Peguam Negara mungkin penjelasannya tidak begitu jelas dan mungkin Peguam Negara berpandangan ianya ada opsyen. Maka, sebab itulah pandangan itu diberikan.

■1340

Akan tetapi bagi saya kalau itulah andaian Yang Berhormat Pengerusi SPR mungkin Peguam Negara mengandaikan bahawa *indelible ink* ini dengan opsyen ia telah pun memberikan keputusan pada 25 Februari 2008, tidak boleh ia bercanggah dengan Perlembagaan. Maka bagi saya andaian Yang Berhormat Pengerusi itu tidak berasas sama sekali, itu yang pertama. Yang kedua, kalau Yang Berhormat Tan Sri menyebut bahawa Penasihat Undang-undang telah mengemukakan saranan ini kepada Peguam Negara dan mungkin penjelasannya tidak begitu jelas pada ketika itu maka maklum balas yang diterima daripada Peguam Negara boleh diteruskan tanpa pindaan Perlembagaan.

Boleh atau tidak Jawatankuasa ini melihat surat pandangan undang-undang pada ketika itu yang menyebabkan Tan Sri yakin dan datang ke jawatankuasa ini dengan mengesahkan tidak perlu Perlembagaan. Sebab saya percaya pandangan-pandangan ini tidak boleh diberikan melalui SMS ataupun perbualan biasa, ini satu perkara yang penting.



Satu proses yang cukup penting, pastinya pandangan itu diberikan secara apa yang telah diberikan semalam. Jadi boleh atau tidak kami Jawatankuasa ini melihat pandangan undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara yang digunakan oleh SPR untuk datang ke Jawatankuasa ini menyatakan bahawa tidak perlu ada pindaan Perlembagaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Tan Sri, saya tidak mahu *Committee* menjadi *investigative* dalam..., namun kita perlu maklumat yang disalurkan itu adalah maklumat yang kita boleh terima. Saya telah maklumkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa lebih awal setelah – berhubung memberi penjelasan kepada saya kenapa tidak dapat membekalkan pandangan AG itu pada hari Selasa sepertimana yang telah kita minta. Pihak SPR telah mengatakan bahawa AG berada di seberang laut dan balik nanti pada malam hari Selasa. Kedua, bahawa pandangan yang dahulu itu merangkumi banyak perkara lain dan bukan khusus kepada dakwat dan mereka minta satu pandangan yang hanya khusus kepada dakwat seperti mana yang telah dijelaskan dan dibawa pada hari ini.

Saya berpendapat bahawa untuk makluman, pihak kami ada cadangan untuk menjemput AG sendiri nanti untuk memberi pandangan di hadapan Jawatankuasa nanti. Yang Berhormat Gombak, hal-hal seperti ini bolehlah kita bangkitkan dan kita boleh panggil balik SPR jika itu perlu. Pada hari ini saya ingin terus majukan kerana cukup jelas kalau hendak ubah, menggunakan dakwat sekarang ini, kalau saya mendengar di sebelah sini mengubah Perlembagaan *then* bagus jalan dan ubah Perlembagaan. Hal-hal implikasi lain itu nanti kita rumuskan ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi saya ada *dispute* sedikit, saya tidak mahu – bukan saya hendak membincangkan surat pada 25 Februari 2008, yang saya maksudkan tadi ketika Yang Berhormat Pengerusi SPR datang memberi keterangan pada 2 November, beliau datang dengan keyakinan bahawa tidak ada pindaan diperlukan. Tan Sri menyatakan itu adalah pandangan yang telah dirujuk kepada Peguam Negara. *So, I am not talking about 2008, I am talking about the most recent*, apa ini...

**Tuan Pengerusi:** Penyampaian minggu lalulah?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Minggu lalu, jadi sebab itu saya kata pandangan itu kita mahulah dibekalkan. Okey, Peguam Negara telah menulis satu pandangan yang berbeza setelah pihak SPR mengemukakan satu penjelasan yang lebih jelas tetapi kita hendak tengok apa asas-asas yang digunakan dalam memberikan kelulusan untuk penggunaan *indelible ink* tanpa memerlukan pindaan Perlembagaan, itu yang pertama.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kedua Tuan Pengerusi, kalau betul memerlukan pindaan Perlembagaan, mengapa SPR perlu menunggu sehingga bulan Mac? Kita boleh buat dalam sesi sekarang ini, tidak perlu hendak menunggu sebab pindaannya terlalu kecil...

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa kita terbuka kepada itu kalau itu membolehkan masa – pandangan SPR bersedia kah? Belum ada resolusi dari kami tetapi *in case ...*

**Tuan Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** ...Tuan Pengerusi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, okey.

**Tuan Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, kita sudah dapat satu maklumat ataupun pengumuman daripada Jabatan Peguam Negara melalui Peguam Negara yang mengatakan dua pilihan. Saya rasa kita *at least* di sebelah ini, *I think* rakan-rakan saya di sana pun bersetuju sekiranya perlu ada perubahan pada Perlembagaan kita boleh buat. Sekiranya kita boleh buat dalam penggal ini tidak ada apa-apa masalah, jadi kita *will move forward* dengan apa yang ada, penyelesaian di sini. *I think we want to do something fast and I think* sekiranya diperlukan membuat perubahan Perlembagaan pada sesi ini dan cukup masa, kita buat apa yang sewajarnya untuk *move forward*.

**Tuan Pengerusi:** *I think* Jawatankuasa kita berbincang selepas ini tetapi pihak SPR bersedia dalam masa terdekat jika ada ketetapan oleh pihak Jawatankuasa?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Di peringkat SPR, kita membuat keputusan untuk menggunakan dakwat kekal tanpa pilihan. Jadi kalau ia memerlukan pindaan Perlembagaan di sesi mana pun, tadi itu cadangan saya, ingatkan sesi ini sudah habis ataupun tidak sempat, itu cadangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Jadi, kalau boleh dibuat sesi ini dan Jabatan Peguam Negara serta Penasihat undang-undang saya boleh menguruskan dengan segera...

**Tuan Pengerusi:** *That why – the point was* adakah bersedia, is *SPR ready?*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** ...Kita tidak mahu kalau kita sudah pinda Perlembagaan selepas itu SPR balik ke sini dan kata kita hendakkan enam bulan sebab kita tidak order lagi *ink* yang ber *color*, itu yang kita tidak mahu. Bukan bermakna kata pindaan Perlembagaan itu ada pilihan raya, tidak! Yang ditanyakan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Oh!

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Adakah pihak SPR bersedia?

**Tuan Pengerusi:** Melaksanakan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya, saya sangka tadi untuk meminda Perlembagaan....

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya itu satu. Akan tetapi selepas itu...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Jadi, untuk tujuan *indelible ink* ini, kita memerlukan keputusan yang segera oleh Jawatankuasa ini supaya urusan secara rasmi boleh dibuat berkenaan dengan *procurement of ink*, latihan dan sebagainya...

**Tuan Wee Choo Keong:** *That..*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Kalau keputusan itu boleh dibuat pada sesi ini, adalah sangat baiklah kepada SPR untuk membuat secara rasmi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, Kuala Krai ya.

**Tuan Pengerusi:** Krai, ikan Krai. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tadi juga Yang Berhormat Pengerusi SPR, kita mengatakan kalau tidak ada pilihan lain dan AG mengatakan Perlembagaan harus dipinda, kita akur dan kita mencadangkan, cumanya kita juga ada menyebut apakah benar perlu ada pindaan perlembagaan? Ini kita boleh bincangkan kalau AG di hadapan kitalah ya, *when AG is in front of us*. Cumanya berpandu kepada surat yang ada ini, kalaulah ini dikatakan yang autoritatif, saya sudah membangkitkan tadi ada semacam pandangan berbeza dalam surat ini, Yang Berhormat Tan Sri ada suratnya, ada salinan, surat yang sama dari AG, ada salinan ya.

Dalam perkara 4A ada sedikit disebutkan di sini, "*Jika penggunaan dakwat kekal diwajibkan dan ia akan berlawanan dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan, jika tidak ada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana peraturan...*" Ia sebut atau mana-mana peraturan. "*Yang berkaitan untuk membolehkan pelaksanaannya...*" Ertinya kalau ia bagi opsyen, ada sana kalau boleh dipinda peraturan maka boleh. Tadi kita ada bincang perkara-perkara lain yang saya tidak ingin menyebut bahawa banyak perkara yang kalau pengundi tidak ikut peraturan dia tidak boleh mengundi walaupun dia berhak mengundi mengikut Perlembagaan. Contohnya, dalam Perlembagaan ada beberapa perkara sahaja yang tidak membolehkan dia mengundi contohnya dia tidak berdaftar, tidak boleh mengundi dan untuk mendaftar itu pun perlulah bermastautin. Akan tetapi tidak disebut dalam Perlembagaan bahawa dia mesti bawa kad pengenalan melainkan saya silaplah, tidak ada dalam Perlembagaan. Namun begitu SPR tetap tidak bagi dia mengundi pada hari itu kalau tidak ada membawa kad pengenalan.

**Tuan Pengerusi:** Kerana peraturannya.

## ■1350

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Akan tetapi ada dalam peraturan, ada dalam peraturan ertinya dan juga dia katalah dia hendak mengundi hari itu, hendak mengundi di luar kelas itu, kita kata tidak boleh peraturan dalam, sedangkan dia boleh mengundi sebab dia menepati syarat-syarat seorang pengundi, berhak dia hendak mengundi di luar tidak mahu mengundi di dalam, tidak boleh sebab peraturan kata di dalam ya. Banyaklah peraturan-peraturan yang mana kalau dilanggar memang dia tidak boleh mengundi. Di dalam hal ini dakwat kekal hanya salah satu lagi prosedur yang kita hendak masukkan, jadi saya bertanggungjawab 4(a) itu sebenarnya ada tersirat di sana bahawa peraturan sahaja yang boleh menyelesaikan, saya bukan pegawai undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Tapi itulah pandangan penasihat undang-undang itu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, kalau ambil contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Kangar dalam perbincangan kami tadi tentang IC, apa lagi tadi ada...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Masa, peraturan mengatakan kita boleh mengundi sekian-sekian masa sampai jam 5.00 tetapi dia datang jam 5.05 petang, saya seorang pengundi yang sah, saya yang berhak mengundi walaupun di luar masa, dia kata dia boleh menunjukkan Perlembagaan, tidak ada dalam Perlembagaan tetapi kita kata peraturan. So maksud saya yang kita hendak cadangkan *indelible ink* ini *is just another* peraturan, wallahualam.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Krai, inilah yang kita bincangkan panjang lebar di dalam minggu lalu juga dan itu original pandangan pada minggu lalu oleh pihak SPR melalui penasihat undang-undang...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, saya sebut ini sebab SPR...

**Tuan Pengerusi:** ...Semua di sini...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** ...Membangkitkan Tuan Pengerusi, dalam mesyuarat itu SPR rasa ada *something*...

**Tuan Pengerusi:** Berkenaan dakwat, apabila kita membangkitkan di sini banyak bahawa kita meragui, meminta pandangan peguam dan berasaskan pada itu SPR telah mengubah *last few days* untuk katakan 'B', *the safer is 'B'* begitu. Akan tetapi saya rasa saya hendak tutup perkara ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi:** Kami berpendapat, bercadang menjemput AG sendiri.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Last one*, kita mahu buat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Mungkin Yang Berhormat hendak jawab kepada Yang Berhormat Kuala Krai atau bagaimana?

**Tuan Pengerusi:** *I think...*, Tan Sri ada komen selain daripada itu tadi?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, itulah pada peringkat awalnya Yang Berhormat kita berfikiran seperti itu juga, maknanya di dalam Perlembagaan tidak disebut selalu orang bawa *argument* macam itu. Namun ini satu perkara yang serius kerana tidak ada opsyen orang ini, mungkin yang paling merisaukan kita ialah mungkin dia tidak dapat mengundi dia bawa ke mahkamah. Keputusan mahkamah kita tidak tahu apa-apa pun terjadi, mungkin pilihan raya itu dibatalkan itu yang paling menakutkan kita. Jadi paling baik ialah supaya *protect ourselves*, letakkan di dalam 119 itu ada lagi satu perkara bahawa mengikut undang-undang. Itulah sebabnya Yang Berhormat dan ini pandangan undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju dan kita *move on* sebab kami akan melawat balik perkara ini dan menjemput AG.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dengan jawapan dan ucapan-ucapan di sini oleh Yang Berhormat di sini dan saya hendak merujuk kepada hansard pada 2 November 2011 muka surat lapan di mana yang di bawah Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, *Hansard* ini Yang Berhormat Tan Sri yang nyatakan pada hari itu, "*Pada masa ini Yang Berhormat, I don't want to look at back pada masa ini apabila kita refer kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan boleh dan tidak perlu dipinda Perlembagaan...*" Sebab di atas kenyataan itu mengenai pindaan Perlembagaan. Sekarang ini AG kata perlu, so sekarang ini jadinya saya rasa yang saya nyatakan tadi perkara ini amat serius, *Select Committee* ini kita hendak keterangan yang sebenarnya. Nampak di sini kedua-dua pihak mesti ada satu pihak yang bercakap tidak benar, sama ada SPR ataupun Peguam Negara, ini amat penting.

Pandangan saya adalah kita tidak perlu menggunakan pindaan Artikel 119 yang dinyatakan oleh AG tetapi apa yang lebih penting pada masa itu 2008, kedudukan Yang Berhormat Tan Sri sebagai KSU kepada Kementerian Dalam Negeri pada masa itu. So dalam keadaan sedemikian Tan Sri amat fasih pada masa itu pada 2008, amat tahu apa yang berlaku pada masa itu daripada pihak kerajaan dan pihak SPR juga pada masa itu. Sebab semua maklumat itu mesti Tan Sri dapat sebab KSU daripada Kementerian Dalam Negeri.

Saya difahamkan pada masa itu SPR hendak *proceed* dengan *indelible ink* ini tetapi telah disekat oleh pihak-pihak tertentu. Bolehkah Yang Berhormat Tan Sri menyatakan ini semua ini, saya rasa semua ini surat daripada AG ini adalah satu boleh dikatakan wayang kulitlah, satu wayang kulit saya menyatakan, sebab pada masa itu Tan Sri dengan jelas menyatakan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju *that is a bit strong if you go standing order* wayang kulit itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, because* pada masa itu...

**Tuan Pengerusi:** Adakah wayang kulit?

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Muka surat lapan, pada masa itu muka surat lapan Yang Berhormat Tan Sri cakap dengan tegas pada masa ini apabila kita *refer* kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan boleh dan tidak perlu dipinda. *So this is a very firm commitment*, Tan Sri pada masa ini sudah dapat surat ataupun nasihat yang menyatakan *no need*, tidak perlu buat satu pindaan. Sekarang ini pihak AG baru 9 November, seminggu kemudian, 2 November – 9 November, ini terus...

**Tuan Pengerusi:** Okey nanti kita...

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Memberi satu gambaran...

**Tuan Pengerusi:** ...Kita tanya juga AG nantilah kita tanya AG bila dia datang ke sinilah.

**Tuan Wee Choo Keong:** No sama ada, *this is amat serious, this is very serious matter you know because select committee you know and Tan Sri is very special position whereby he was wearing a special hat on 2008* pada masa itu sebagai Ketua Setiausaha...

**Tuan Pengerusi:** Pembetulan difahamkan Tan Sri bukan KSU pada 2008.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pada masa itu Tan Sri ialah KSU, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Bukan pada masa ketetapan dakwat itu dibincangkan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, no, 2008...*

**Tuan Pengerusi:** Nanti dia beri penjelasan. Okey Tan Sri *last* sebelum kita menggulung.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Saya rasa perkara ini benda yang sama juga yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Saya menyebut mesyuarat pada 2 hari bulan itu, saya sebut pada masa ini, masa itulah 2 hari bulan. Masa itu saya mendapat nasihat daripada undang-undang pada masa itu ya, semasa saya bercakap itu pada masa inilah ya bukan ini...

**Tuan Wee Choo Keong:** No.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** ...Bukan ini, pada masa itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pada masa ini, *I don't want to look back...*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** 'Pada masa ini' itu saya bercakap 'pada masa itu'.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No I don't want to look back...*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** ...Pada masa itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** *I don't want to look back means I don't look back means I don't back* masa itu. So pada masa ini kita *refer* sebab kalau kita tengok daripada keterangan di atas itu dia *referring to* pada sekarang.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Bukan Yang Berhormat, saya maksudkan, saya bercakap pada 2 November.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yes.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Saya sebut pada masa ini, maknanya pada masa ini, pada masa itu ke belakang. Nasihat undang-undang yang saya terima Yang Berhormat pada masa itu 2 November ialah Perlembagaan tidak perlu dipinda. Selepas daripada masa itu semalam penasihat undang-undang saya pergi berjumpa dengan Tan Sri AG dan dia pun baru balik daripada luar negara dapat jumpa lebih awal

#### ■1400

Kita terangkan dengan jelas perkara ini, tentang penggunaan dakwat kekal ini yang tidak ada pilihan dan itulah jawapan yang diberikan kepada saya. Saya pun mendapat surat ini hari ini. Itu sebabnya saya memaklumkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa pada hari ini bahawa kalau hendak menggunakan dakwat kekal ini dengan tanpa opsyen, Perlembagaan 119 perlu dipinda sebagaimana yang dinasihatkan oleh AG di situ. Itu sahaja yang saya bawa. Apa yang saya sebut pada 2 November adalah berasaskan maklumat pada masa itu, yang saya bawa pada hari ini berasaskan maklumat yang saya baru terima hari ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berbahagia Tan Sri, Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan di sini bukan, sebelum kenyataan yang; "*Pada masa ini Yang Berhormat, I do not want to look back. Pada masa ini apabila kita refer kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan boleh dan tidak perlu pinda.*" Sebelum ini Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan di sini; "*Itu saya belum lagi jadi Pengerusi, Yang Berhormat. Pada masa itu saya di KDN.*"

Selepas itu saya tanya, “Akan tetapi masih ada rekodkan?” So, Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan “akan tetapi pada masa itu, pertama sekali ia berlawanan dengan kehendak Perlembagaan. Yang Berbahagia Datuk Wan ada pada masa itu di SPR. Berlawanan dengan Perlembagaan dan keduanya, adalah hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan kerana saya difahamkan dakwat itu telah ada di beberapa tempat, dakwat yang sama.

*Tuan Wee Choo Keong:* Ya. Kalau begitu berlawanan dengan Perlembagaan, sekarang pun masih berlawanan dengan Perlembagaan juga kerana tidak ada apa-apa pindaan dalam Perlembagaan kita. So, bagaimana? Yang Berbahagia Tan Sri menjawab, “Pada masa ini Yang Berhormat, I do not want to look back. Pada masa ini apabila kita refer kepada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara mengatakan boleh dan tidak perlu dipinda.” So, ini sudah jelas masa ini adalah sekarang bukan masa itu. Jangan *twists sentences*. Ini sudah terang dari keterangan di sini.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Yang Berhormat, dalam ulasan...

**Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tuan Pengerusi, saya sebut pada masa ini, ini...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini sekarang November.

**Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Bukan sekarang ini. Pada masa itu 2 November. Saya bercakap pada masa ini, makna bukan sekarang.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pada 2 November.

**Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Masa itu, 2 November.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pada 2 November.

**Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** So, Tuan Pengerusi, dalam 9 hari ini, 7 hari ini sudah ada perubahan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itulah. Pada masa ini – Akan tetapi ingat juga Yang Berhormat Wangsa Maju, dalam ulasan AG pun kalau kita pilih... tidak perlu ubah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak perlu tukar. *No, cannot change in 7 days.*

**Tuan Pengerusi:** *If you choose ‘B’, then you have to* ubah. Dalam ulasan AG.

**Tuan Wee Choo Keong:** So, sekarang, *this is involving serious matter.* Dalam 7 hari tidak boleh berubah pandangan Perlembagaan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, ia bersandarkan kepada pandangan yang diberi, yang dinyatakan tadi oleh AG.

**Tuan Wee Choo Keong:** Satu *opinion* tidak boleh – saya rasa, saya difahamkan Yang Berbahagia Tan Sri mesti dapat satu nasihat yang amat kukuh...



**Tuan Pengerusi:** Boleh juga. Pihak peguam pun ubah hujah dalam mahkamah apabila dapat maklumat tambahan, bukan begitu?

**Tuan Wee Choo Keong:** *No.* Masa itu Yang Berbahagia Tan Sri mesti mendapat satu maklumat yang amat kukuh, Yang Berbahagia Tan Sri boleh...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa teguran itu – akan tetapi pada masa yang sama...

**Tuan Wee Choo Keong:** *It is serious.* Saya tidak kata Yang Berbahagia Tan Sri berbohong di sini. Saya kata kedua-dua ini mesti ada satu yang...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, itulah saya jelaskan tadi. Kalau kita lihat ulasan AG itu, pilih 'A' memang tidak perlu ubah, peraturan sahaja. Pilih 'B', wajib itu mahu ubah. Barangkali perlu lihat konteks dia jugalah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Memang betul sebab daripada ucapan keterangan Yang Berbahagia Tan Sri, saya setuju dengan Yang Berbahagia Tan Sri. So, saya rasa...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Nanti kita soal tambahan pada masa kita panggil AG. Okey, Yang Berhormat Gombak, yang terakhir.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, satu lagi. Kita akan panggil Peguam Negara dan minta penjelasan daripada beliau. Akan tetapi, saya kira untuk dapat penjelasan lebih jelas supaya kita tidak prejudis pada mana-mana pihak, walaupun kita tahu pastinya ada satu pihak yang tidak bercakap benar dalam perkara ini. Jadi untuk mendapat penjelasan yang lebih tepat, saya ingin mendapatkan respons daripada Yang Berbahagia Tan Sri, yang tadi saya bangkitkan, belum ada respons lagi iaitu yang ada kaitan dengan keterangan pada muka surat 8, laporan prosiding yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi. Di mana Yang Berbahagia Tan Sri menyebut "*pada masa ini..*" yang bermaksud 2 November 2011. "*Apabila kita refer kepada Jabatan Peguam Negara...*" Maksudnya SPR *refer* to Jabatan Peguam Negara dan mendapat pandangan undang-undang.

Saya mahu pandangan undang-undang Peguam Negara itu dibentangkan dalam Jawatankuasa ini. Apa yang dibentangkan hari ini ialah pandangan semalam. Apa yang saya hendak, pada masa ini iaitu 2 November apabila kita *refer* kepada Jabatan Peguam Negara, mana pandangan itu yang dibuat secara bertulis. Boleh? Itu belum dijawab oleh Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi SPR.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Apa ulasan Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tuan Pengerusi, pada masa itu 2 November, SPR tidak menerima surat seperti pada masa ini, semalam Yang Berhormat Gombak.

Saya menerima nasihat ini daripada Penasihat Undang-undang yang juga merujuk perkara ini kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan bahawa tidak perlu dipinda Perlembagaan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Rujukan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Itu sebab dibawa ke sini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Baik, Rujukan ini dibuat melalui SMS kah Yang Berbahagia Tan Sri? Ini perkara serius.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Dia tidak...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu sebab saya sebut dalam hujah saya tadi, tidak mungkin perkara yang serius seperti ini SPR boleh membenarkan Penasihat Undang-undang SPR berurusan dengan Jabatan Peguam Negara melalui SMS, melalui *tweet*. / *mean I cannot accept* sebagai anggota Jawatankuasa. Oleh sebab itu, kalau semalam boleh dibekalkan dengan pandangan undang-undang secara bertulis, mengapa pandangan awal itu tidak dibuat secara bertulis? Ini kerana saya tidak mahu membuat tuduhan SPR memberi keterangan palsu di dalam Jawatankuasa ini.

Jadi, untuk mendapatkan kebenaran dan keadilan bagi kedua-dua pihak, sebaiknya SPR perlu mengambil sikap bertanggungjawab untuk membekalkan pandangan undang-undang ini secara bertulis. Kalau tidak dibuat secara bertulis, saya minta SPR teliti semula peranan yang dimainkan oleh Jabatan Undang-undang SPR kerana kalau dibuat secara sambil lewa sahaja, ia akan menjejaskan seluruh proses pilihan raya dalam negara kita. Siapa yang hendak mengambil tanggungjawab?

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak, saya rasa *point*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Belum beri jawapan lagi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Gombak, saya menyatakan tadi bahawa pandangan undang-undang itu telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara oleh Penasihat Undang-undang saya. Akan tetapi, kita tidak mendapat dalam bentuk yang seperti ini dan saya dimaklumkan bahawa keputusan yang telah diberi oleh Jabatan Peguam Negara melalui Penasihat Undang-undang saya ialah Perlembagaan itu tidak perlu dipinda untuk menggunakan *inedible ink*. Kalau hendak dapat lagi jelas, Penasihat Undang-undang boleh tambah. Saya tidak mendapat surat seperti inilah semasa saya membawa perkara itu di sini.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ada komen daripada penasihat Undang-undang? Minta kalau boleh, tidak pun ini rundingan dengan penasihat peguam-peguam lain.

**Encik Mohd. Azhar bin Mohd. Yusoff [Penasihat Undang-undang Suruhanjaya Pilihan Raya]:** Tuan Pengerusi, saya sekarang ini merujuk kepada pandangan yang terkini. Itu yang kedudukan yang telah saya rujuk.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *Do not try to be evasive.* Saya minta ya. Ini Jawatankuasa yang dibentuk oleh Parlimen. Sebagai Penasihat Undang-undang, tolong beri keterangan yang tepat, jangan *evasive*. Betul, kita sekarang sedang meneliti pandangan terkini Jabatan Peguam Negara. Akan tetapi, kami juga ingin merujuk keterangan yang diberikan oleh SPR sendiri.

■1410

*You* sebagai penasihat undang-undang, *you* kena memberi perlindungan kepada institusi SPR termasuk Pengerusi SPR. Apakah *you* telah memberikan pandangan yang tidak tepat kepada Pengerusi SPR untuk datang ke sini memberi keterangan? Jangan mengelak daripada persoalan pokok yang kita bincangkan. Saya tanya pandangan telah didapati diterima daripada Peguam Negara. Itu bukan keterangan saya Tuan Pengerusi, itu keterangan Pengerusi SPR.

Tan Sri Pengerusi menyatakan tadi dia berani membawa keterangan itu dalam jawatankuasa setelah mendapat pandangan dan maklum balas daripada penasihat undang-undang. Sekarang kami hendak tanya penasihat undang-undang, mana maklum balas yang diberikan oleh Jabatan Peguam Negara? Apakah ia dibuat atau tidak dibuat? Jikalau dibuat apa kaedah yang dibuat? Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Wee Choo Keong:** Jangan cakap begini. Pendirian saya atas surat sekarang, ini bukan keterangan yang kita boleh terima.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sila berikan – *you* sediakan jawapan pada ketika itu kenapa Tan Sri sendiri Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju sudah pun Pengerusi sudah jelaskan tadi bahawa dia tidak ada secara bertulis, okey. Jadi terus persoalannya ialah apa rundingan itu. Barangkali rundingan informal ataupun bagaimana?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jawab, saya hendak supaya direkodkan di dalam Jawatankuasa. Saya minta Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey minta penasihat undang-undang.

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Yang Berhormat, bila saya merujuk kepada AG dia melibatkan pelbagai persoalan di antaranya tentang isu biometrik itu dan juga *indelible ink*.

Ketika itu *indelible ink* tidak diterangkan dengan jelasnya tentang opsyen ataupun tidak ada opsyen. Jadi apabila kita telah mendapat penjelasan yang jelas, maka saya telah membawa *because my concern* saya bawa balik kepada AG bahawa SPR bercadang tidak mahu memberi opsyen kerana itu kita telah berjumpa dan memberikan pandangan yang terkini.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa itu boleh diterima sebab...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** ...Memang kalau *choose* yang ada *option* tidak payah perubahan seperti Yang Berhormat Kuala Krai macam hendak sokonglah. Akan tetapi kalau tidak ada opsyen memang Perlembagaan *so, different context of discussion*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, itu yang kalau saya ditanya Tuan Pengerusi, itu yang kita hendak tengok *source* itu sebab cara kalau itulah yang LA berikan maka itu agak bersesuaian dengan yang kita bincangkan dan mana nas-nasnya atau sumbernya yang kita hendak tengok supaya dalam masa beberapa hari ini ada *flip-flop* ini jadi kita akan persoalkan yang itu. Jadi apa asasnya kalau LA kata dia tidak memberikan *background* yang jelas cuma tidak ada opsyen. *Which is what we wanted on the law?* Jadi tentulah jawapan itu diberikan berdasarkan tidak ada opsyen. Jadi mana dia jawapan itu, apa bentuk jawapan yang telah diberikan supaya kita boleh pegang pada itu.

**Tuan Pengerusi:** Okey saya ingin majulah oleh Yang Berhormat perihal ini...

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, dia tidak jawab lagi.

**Tuan Pengerusi:** Perihal ini untuk menjelaskan secara bertulis jika perlu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Dia perlu jawab sebab ini satu keterangan yang amat senang. Sama ada saya terima melalui surat ataupun *twitter* ataupun melalui *Facebook* ataupun melalui SMS.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju *statement* yang terakhir itu dia...

**Tuan Wee Choo Keong:** Belum jawab.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dia belum jawab.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, dua *option* dia kata.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No*, kita hendak tahu bentuk apa Tuan Pengerusi. Melalui *twitter*kah, melalui SMS?

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Saya telah berbincang dan saya telah merujuk.

**Tuan Pengerusi:** Dia sudah berbincang dan merujuk.

**Tuan Wee Choo Keong:** Melalui kita gunakan bentuk apa - bincang melalui emailkah, SMSkah?

**Tuan Pengerusi:** Berbincang dengan pegawai-pegawai.

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Saya menulis pandangan saya melalui surat kemudian kita berbincang.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Baik, kalau SPR menulis surat memohon pandangan, saya minta surat itu dibentangkan dalam Jawatankuasa ini. Baik, itu yang pertama. Kedua, jawapan yang diterima daripada Peguam Negara melalui kaedah apa?

**Tuan Pengerusi:** Okey saya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi saya minta jangan beri perlindungan kepada...

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Okey, saya boleh jawab. Ada jawapan.

**Tuan Pengerusi:** Saya masih kelihatan *to be fair around* juga.

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Ada jawapan tetapi dalam jawapan itu dia melibatkan berbagai-bagai isu tidak ada *straight to the point on this matter*. Cuma kalau tidak ada opsyen itu dia *stand* samalah. Jikalau ada opsyen tidak perlulah pinda Perlembagaan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Okey, mengapa tidak di...

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Sekarang ini ada dasar yang sudah ditetapkan tidak ada opsyen. Maka saya dapatkan balik pandangan terkini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak apa, saya tidak mahu yang terkini. Saya mahu jawapan daripada Peguam Negara. Maknanya sekarang Penasihat Undang-undang mengesahkan ada jawapan bertulis. Betul?

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Bukan *on that issue*. Sekarang ini arahan saya daripada AG adalah kita berpegang kepada yang terkini. Ini pandangan dia.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *No*, kalau ada jawapan bertulis daripada Peguam Negara walaupun dia merangkumi beberapa perkara yang lain termasuk perkara ini, saya minta ia mesti dibentangkan dalam Jawatankuasa ini. Saya hendak minta keputusan dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, beginilah di mana yang apa ini sila bekal apa-apa sahaja bahan rujukan yang boleh menerangkan lebih jelas perundingan ataupun diskusi ataupun ketetapan yang telah dibuat mengenai dengan rundingan yang pertama itu dengan pihak AG. Bekalkan kepada pihak kitalah. *Alright*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Itu lebih senang. Walaupun Ahli Yang Berhormat kita tidak mahulah Jawatankuasa ini terfokus kepada soal siasatan daripada mencari penambahbaikan ya. Jadi kita perlu juga di *satisfied* dengan izin, mengenai dengan jawapan-jawapan yang diberi, okey?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Pendengaran Aawam akan bermula esok. Jadi saya minta oleh kerana surat ini bukan satu perkara baru, petang ini boleh dibekalkan. Jadi saya minta hantar terus kepada Tuan Pengerusi hari ini juga sebab pendengaran awam akan bermula esok.

**Tuan Pengerusi:** Esok pagilah.

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff:** Yang Berhormat surat itu bertaraf rahsia. Jadi AG tidak ada dalam itu dia kalau dibenarkan kena *declassified*kan. Hanya AG sahaja boleh *declassified*kan dokumen itu dan AG tidak ada hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Itulah dia katakan perkara yang dirujuk oleh pihak SPR ini banyak perkara di dalam sana. Jadi dalam jawapan pihak AG dia di *stamp* rahsia dan perlunya untuk mengikut prosedur-prosedur *declassified*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini saya pertama kali yang saya dengar dirahsiakan pula surat itu.

**Tuan Pengerusi:** Sudah ada cap rahsia.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini sebab yang sebelum ini 2 hari bulan yang Tan Sri Pengerusi SPR boleh menyatakan saya tidak boleh cakap kerana ini adalah kandungannya adalah daripada surat yang rahsia. Akan tetapi Tan Sri sendiri menyatakan dengan tegas dan juga *legal advisor* menyatakan juga tadi semua.

**Tuan Pengerusi:** Jika di atas *stamp* rahsia dan prosedur *declassification* perlu kita patuhi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Apabila kita minta surat itu dibentangkan barulah kata cop rahsia. Jadi saya rasa cop rahsia, sila berikan pada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita lihat prosedur-prosedur...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini kerana dalam *Parliamentary procedure* kita memang macam itu.

**Tuan Pengerusi:** Memang ada prosedur yang ditetapkan untuk itu. So barangkali *is not possible* untuk mereka ini pihak SPR membekalkan pada hari esok. Saya rasa cuba pada hari ini beri laporan bagi pihak, esok kalau tidak boleh membekalkan beri penjelasan-penjelasan tertentu-tentu kami akan bincang balik di sinilah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Beliau mesti ada memberikan satu surat menyatakan ini cop rahsia dan sebagainya kalau dia kata cop rahsia.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan secara bertulis.

**Tuan Wee Choo Keong:** Jangan jadikan satu alasan tidak mahu memberikan Jawatankuasa kita.

**Tuan Pengerusi:** *No*, ada prosedur untuk *declassified*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kita ada imuniti dalam Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Betul, tetapi tertakluk kepada syarat-syarat juga yang diadakan dalam Akta Rahsia ini. *So anyway first thing tomorrow* lapor balik dahulu apa halangan-halangan tertentu *and then* kami akan bincang bersama sebelum mesyuarat pendengaran awam.

Okey saya hendak majukan pihak Tan Sri Pengerusi, *can you just a* dengan ringkas – memang ada kertas kerja disediakan dari segi perihal pendaftaran pengundi ini dan halangan-halangan yang dihadapi ataupun penambahbaikan yang dicadangkan kami sedia maklum ada yang berkaitan terus dengan JPN ataupun bahagian Kementerian Dalam Negeri tetapi bentangkan dahulu. Saya beri ringkaslah, 10 minit boleh? Okey, tertakluk kepada soalan-soalan yang akan ditimbulkan. Nanti kita tengok masa ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan saya pergi dengan pantas ya, pendaftaran dan pembersihan. Pertama sekali berkenaan dengan pendaftaran ini ada disebut dalam Perlembagaan 113 dan juga dalam seksyen Akta Pilihan Raya, kelayakannya ada disebutkan iaitu warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas serta bermastautin di tempat-tempat tertentu.

#### ■1420

Jenis pemilih pun ada dua iaitu biasa dan juga tidak hadir. Sebelum 16 Julai 2002, proses pendaftaran pemilih ini sangat jauh berbeza dengan selepas itu. Ada disenaraikan di sini iaitu secara umumnya saya menyatakan bahawa sebelum 16 Julai 2002, pada masa itu pendaftaran ini tidak dapat disahkan pada masa itu juga di JPN. Jadi, ada masanya tentang alamatnya, bilangan pengundi dan sebagainya, menggunakan satu alamat yang tertentu, tidak dapat disahkan sebagaimana yang dibuat sekarang ini selepas 16 Julai 2002.

Jadi, saya tidak mahulah sebutkan satu demi satu sebab terlalu banyak di situ tetapi secara pokoknya begitulah. Sekarang ini pendaftaran sebagai pemilih mesti mengikut alamat yang ada di kad pengenalan dan semasa hendak mengesahkan sebelum diwartakan, dia akan dirujuk kepada JPN melalui sistem *online* kita yang dipanggil *Agency Link-Up System* (ALIS). Selepas...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tan Sri, apabila kita perlu mengikut alamat yang di dalam IC itu tetapi IC itu sekarang bermutu tinggi, bukan. *So*, kalau dia ubah dalam tiga bulan ini, adakah resit itu digunakan atau pun kita ada *detection machine* bahawa di dalam cip itu sudah diubah? Bagaimana SPR mengatakan alamat terkini dapat mengesahkan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dalam proses pendaftaran yang kita buat sekarang ini, kita boleh mendaftar setiap hari Yang Berhormat tetapi kita pecahkan kepada suku tahun. Tiga bulan, tiga bulan!

Sekiranya pada masa hendak mendaftar itu, kad pengenalannya hilang tetapi ia mesti menerima seperti satu resit daripada JPN menyatakan kad pengenalan hilang dan itu pun boleh diterima. Jadi, selepas tempoh tiga bulan seperti *last quarter of this year* akan berakhir bulan Disember ini, kita akan mempamerkan nama-nama ini selama satu minggu. Itu pun nama-nama yang dipamerkan itu setelah dibersihkan mengikut pengalaman SPR sekarang, lebih kurang 50% nama-nama yang didaftarkan itu kita tolak sebab melanggar berbagai-bagai peraturan.

Setelah dipamerkan ia boleh di bantah dan boleh dituntut, untuk tuntutan itu sekiranya ada pengundi di situ yang mendaftarkan namanya tetapi namanya tidak ada, dia boleh membuat tuntutan. Manakala bantahan pula pengundi di situ, kawasan-kawasan berkenaan boleh membuat bantahan jika sekiranya nama yang tersenarai dalam pameran itu tidak sepatutnya berada di kawasan berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tan Sri, kita mesti pakai konsep itu, senarai 'A', senarai B...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tiada lagi? Yang dipamerkan adalah...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Senarai 'A', senarai 'B' dan senarai 'C' hanya untuk...

**Tuan Pengerusi:** Yang dipinda dan yang baru.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sebelum 16 Julai 2002.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, yang dipamerkan sekarang ini adalah pinda alamat dan juga *first time* untuk mendaftar dalam satu senarai sahaja. Begitu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Daftar Pemilih Tambahan.

**Tuan Pengerusi:** Tambahan. Bagaimana yang pinda alamat?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dalam itu juga.

**Tuan Pengerusi:** Dilaksanakan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dilaksanakan, sama di situ tetapi disebutkan di situlah untuk pinda alamat.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Jadi, apabila ada bantahan dan sebagainya akan dibuat siasatan awam oleh pengarah negeri masing-masing untuk memanggil yang kena bantah dan juga yang membantah. Di situ akan diputuskan sama ada nama berkenaan boleh diterima ataupun tidak. Apabila itu sudah diputuskan masih lagi juga hendak dibuat bantahan, dipanggil rayuan. Rayuan ini pula boleh dibawa kepada pegawai pengadilan untuk juga dirayu supaya membuat keputusan yang muktamad.



Setelah semua keputusan muktamad, barulah ianya diwartakan sebagai daftar pemilih tambahan yang baru dan boleh digabungkan dengan daftar pemilih induk.

Untuk tujuan pendaftaran ini Tuan Pengerusi, SPR telah mendapat pertolongan daripada berbagai-bagai pihak yang dilantik oleh SPR sendiri iaitu daripada parti-parti politik, daripada jabatan-jabatan kerajaan, daripada wakil-wakil pertubuhan, daripada pendaftaran luar negara, pejabat perwakilan Malaysia, pejabat pos dan juga di kolej-kolej universiti dan sebagainya. Selain daripada itu, isu yang kita hadapi ialah pertama sekali berkenaan dengan kematian yang tidak dilaporkan. Tujuan kita kalau untuk membersihkan, pertama sekali pengundi yang telah meninggal dunia akan di *erase*, dipotong daripada daftar pemilih tetapi ada masanya kematian ini tidak dilaporkan kepada JPN dan bila tidak dilaporkan kepada JPN, SPR pun tidak mengetahuinya.

Begitu juga masalah kita berkenaan rekod berganda. Kita menghadapi masalah untuk membersihkan supaya jangan berlaku rekod berganda. Maknanya Tuan Pengerusi, orang yang sama didaftarkan lebih daripada sekali. Ini mungkin berlaku apabila dia dahulunya tentera, sudah menjadi awam atau dahulunya polis sudah menjadi awam ataupun awam menjadi tentera, menjadi polis ataupun masalah semasa pendaftaran sebagai orang awam. Tuan Pengerusi hendak bertanya? Tanyalah.

**Tuan Pengerusi:** Tadi, bukankah senang untuk ditangkap oleh sistem bahawa *duplicate* ini, tidak ada *tracking mechanism* kah untuk kita menangkap ia? Kenapa begitu susah sekali? *Same IC, same name*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Kita sekarang ini, setiap nama dan maklumat yang ada dalam daftar pemilih kita menggunakan *identifier address*, 12 digit kad pengenalan. Jadi, 12 digit kad pengenalan inilah yang menjadi *key* untuk mendapatkan maklumat di dalam daftar pemilih berkenaan. Berkenaan dengan nama yang sama dan sebagainya banyak Tuan Pengerusi tetapi sekarang untuk orang awam kita mendapat bantuan daripada JPN. *I will go to that*, untuk membantu kita supaya dapat dipastikan pengundi awam itu tidak ada *duplicate*, tidak didaftarkan lebih daripada sekali.

Bagi polis dan tentera, kita memohon daripada mereka, daripada undi pos. Memohon daripada mereka kerana pada masa ini dan sebelumnya, tentera dan polis ini dia mempunyai kad tentera dan kad polis. Ia tidak ada mempunyai nombor 12 digit kad pengenalan awam tetapi sekarang sedang diuruskan supaya bagi polis dan tentera ini, setiap orang dari mereka mempunyai kad pengenalan awam dan di dalam itu ada disebutkan nombor tenteranya.

Jadi, dengan cara itu untuk memudahkan pihak SPR, untuk *criss-cross* bahawa tidak berlaku pendaftaran yang berganda bagi pihak polis dan tentera ini.

Walau bagaimanapun masih lagi tidak semuanya dapat kad pengenalan awam ini. Saya difahamkan dan sedang diusahakan untuk mendapatkan semuanya. Perkara ini boleh ditanya kepada JPN nantilah untuk pengesahan. Jadi, untuk JPN ini, statistik pemotongan rekod pemilih kita dapat daripada 2008 sehingga 2011.

Pertama sekali, yang akan kita potong ialah kematian. Mereka yang meninggal dunia mengikut akta yang kita ada, peraturan yang kita ada, Peraturan 25 kita boleh memotong nama pengundi berkenaan.

■1430

Kedua berkenaan status kewarganegaraan. Semasa mereka mendaftar dahulu mereka....

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat Tan Sri, yang mati ini bagaimana mereka memaklumkan kepada SPR untuk membolehkan SPR memotong nama dia, hah itu kita hendak tahu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dahulu Yang Berhormat, kita mendapatkan maklumat surat mati daripada hospital, daripada pejabat polis tetapi pihak JPN mengatakan sudah tidak perlu lagi dibuat begitu kerana semuanya telah di *refer* kepada JPN. Di peringkat JPN kita hanya mengetahui seseorang itu mati jika JPN mengeluarkan sijil kematian, Yang Berhormat. Kalau JPN pun tidak dilaporkan maka JPN sendiri pun tidak mengetahuinya bahawa pengundi itu telah mati.

**Tuan Pengerusi:** Apa sistem Yang Berhormat Tan Sri daripada JPN kepada SPR, di mana setiap kali ada laporan, ada sijil kematian itu dikomunikasikan terus kepada pihak SPR dan berapa cepatkah proses itu berlaku?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sistem dari segi komputer, sistem tidak ada Yang Berhormat tetapi jika maklumat itu sampai kepada JPN *almost immediately* kita mendapatnya di SPR.

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Kita...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** ...Agensi *Link-Up Systems* itu ya...

**Tuan Pengerusi:** Hah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, boleh kita tanya JPN jugalah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi *just...*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Maknanya apabila dia *update* sistem di JPN, tidak lah *automatically* sistem di SPR *updated*, tetapi kalau maklumat itu sampai ke JPN kita sentiasa berhubung dengan JPN.

**Tuan Pengerusi:** Ini perlu diperhalusi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Senarai kematian itu akan dihantar kepada SPR setiap bulan.

**Tuan Pengerusi:** Nanti kita tanya JPN juga sebab dari segi kekerapannya. Yang Berhormat Hulu Selangor ada berkaitan, berkaitan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, oleh yang demikian didapati bahawa tidak ada satu sistem yang mana serentak apabila JPN mendapat maklumat terkini, maklumat itu tidak serentak ke SPR, okey tidak ya?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Tidak.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh tidak kita uruskan atau wujudkan satu mekanisme seperti itu, apabila satu laporan dibuat kepada Jabatan Pendaftaran Negara dengan secara automatik nama tersebut dikeluarkan daripada SPR.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Pertama sekali yang saya dimaklumkan oleh KDN sekarang, setiap kematian akan dilaporkan kepada jabatan polis untuk mendapat permit menguburkan. Saya difahamkan sekarang apabila dilaporkan sahaja kepada pihak polis ia akan terus sampai kepada JPN tetapi belum siap lagi saya difahamkan, tujuannya untuk membuat seperti itu. Akan tetapi dengan JPN, dengan SPR belum ada lagi dan memang boleh dibuat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Itu sahaja saya hendak tahu kerana kalau ada ruang untuk memperbaiki sistem tersebut maka kita dapat mengurangkan kehilangan nama atau tertinggal nama, automatik *the moment* JPN mendapat maklumat itu *so you don't have to*, SPR tidak perlu khawatir kerana ada sistem automatik terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

**Tuan Pengerusi:** Berbanding dengan pihak JPN, ya teruskan Tan Sri masa singkat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Seterusnya berkenaan dengan kita juga memotong Yang Berhormat yang sebelum ini dia warganegara masa dia mendaftar selepas itu statusnya dimaklumkan oleh JPN sudah lucut kewarganegaraannya itu pun ada disebutkan di dalam jadual. Selain daripada itu kita juga seperti mana yang saya katakan tadi kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia...

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat Tan Sri sebelum teruskan, bolehkah saya bertanya sedikit kerana ada banyak tuduhan bahawa ada undi palsu, pendaftar pemilih yang tidak bersih dan sebagainya, bolehkah kita tidak guna pendaftar pemilih yang sekarang, yang sedia ada ini kita buang dan kita buat satu pendaftaran yang baru seperti satu *census* di mana kita menyatakan semua rakyat warganegara Malaysia mesti menggunakan - faham bahawa seksyen 15 *under National Registration Act*.

Mereka perlu berdaftar alamat baru itu yang pertama. Kedua, SPR boleh menetapkan satu masa selepas tiga bulan mereka perlu berada di rumah untuk kawasan ini apa-apa hari, jam berapa hingga jam berapa dan membuat pendaftaran seperti *census* sama juga dengan sekali gus.

**Tuan Pengerusi:** Ini perkara pokoklah?

**Tuan Wee Choo Keong:** Boleh tidak?

**Tuan Pengerusi:** Barangkali *be jumping the gun* tetapi bolehlah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Boleh tidak, *because you talking about* bersihkan. Bolehkah kita ambil tindakan begitu untuk, maaf tidak habiskan masa.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Memang perkara itu boleh dibuat Yang Berhormat tetapi memakan masa yang lama dan memerlukan tenaga manusia serta kos yang tinggi. Maksud saya di sini kalau sekiranya maklumat di SPR sekarang masih lagi berkait dengan Jabatan Pendaftaran Negara, dua-dua perlu bersama dipinda Yang Berhormat, tetapi jika sekiranya SPR mempunyai daftar pemilih dia sendiri yang *independent* seperti JPJ, hah itu satu isu yang berlainan. Maknanya *not necessarily information* di SPR sama dengan JPN. Proses dari segi teknikalnya boleh dibuat tetapi sekarang ini Yang Berhormat, apa sahaja yang kita hendak pinda di SPR *the authority is* JPN, maklumat-maklumat dalam kad pengenalan itu Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Wee Choo Keong:** *I think* pihak SPR boleh buat satu peraturan *said you want to ignore this* boleh tidak? Sebab kita hendak buat satu *new electoral* terbaru di mana kita selepas tiga bulan kita hendak semua orang mesti berdaftar dan kita pergi ke seperti *census*. Tiap-tiap tahun, kerajaan pun ada buat *census*, saya rasa tidak perlu wang yang banyak juga kalau kerajaan boleh buat *census* saya rasa SPR pun boleh buat satu *electoral* yang baru supaya kita boleh mengelakkan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju ini begitu pokok, kita boleh bincang pada penghujunglah...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Saya khusus.

**Tuan Pengerusi:** ...*Which is re-registration you know, the Sabah people also asking for this kind of thing* so pokok, Yang Berhormat Rasah dahulu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya soalan yang khusus berkenaan dengan pendaftaran maklumat daripada pemilih dalam Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya rasa sekarang sistem yang sedia ada ini membuka ruang untuk ada pihak-pihak yang memanipulasikan daftar pemilih dengan memindah pengundi secara sistematik ke satu-satu kawasan sekiranya ada usaha akan katakan pinda pemilih ataupun pengundi ke kawasan itu. Saya membangkitkan perkara ini dengan merujuk kepada contoh khusus dalam kawasan saya, dalam kawasan Dewan Undangan Negeri saya.

Dalam suku ini iaitu suku yang ketiga tahun ini saya mendapati bahawa daftar pemilih yang baru dipamerkan terdapat 832 pemilih yang dipindahkan masuk ke dalam kawasan DUN saya dalam masa tiga bulan. Apabila saya cek nama-nama ini - memang saya tahu bahawa SPR akan *update* nama-nama ini untuk dibenarkan bertukar alamat kerana Jabatan Pendaftaran Negara telah memberikan mereka bertukar alamat. Masalah pokok di sini ialah Jabatan Pendaftaran Negara tidak akan menyemak sama ada orang itu bermastautin di alamat itu atau tidak, apabila ada permohonan letak dalam permohonan melalui borang sahaja orang itu akan dibenarkan bertukar alamat dalam cip MyKad itu. MyKad pun tidak perlu ditukar hanya cip atau *database* dalam cip itu ditukar dan ini membenarkan SPR membenarkan pemilih-pemilih ini bertukar alamat ke kawasan saya ataupun kawasan yang mereka ingin *target* kan.

Soalan saya ialah bagaimana SPR dapat mengelakkan perkara ini daripada berlaku kerana yang pertamanya dalam kelayakan sebagai pemilih yang tertera di dalam Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan juga menyatakan bahawa pemilih itu perlu bermastautin dalam suatu bahagian pilihan raya pada tarikh permohonan. Perlu bermastautin, perlu tinggal di kawasan itu.

■1440

Akan tetapi saya boleh membuktikan bahawa orang yang dipindahkan alamat itu tidak bermastautin di sana kerana saya dapat menunjukkan bukti bahawa rumah yang didaftarkan itu adalah alamat kosong, tidak ada penghuni, tidak ada pemastautin tetapi kalau mengikut sistem sedia ada SPR membenarkan mereka menukar alamat. Akan tetapi walaupun SPR ada mekanisme untuk membuat bantahan dan sebagainya seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri tetapi isu yang kedua pula ialah ia amat menyukarkan sesuatu bantahan itu dibuat. Ini kerana sistem yang sedia ada ialah setiap bantahan bayarannya RM10 dan bantahan perlu dibuat oleh pengundi di kawasan itu. Seseorang pengundi hanya boleh membuat bantahan 10 kes, dalam kes saya ada 832. Kalau saya hendak membuat bantahan kepada setiap nama itu saya perlu mengeluarkan bayaran sebanyak RM8,320 dan mencari 83 orang pemilih di kawasan itu untuk membantah, jadi ini amat menyukarkan proses bantahan itu. Saya hendak tanya, apakah usaha SPR dalam perkara ini untuk tidak membenarkan mana-mana pihak untuk memanipulasikan daftar pemilih itu?

**Tuan Pengerusi:** Okey, ini begitu spesifik sekali tetapi Yang Berhormat Tan Sri boleh komen secara berperingkat-peringkat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Hal-hal ini kita boleh bincang...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat, memang cukup sukar untuk menjawab soalan Yang Berhormat Rasah ini. Peraturan yang kita ada sekarang ini di peringkat SPR mengikut undang-undang, peraturan yang ada sekiranya orang membawa kad pengenalan yang asli dan menunjukkan alamat di kad pengenalan ataupun di cip, maka bolehlah orang itu dipindahkan ke tempat yang dia memohon dipindahkan. Akan tetapi bagaimana dia dapat pindah *address* atau bagaimana dia dapat kad pengenalan, itu bukan fungsi SPR untuk bertanya perkara itu.

Walau bagaimanapun dalam hal seperti ini, sejak akhir-akhir ini proses kita adalah untuk mengelakkan manipulasi Yang Berhormat, iaitu orang itu bukan duduk di situ sebenarnya tetapi dia datang daripada tempat lain. Akan tetapi di peringkat kita, apabila kita mendapat kad pengenalan mengikut alamat di situ. Di peringkat SPR kita terimalah pendaftaran itu tetapi untuk mengesahkannya kita pameran dan untuk memastikan supaya yang membantah ini benar-benar serius bukan *just simply* hendak bantah sahaja itulah kita mengenakan RM10 seorang dan maksimum 10. Kita buat *hearing*, siasatan awam sepertimana saya sebut tadi. Jadi, kalau hendak memastikan bahawa orang berkenaan bukan sebenarnya duduk di situ dan SPR mesti menyiasatnya satu demi satu, ini satu perkara yang sangat berat untuk dibuat. Jadi, pada masa ini ada bantahan dan biasanya jika bantahan itu dapat dibuktikan dan kita menerima bantahan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi masalahnya ialah Yang Berhormat Tan Sri, kita telah banyak kali, Yang Berhormat Gombak pun pernah bangkitkan di dalam Dewan Rakyat, satu rumah dia berpuluh nama. Dalam kes saya pun, saya pernah membuat aduan rasmi kepada pihak SPR, ibu pejabat SPR. Saya kata satu alamat bukannya rumah, pusat perkhidmatan, pejabat, 21 orang, ada India, Cina, Melayu dan macam-macam nama ada tetapi SPR memberikan jawapan kepada saya kata tidak boleh buat apa sebab mereka telah menukar alamat. Jadi, walaupun memang sukar, perkara ini memang sukar, itu sebabnya kita mengatakan bahawa ini salah satu masalah pokok dalam sistem pilihan raya kita yang memberikan ruang untuk dimanipulasikan, itu sebabnya kita hendak adakan Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Jadi, kita hendak tahu apakah langkah-langkah SPR dan saya rasa ini perlu dibersihkan kerana ini menyebabkan daftar pemilih itu tidak melambangkan pemilih di sesuatu kawasan itu.

Dalam rumah sama, dalam alamat yang sama, berpuluh-puluh nama tetapi dibenarkan setakat ini dan walaupun ada aduan rasmi tetapi bagi jawapan kepada saya kata tidak boleh buat apa sebab di dalam peruntukan peraturan, selagi dia menukar alamat dengan Jabatan Pendaftaran Negara, dia dibenarkan oleh SPR.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat, yang tadi saya sudah kata bahawa sebelum 2002 – pada masa itu Yang Berhormat, pendaftaran pemilih ini saya difahamkan seorang boleh membawa sampai beratus-ratus, menggunakan satu alamat. Yang Berhormat Gombak pun mungkin tahu perkara ini dan pada masa itu tidak ada verifikasi seperti sekarang ini boleh rujuk JPN betulkah alamat, orang ini dan sebagainya. Pendaftaran ini sampai sekarang yang kita tanggung tetapi selepas 2002 boleh dikatakan semua mengikut alamat pada kad pengenalan tetapi masih lagi ada masalah kerana sebagaimana Yang Berhormat Rasah katakan ada mereka ini memindahkan. Jadi di peringkat SPR, apabila ada permohonan, yang mana permohonan ini bukan semua daripada SPR, yang paling ramai mendaftar di peringkat parti politik, begitu juga di pejabat pos, di jabatan-jabatan kerajaan, di universiti prosesnya seperti ini.

Akan tetapi bagaimana kita hendak membersihkan yang lepas-lepas itu, pihak Pakatan Rakyat membuat pengumuman, kita adakan bulan semakan, keluar dalam televisyen, keluar dalam surat khabar. *“Please semaklah daftar pemilih masing-masing bukan susah, telefon boleh, SMS boleh, datang ke pejabat boleh.”* Akan tetapi Yang Berhormat, sambutannya sangat dingin. Jadi, di peringkat SPR apa yang kita lakukan pada masa ini untuk memastikan supaya jangan berlaku pertindihan ataupun *duplication*, yang itu kita hantar 11.8 juta kepada JPN, *“Please check for us”* dan sebagainya. Kita sudah – macam mana kita hendak buat lagi?

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya ada satu cadangan khusus Yang Berhormat Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila. Masa berlalu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Bolehkah SPR membekalkan *database* itu, yang sekarang ini 12 juta pengundi ini kepada parti-parti politik kerana kita ada *software*, kita ada program yang boleh *trace*. Katakan kalau satu alamat ada berpuluh-puluh nama, kita boleh dapatkan, kita boleh bagi spesifik alamat khusus. Mana yang ada lebih 10 hingga 20 nama yang berlainan dalam satu rumah boleh di *trace*. Adakah SPR bersedia memberikan *database* itu secara sepenuhnya mungkin kepada Jawatankuasa ini supaya kita ada satu *independent body* boleh *go through* keseluruhan *database* dalam daftar pemilih kita itu supaya kita boleh *trace*. Mungkin 10% ataupun 5% daripada daftar pemilih itu yang ada alamat-alamat yang disyaki ada masalah.

Kita boleh *zoom in* kepada alamat itu, bukannya semua, kita bukan kata keseluruhan daftar pemilih itu ada masalah, mungkin 5%, mungkin 3% kita tidak tahu. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi, sebelum tahun 2002 ada beratus-ratus nama dalam satu alamat. Jadi, kalau kita ada usaha, ada persetujuan bahawa masalah ini memang timbul di antara SPR dan kita, apakah SPR bersedia untuk memberikan kerjasama bagikan *database* itu kepada Jawatankuasa ini. Kita bentuk satu *independent panel* dengan mengambil pakar-pakar IT dan sebagainya, *check* semula keseluruhan daftar pemilih itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah, saya sudah sebut tadi kita telah memohon JPN membantu kita untuk membersihkan perkara ini. Dalam masa yang sama juga Yang Berhormat, nama-nama ini ada dalam web SPR, saya bukan tidak mahu bekerjasama dengan sesiapa, saya ada pengalaman pahit Yang Berhormat. Ada satu parti datang berjumpa kita dengan baik dan mengatakan ingin bekerjasama untuk membersihkan daftar pemilih. Jadi, kita berikanlah semua maklumat tetapi sayangnya Yang Berhormat, bukan hendak menolong SPR tetapi dia masukkan dalam media, hentam SPR mengatakan daftar pemilih kita kotor, pengerusinya begini, timbalan pengerusinya begini, itu yang saya runding untuk berkongsi dan bekerjasama. Akan tetapi kalau benar-benar kita hendak sama-sama membersihkan, SPR sendiri sebenarnya berhasrat hendak membersihkan sebersih-bersih yang boleh.

■1450

Kita buat hari-hari Yang Berhormat untuk membersihkan daftar pemilih ini, bukan bermusim. Jadi, sekarang ini kita telah kemukakan perkara ini kepada JPN. Pada pandangan saya, biarlah JPN sebab dia ada *authority*. Saya risau Yang Berhormat Rasah, saya beri maklumat ini kepada Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat buat *statement* memburuk-burukkan SPR, itu dan ini. Bukannya hendak sama-sama membersihkan bersama-sama dengan kita. Sedangkan perkara yang dibuat itu bukan – katalah Yang Berhormat tahu dapat dua orang, di peringkat kita lebih daripada itu kita tahu. Akan tetapi kita tidak maklumlah kepada media, kita bersihkan. Hari-hari kita bersihkan. Jadi itu tujuannya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Akan tetapi, kalau betul-betul hendak kerjasama Yang Berhormat, kita bersedia.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Yang Berbahagia Tan Sri, saya rasa kita dalam PAC telah berbincang di mesyuarat pertama lagi supaya Jawatankuasa ini mengambil peluang untuk membantu dalam urusan pembersihan.



Ini dengan melaksanakan cadangan seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Rasah tadi supaya kita ada – saya yakin PAC ini ada satu kuasa yang boleh melantik sesuatu kumpulan konsultan kita yang dapat melakukannya.

Saya yakin ini merupakan suatu *exercise* yang *nation wide* yang saya rasa akan mempunyai *standing* yang baik kerana ia bebas dan dapat menghasilkan suatu yang kalau dipertikaikan kemudian, ia *reflect our shoddy work*. Akan tetapi saya yakin kalau kita buat dengan betul, kita dapat membersihkan dan memberikan imej yang baik. Akan tetapi, ini memerlukan sokongan daripada SPR dan keyakinan bahawa kita boleh melakukannya. Saya yakin apa yang Yang Berbahagia Tan Sri risaukan, itu mungkin anggapan ataupun andaian yang mungkin parti yang disebutkan itu melakukannya. Kalau kena *you hold up, hold uplah*. Kalau kita hendak tegur, saya tidak menjadi masalah kepada mana-mana pihak yang menyalahgunakan kebebasan atau kelegaan dan kelonggaran yang telah diberikan oleh SPR. Akan tetapi yang pentingnya atas nama suatu yang rasmi seperti ini, kita boleh lakukan kalau kita berhasrat untuk membersihkan untuk ke sekian kalinya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebelum Yang Berbahagia Tan Sri jawab, mungkin saya sambung sedikit. Pertamanya, tadi Yang Berbahagia Tan Sri katakan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara juga membuat semakan dan sebagainya. Akan tetapi masalahnya seperti yang saya katakan, sistem dalam Jabatan Pendaftaran Negara membenarkan seseorang itu tukar alamat sesuka hati, pada ketika inilah, *anybody can change their address*. Jadi, cadangan saya ialah tadi SPR kata dalam *website* ada *database* tersebut, tetapi kalau bagi mana-mana pihak, kita tidak boleh akses kepada keseluruhan *database* itu. Perlu bubuh nombor kad pengenalan, baru dapat nama-nama pengundi itu.

Apa yang saya cadangkan ialah supaya SPR membenarkan *database* itu keseluruhannya, 12 juta itu, berikan kepada satu *independent* panel yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa ini sekiranya cadangan ini diterima. *Independent panel* ini yang mungkin merangkumi pakar-pakar IT dan sebagainya yang ada *server* kepada Jawatankuasa. Bukannya saya minta beri kepada saya secara peribadi, tetapi beri kepada Jawatankuasa, satu panel yang dibentuk oleh Jawatankuasa ini dan ada *server* supaya boleh *go through* keseluruhan 12 juta nama itu.

Ini kerana antara tuntutan yang menjadi pertikaian, antara tuntutan Bersih ialah daftar pemilih yang bersih, membersihkan daftar pemilih. Akan tetapi, apakah mekanisme, apakah objektif ataupun apakah KPI untuk kita membersihkan daftar pemilih sebab setiap orang pun cakap hendak membersihkan daftar pemilih, SPR pun cakap membersihkan daftar pemilih.

Akan tetapi kita hendak tahu sejauh mana, apakah objektifnya, apakah KPInya, apakah yang boleh kita *measurable* dari segi pembersihan daftar pemilih ini. Kalau tidak ada satu panel khas, isu ini akan terus menjadi *contentious* walaupun pelbagai usaha dilakukan tetapi akan terus berlaku pertikaian dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Respons singkat sahaja. Selepas itu saya minta Yang Berbahagia Tan Sri habiskanlah di bawah kepala-kepala semua ini. Nampaknya kita sudah masuk sesi soal jawab yang begitu mendalam. Saya ingin memberi peluang beri kasi selesai dahulu. Sila komen sekejap. Itu satu cadanganlah yang mana kami belum bincangkan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Itulah saya kata tadi di peringkat SPR pun, kita sedang berusaha sedaya-upaya untuk membersihkan data pemilih ini. Akan tetapi, di peringkat SPR kita tidak boleh bersihkan sesuka hati. Mengikut undang-undang, jika sekiranya nama dan maklumat orang berkenaan ada di daftar pemilih, walaupun kita tahu dia bukan duduk di situ, tetapi kita tidak boleh pinda. Orang berkenaanlah boleh mengisi borang untuk meminda maklumat berkenaan. Itu undang-undangnya, peraturannya.

Jadi Yang Berhormat, kalau kita lantik panel pun - Saya bukan minor anti perubahan, tidak. Saya sudah mengatakan bahawa di peringkat SPR, kita sudah hantar nama kepada JPN. *Please check for us because whatever name appeared in SPR*, maklumat itu ada di JPN. Adakah benda ini sama ataupun ada pertindihan dan sebagainya. Pihak JPN membantu kita dengan baik. Akan tetapi, kalau kita hendak mengubah Yang Berhormat ya, kalau hendak mengubah maklumat seseorang, kalaulah kita tahu seseorang itu memang bukan duduk di situ, hendak ubah dia duduk tempat lain, tidak boleh. Kita tidak boleh buat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang Berbahagia Tan Sri. Akan tetapi baru-baru ini Yang Berbahagia Tan Sri, kalau itulah hujah Yang Berbahagia Tan Sri, baru-baru ini Yang Berbahagia Tan Sri ada membuat kenyataan ada 40,000 nama yang meragukan dan SPR akan membersihkan 40,000 nama ini. Yang Berbahagia Tan Sri menggunakan peruntukan yang mana untuk keluarkan 40,000 nama ini?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Yang Berhormat, yang itu kita rujuk kepada JPN. Daripada 12 juta nama tadi, yang 42,000 nama ini dia tidak dapat hendak *verified*, tidak dapat dipastikan, disahkan hidupkah orang ini, di mana dia sebenarnya. Jadi, itu sebabnya kita pameran. Kita tidak boleh hendak potong Yang Berhormat. Kita takut bila dipotong, hari mengundi itu dia datang bawa kad pengenalan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Boleh atau tidak kita gunakan prosedur yang sama terhadap bantahan-bantahan yang aduan yang kita ke muka ini, maknanya kita pameran?

**Tuan Pengerusi:** Itu yang ingin saya bangkitkan tadi bahawa apabila Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan walaupun kita tahu bahawa pengundi itu tidak tinggal di situ, tetapi tidak ada kuasa hendak buka. Akan tetapi pada masa bantahan itu yang dikemukakan, harus ia begitu *simple*, senang, asal bukti ada untuk mengemas kini. Ini kerana biasanya *once* masa bantahan itu selesai, amat sukar sekali untuk hendak kompelin. *So, I think this* ruang untuk mengemaskinikan masa bantahan *to be sympathetic to real facts* untuk menerima bantahan sebab itu sahaja peluang. Kalau tidak, selepas itu hendak pakai prosedur yang tadi itu? Seramai 40,000 lebih nama tidak dikenali, papar balik untuk di bantah. Saya harap itu dapat dilaksanakan dengan betullah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Yang Berhormat, pada masa ini kita telah menyatakan walaupun nama dia telah diwartakan sebagai pemilih, pemilih berkenaan jika didapati maklumat nama dia, maklumat berkenaan *address* dia, maklumat macam-macam, dia boleh menghubungi SPR dengan mudah.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Akan tetapi itu mesti peribadi, mesti itu yang pengundi itu bukan, orang lain tidak boleh buat?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Itulah. Tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maknanya, ada peruntukan dan peraturan untuk SPR mempamerkan keraguan ini yang mengambil tindakan susulan so bagi saya Tuan Pengerusi, salah satu peranan utama SPR dalam memastikan satu pilihan raya yang bersih dan adil ini ialah daftar pemilih yang bersih. Sekiranya itu merupakan nadi selain daripada peraturan, undang-undang dan sebagainya, daftar pemilih yang bersih ini merupakan nadi utama dalam menjamin suatu proses pilihan raya yang adil dan bersih.

Saya dengar keterangan Yang Berbahagia Tan Sri tadi bahawa SPR tidak berupaya untuk menyemak satu persatu nama pemilih untuk memastikan mereka ini benar-benar pemilih yang sah atau tidak. Akan tetapi, saya kira ada beberapa pendekatan yang boleh dimulakan dalam usaha SPR untuk membersihkan daftar pemilih. Sebagai contoh, aduan-aduan pengundi yang diragui ini banyak kita – Saya ingat puluhan ratusan ribu yang telah di bantah dan didedahkan. Saya ingat SPR selalu ambil tindakan yang proaktif bila mendapat maklumat ini untuk mengambil tindakan. Jadi, saya hendak beri contoh, Tuan Pengerusi...

■1500

**Tuan Pengerusi:** Okey, ringkaskan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ini kerana saya bawa dalam Dewan Rakyat, rumah ibu saya sendiri ada pemilih 11 orang sedangkan ibu saya berseorangan di No. 1E, Kampung Klang Gate Baru. Saya juga teliti wawancara Tan Sri dengan *Utusan Malaysia* yang Tan Sri jawab sendiri dakwaan ini mengatakan, ada kemungkinan Kampung Klang Gate itu juga merupakan *locality* yang lain, Jalan Genting Klang. Ini dua benda yang berbeza, Jalan Genting Klang itu dalam Wilayah Persekutuan. Kampung Klang Gate ini ialah daerah mengundi dalam DUN Hulu Kelang, Selangor, jauh beza. Jalan Genting Klang ini Wangsa Maju, tidak ada kena-mengena dengan rumah ibu saya. Sepatutnya SPR terus mengambil tindakan sebab anggap itu juga sebagai satu aduan rasmi sebab saya bawa dalam Parlimen.

Kedua, perwatakan pengundi hantu ini ialah alamat palsu. Tan Sri, di daerah mengundi Kampung Klang Gate, kesemua rumahnya adalah rumah individu iaitu sebuah-sebuah. Akan tetapi dalam daftar pemilih, *even* yang terbaru ini ada alamat yang berwatak kondominium, Tingkat 22, Blok C. *I mean*, satu bangunan pun tidak ada dalam Kampung Klang Gate. Saya bawa dalam Parlimen. Tidak juga ada tindakan daripada SPR. Jadi, sebab itu kita mempertikaikan kesungguhan SPR untuk membersihkan daftar pemilih.

Akhirnya Tan Sri, saya setuju dengan pandangan teman-teman tadi. Sepatutnya bantahan-bantahan ini dipermudahkan. Jangan disulitkan. Hendak caj RM10 ini untuk apa? Ya lah, Tan Sri kata ialah supaya untuk serius. Bagi saya ini semua serius kita hendak bersihkan tetapi jangan – SPR tidak patut buat perniagaan dalam konteks ini. Sepatutnya menggalakkan semua pihak untuk bersama-sama dengan SPR membersihkan. Sudah kalau tidak betul, kena RM200 pula seorang. Kena hukum pula. *[Ketawa]*

Jadi, sepatutnya SPR mengambil peranan untuk menggalakkan semua pihak membantu SPR membersihkan. Inisiatifnya ialah dengar sahaja bantahan terus ambil tindakan yang proaktif. Janganlah caj RM10 ini, saya mintalah supaya dibatalkan dan terima bantahan itu dengan berlapang dada. *I mean* kalau ada pihak yang cuba melakukan fitnah atau tohmahan dan kita sebut bahawa ini tidak benar. Sepatutnya SPR mengambil sikap begitu tetapi kalau betul, saya minta SPR bersama-sama dalam usaha ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey, cukup jelas. Tan Sri boleh rumuskan? Hampir habis satu lagi persoalan tetapi sebab saya bercadang hendak jemput JPN.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sebelum merumus kalau boleh Tuan Pengerusi, hendak jawab soalan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Gombak tadi. Pertama sekali ini berkenaan dengan ada 11 orang didaftarkan di rumah ibu Yang Berhormat Gombak. Orang-orang itu ialah:

- (i) Che Tom bin Yahaya didaftarkan tahun 1972;

- (ii) Mohamed Azmin bin Ali mendaftar Julai tahun 1989;
- (iii) Shamsidar binti Taharin mendaftar 2 Julai 1989;
- (iv) Mohamad Azwan bin Ali mendaftar 2 Julai 1989; dan
- (v) Ummi Hafilda binti Ali mendaftar 2 Julai 1989.

Lima orang ya. Jadi, selepas itu ada lagi enam nama:

- (i) Tan Tee Fong – 31 Mac 1990;

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ha! Itu abang saya... *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Berikutnya:

- (ii) Tan Tee Hock – 31 Mac 1990;
- (iii) Soo Poo Wan – 31 Mac 1990;
- (iv) Amiruddin bin Harun – 19 Ogos 1993;
- (v) Lim Hock Seng – 9 September 1994;

**Tuan Loke Siew Fook:** Hock Seng di Bagan, Penang.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dan akhir sekali:

- (vi) Chong Chee Peng – 9 September 1994.

**Tuan Loke Siew Fook:** Chin Peng pun?... *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ini nama-nama dia. Apabila Yang Berhormat menimbulkan perkara ini dalam Parlimen, kita pun pergi semak ke bawah dan jumpa keluarga-keluarga Yang Berhormat Gombak. Macam mana ia jadi begini? Mengikut mereka alamat ini walaupun dikatakan satu di KL, satu di Selangor, hampir. Posmen selalu silap hantar surat. Sepatutnya di rumah Cina berkenaan sampai ke rumah ibu Yang Berhormat Gombak. Sepatutnya surat ibu Yang Berhormat Gombak dihantar ke rumah Cina berkenaan.

Jadi, maknanya kesilapan kerani di SPR pada masa itu meletakkan *locality* terletak di rumah ibu Yang Berhormat Gombak. Akan tetapi kerana perkara ini ditimbulkan kita telah berusaha mencari siapa *Chinese* ini Tan Tee Fong dan seterusnya, kita dapat jumpa dia dan memohon supaya mereka memindahkan alamat dan telah pun dibuat. Cuma kita tidak jumpa Amiruddin bin Harun, orang Melayu ini. Di mana dia kita tidak jumpa. Cuma saya hendak katakan di sini, Yang Berhormat Gombak sendiri tidak duduk di rumah ibu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Pengerusi:** Dia sudah pindah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Begitu juga isterinya dan adiknya. Sepatutnya Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat tidak pernah sebut perkara ini, sepatutnya Yang Berhormat Gombak dan adik-beradik ini pindahlah ke rumah yang tinggal sekarang. Tukar kad pengenalan, tukar alamat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya kira Tan Sri, *that is very misleading. I mean* tidak semestinya walaupun saya tidak duduk, saya pernah duduk rumah itu. Bagi saya ini soal pengundi yang sah, yang berhak menggunakan alamat yang berkenaan. Saya dibesarkan di rumah itu dari tahun 1968 sehinggalah saya mendirikan rumah tangga baru saya berpindah. Jadi, bukan maknanya saya menyalahi hak yang patut saya miliki.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maklumat JPNlah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Begitu juga dengan adik-adik saya. Saya ingat SPR tidak boleh guna alasan itu. Cuma yang menimbulkan, orang yang tidak ada hak menggunakan alamat, orang yang tidak memberikan *consent* kepada mereka yang menggunakan, itu persoalan yang harus diteliti oleh SPR. Bukan mempertikaikan saya. Saya duduk rumah itu selama 30 tahun lebih. Memang itu kampung saya dalam *locality* itu. Jadi, apakah itu alasan SPR untuk menyanggah ataupun mengherdik dakwaan saya ini. Sepatutnya tumpuan SPR ialah orang yang tidak ada hak mengguna alamat itu. Itulah kerja SPR. Jangan dibebankan kepada saya pula.

**Tuan Pengerusi:** Itu JPN punya keslah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Inilah masalahnya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kenapa SPR tidak tegur Najib dan Rosmah, di alamat mana digunakan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Dia tidak pernah menimbulkan perkara ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, tetapi masalahnya...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini. Itu yang saya sebut.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, tetapi yang saya timbulkan pengundi hantu yang tidak ada hak menggunakan alamat rumah saya tanpa *consent* keluarga saya. Itu yang saya mempertikaikan.

**Tuan Pengerusi:** Itu sudah dijelaskan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Akan tetapi dalam *statement* Yang Berhormat, seolah-olah yang mendaftar di rumah ibu ini Cina dan Melayu lain ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Mengikut undang-undang yang ada sekarang Yang Berhormat Gombak, jika seseorang itu tinggal mengikut undang-undang yang ada lebih daripada tiga bulan satu-satu tempat dia perlu meminda alamatnya. Itu yang dihadapi oleh SPR. *Please, you were* duduk di Kuala Lumpur, cari makan di Kuala Lumpur mengapa *you* balik pergi mengundi ke tempat lain? Akan tetapi ini tidak diiktiraf.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jikalau itulah niat SPR *then* saya kira itu sukar untuk kita dapatkan satu keikhlasan daripada SPR untuk melakukan pembersihan. Saya duduk di rumah itu 30 tahun lebih, kalau saya hendak ikut peruntukan 119 itu jelas, asalkan saya bermastautin dalam bahagian pilihan raya berkenaan. Saya boleh menjadi pemilih. Saya tidak duduk di Kampung Klang Gate, saya duduk di Taman Melawati. Itu dalam *locality* dan daerah mengundi yang sama. Mengapa itu yang hendak dibebankan kepada saya?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sedangkan yang saya kompelin itu, mereka yang bukan ada hak untuk guna alamat saya, bukan ahli keluarga saya dibenarkan menjadi pemilih bagi rumah dan *locality* yang berkenaan. Itu persoalan yang hendak kita bangkitkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat, kalau kita hendak membersihkan, inilah dia. Membersihkan maksudnya pemilih itu mestilah di tempat dia tinggal, bermastautin.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, tetapi SPR sendiri mengakui tidak ada upaya untuk satu-persatu.

■1510

Jadi, yang mana yang jelas, yang jelas bukan dan hak mereka yang diistilahkan pengguna itu. Itu kita selesaikan. Jangan ambil sikap kalau hendak buat, buat semua kerana tidak mungkin kita terbuat begitu. Sebab itu saya kata yang mana yang jelas, yang jelas tidak ada hak di atas rumah itu, yang itu mengapa tidak dibersihkan? Saya tidak kata daripada sebelas, enam bukan ada hak di situ. Mengapa enam ini tidak dibersihkan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Enam sudah dibersihkan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Sudah jelas.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Akan tetapi yang saya sebutkan tadi mengapa yang lain ini pun duduk di sini, alamat ini? Undang-undang mengatakan bahawa kalau kita sudah ada rumah sendiri, duduk rumah sendiri, gunakan alamat itu. Itu masalah yang dihadapi SPR.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Tan Sri ini dalam ruang Akta JPN lah, bukannya? Sebenarnya apabila tinggal tetap lebih daripada tiga bulan harus ubah alamat tersebut. Akan tetapi garisan SPR tidak ada kena mengena dengan itulah sebab dia adalah JPN punya hal, yang telah ditetapkan itu, tinggal lebih daripada itu.

Akan tetapi memang menambahkan kebingungan apabila ramai orang tinggal dalam satu tempat tetapi tidak tinggal di situ. Barangkali dalam jawatankuasa kita boleh rumuskan nanti pada penghujung, apa cadangan kita mengenai perkara ini. Alamat tempat kerjakah, alamat tempat tinggal *you know* yang digunakan dan begitu semua. Ada cadangan daripada pihak awam, pasti benar kedua-duanya. Pelonggaran tempat tinggal dan tempat kerja. So, jawatankuasa ini boleh merenungkan itu.

Okey Tan Sri boleh rumuskan apa lagi hal-hal yang besar, usaha-usaha atau pun kesulitan. Saya bercadang bawa JPN sekejap...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Jadi Yang Berhormat mengikut jadual-jadual yang saya sebutkan tadi kita telah pun membersihkan daripada tahun 2008 hingga tahun 2009 lebih kurang 500,000 lebih. Jadi, barangkali yang telah kita potong daripada ini...

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2008 sampai 2011, tempoh tiga tahun sahaja?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Jadi, maknanya begitu banyak nama-nama yang telah dibersihkan daripada senarai pemilih kita. Begitu juga yang paling akhir, kita mengemukakan semua daftar pemilih kita itu di SPR itu pada 14 Julai 2011 kepada yang berumur 90 tahun ke atas pada 22 Ogos 2011 pada pemilih ragu. Begitu juga pada 19 Ogos kita telah menghantar ke JPN 11.8 juta daftar pemilih SPR dan daripada itu, kita dapati bahawa yang masih diragukan adalah 52,724.

Kemudian, pada 26 September 2011 kita hantar lagi nama 52,724 ini kepada JPN dan akhirnya 42,054 yang tidak dapat dipastikan. Itulah usaha kita untuk membersihkan daftar pemilih kita di SPR dan 42,054 ini kita pameran supaya sama-sama kita dapat lihat sama ada nama-nama ini masih ada lagi pengundi yang sah atau pun warga negara yang sah dan juga dipamerkan di web SPR sehingga hujung tahun ini.

Jadi, kita harap dengan cara ini daftar pemilih ini dapat dibersihkan. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, daftar pemilih ini tidak dapat dibersihkan 100%, *perfect* bersih sebab sepanjang masa, *there are very dynamic*. Ada yang meninggal dunia dan yang meninggal dunia ini ada juga pemilih SPR dan dalam masa yang sama ada juga yang menjadi polis, menjadi tentera dan ada juga yang telah lucut warganegara dan sebagainya. Bagaimanapun, kita sentiasa membersihkan. Mudah-mudahan dengan cara itu kita dapat memperkatakan bahawa 98% daftar pemilih kita bersih. Hendak kata 100% saya tidak berani hendak beri jaminan. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih banyak Tan Sri. Sememangnya barangkali ini bukan perjumpaan terakhir sebab apabila isu-isu dibangkitkan dalam masa pendengaran awam barangkali ada juga yang *spare* hal-hal cadangan yang spesifik yang mereka kemukakan.



Kami kemungkinan juga seperti agensi lain boleh memanggil untuk meminta pandangan kah atau pun penjelasan di mana kita tidak boleh jawab. Akan tetapi saat ini saya bercadang untuk menjemput JPN.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebelum JPN masuk. Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk balik kepada daftar pemilih sebelum JPN menyertai perbincangan kita pada petang ini. Ini kerana masalah yang saya bangkitkan ini tidak ada kaitan dengan JPN, ini peranan khusus SPR.

Saya ingin melihat isu percantuman *locality* ini dalam daftar pemilih. Kalau saya lihat daftar pemilih yang sebelum ini sebagai contoh di *locality* Keramat Pangsa DUN Ulu Klang. Di Keramat Pangsa ini ada 23 blok rumah pangsa. Kalau dahulu dia nama pemilih, nombor unit berkenaan dan *locality* nya adalah Blok 'A' Keramat Pangsa. Si polan bin si polan, Nombor 30, Blok 'B' Keramat Pangsa. Jadi, kita tahu di mana *locality* pemilih berkenaan.

Namun dalam daftar pemilih yang terkini ini semenjak setahun yang lalu, *locality* yang dicatatkan ialah di atas itu sebelum nama-nama *locality* Blok 'A' sehingga W Keramat Pangsa. Ali bin Abu, nombor 30. Itu sahaja alamatnya. Kita tidak tahu di Blok 'A', di Blok 'B' di Blok W sebab dia ada 23 blok. Mengapa perkara ini dilakukan? Begitu juga contohnya di Taman Sepakat. Kalau dahulu ada nama pemilih, alamat rumah dengan Jalan AU3/1. Dia ada banyak Jalan AU3/2, AU3/3. Sekarang daftar pemilih *locality* Taman Sepakat. Nama pemilih terus nombor rumah, nombor 11. Kita tidak tahu dia AU3 mana. Nampaknya daftar pemilih ini bukan lagi dipermudahkan, lagi dibersihkan tetapi lagi bercelaru nampaknya dari segi penyusunan daftar pemilih ini. Boleh saya dapatkan penjelasan daripada Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Izinkan saya menjemput Pengarah IT tentang perkara ini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Pengurus ICT]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Gombak, buat masa ini urus setia SPR sedang membangunkan peta *locality*. *Locality* yang ada di SPR sedang kita petakan kawasannya. Jadi, semasa kita memetakan *locality* ini, *locality* yang diberi di atas nama blok, sukar untuk dipetakan. Jadi, sebab itu kita gabungkan beberapa *locality* yang berbentuk blok ini kepada satu kawasan.

Walau bagaimanapun, untuk membantu parti politik membuat semakan, dalam proses 'RAM' itu kita ada bekalkan CD berserta dengan alamat pemilih. Dalam *hard copy* memang tidak ada alamat tetapi dalam CD itu ada alamat pemilih supaya parti boleh senang cari orang. Jadi, ini tujuan kita buat itu sebab kita hendak *computerize* kan dari segi perwujudan *locality*, pemantauan selepas itu, sebab itu kita petakan *locality* itu.

Ini tidak pernah dilakukan dan bukannya bertujuan apa-apa. Semata-mata kita hendak *computerize*kan proses penetapan *locality* itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Terima kasih. Cuma Tuan Pengerusi, saya menyambut baik sebarang usaha untuk menaik taraf *you know*, sekarang ini hendak membangunkan peta *locality* dan bagi saya sudah tentulah ianya menjurus ke arah yang lebih baik, lebih efisien dari segi itu. Akan tetapi nampaknya lebih menyulitkan kalau sistem ini tidak boleh kesan blok dalam peta *locality*, sistem yang lama itu lebih baik daripada sekarang sebab dia dengan jelas menunjukkan Blok 'A' dia ada 100 penduduk, 300 pemilih, nombor rumah dan dengan jelas Blok 'A'.

■1520

Sekarang ini apabila digabungkan dengan 23 blok sebagai satu *locality*, ribuan pengundi di situ dan kita tidak dapat satu daftar pemilih yang benar-benar *reflect* pengundi di kawasan yang berkenaan. Jadi, saya minta kalau pihak SPR teliti semula, itu kalau saudara beri hujah bahawa peta *locality* yang hendak dibangunkan ini tidak dapat kesan blok. Akan tetapi kalau di Taman Sepakat yang saya sebutkan tadi Jalan AU3/1, 3/2, 3/3 tidak ada *flat*, tidak ada rumah pangsa, semuanya rumah teres. Mengapa digabungkan atas nama Taman Sepakat?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Semasa kita membangunkan peta *locality*, ia tidak boleh mewujudkan masalah *locality* dalam *locality*...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Apa?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Masalah *locality* dalam *locality*.

**Tuan Pengerusi:** Masalah *locality* dalam?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** *Locality*.

**Tuan Pengerusi:** Dalam *locality*?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ada macam itu?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Kalau kita buat macam itu maknanya kita *double, area double*. Jadi, sebenarnya kalau Yang Berhormat lihat pada daftar pemilih, memang format data pemilih yang ada sekarang memang kita tidak bekalkan alamat tetapi selalunya apabila parti hendak mencari pengundi semasa peringkat rang di pameran. Jadi, SPR telah bersetuju di dalam rang CD itu. CD yang kita bekalkan kepada parti itu ada alamat pemilih, individu pemilih itu ada alamat, jadi boleh carilah. Akan tetapi dalam daftar pemilih memang tidak ada alamat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu untuk pertambahan pemilih-pemilih baru tetapi untuk daftar pemilih keseluruhan, daftar pemilih induk itu tidak ada.

Mengapa dihilangkan alamat sebenar pemilih dalam DPI hanya dibekalkan dalam *softcopy* untuk rang daftar pemilih...

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Kita tidak hilangkan alamat, alamat masih ada di dalam *database* tetapi format...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak dibekalkan...

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Tidak dibekalkan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Mengapa?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Itu berbalik kepada peraturanlah...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ada peraturan?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Format daftar pemilih ini dinyatakan di dalam peraturan yang...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Menyatakan tidak boleh dibekalkan alamat?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Tidak disebut alamat perlu dibekalkan dalam daftar pemilih.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau tidak disebut bekalkanlah.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Kita kena ikut peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, peraturan tidak sebut.

**Tuan Pengerusi:** Kita *list* kan sebagai peraturan yang perlu di *review*.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Ha! Mungkin peraturan boleh di *review*.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebab itu ini yang menimbulkan – minta maaf Tuan Pengerusi. Ini yang menimbulkan keraguan, kalau peraturan tidak menghalang pembekalan daftar pemilih berserta dengan alamat penuh, mengapa SPR memilih untuk tidak membekalkan? Jadi, tohmahan ini menyebabkan SPR terpaksa menanggung tuduhan-tuduhan ini, kalau peraturan tidak menghalang, bekalkanlah Daftar Pemilih Induk dengan alamat penuh, itu yang pertama. Jadi, saya hendak minta kalau boleh Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, dapat memberikan jaminan kepada Jawatankuasa untuk mengelakkan tohmahan-tohmahan ini, DPI juga iaitu Daftar Pemilih Induk harus disertakan dengan alamat penuh bagi setiap pemilih.

**Tuan Pengerusi:** Memang alamat penuh itu dibekalkan pada masa bantahan – baru pertama kali dia mendaftar, bukan begitu? Dahulu dimasukkan, kalau yang dipindah ini dituliskan di mana mereka berpindah dalam senarai 'B', senarai 'C', konsep dahulu. Senarai 'A' yang tetap, 'B' yang baru, 'C' yang berpindah. Akan tetapi sekarang itu tidak dibekalkan di dalam proses bantahan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Saya mendengar dengan teliti cadangan Yang Berhormat Gombak dan kita akan bawa ke panel SPR lah untuk menimbang dan mengkaji jika perlu membuat perubahan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya rasa memang masih banyak lagi Yang Berhormat Tan Sri tetapi saya rasa tidak begitu *crucial* dan saya katakan tadi kemungkinan pada masa akan datang ada lagi peluang, apabila kita selesai pendengaran awam – lagipun kalau kita meminta pihak SPR ada pegawai mengikut kita dalam pendengaran awam dan mencatat perkara-perkara, memang kemungkinan kita telah berbincang di peringkat sini tetapi mungkin barangkali yang baru dan di mana penjelasan itu kita perlu bawa balik. Dalam Pendengaran Awam, kita tidak ada buat penjelasan, tujuan kami Ahli Yang Berhormat mendengar apa yang mereka perkatakan dan memang kita boleh *prompt* mereka untuk bercakap lebih tepat, begitu. Akan tetapi tidak ada penjelasan yang kita berikan, nanti pegawai SPR perlulah hadir di dalam semua untuk mencatat dan mana yang perlu, kita perlu berbincang bersama supaya soal yang dibangkitkan itu senang dijawab di tempat-tempat yang lain, kemungkinan kita panggil kemudian. Saya minta izin dengan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Lagi satu...

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi, terakhir...

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini, saya bukan hendak membangkitkan apa-apa isu sebab memang ada banyak perkara lagi yang kita hendak bangkitkan terutamanya berkenaan dengan *advance voting* yang dibawa oleh SPR dalam mesyuarat minggu lepas, mungkin tidak sempat kita bincangkan dalam mesyuarat ini. Saya cuma hendak mencadangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa, mungkin kita mencadangkan satu lagi mesyuarat dengan SPR dalam tempoh kita – *in between* kita ada Pendengaran Awam, mungkin hari-hari biasa...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebelum akhir sidang Parlimen dalam bulan ini, mungkin satu lagi *session* untuk kita *stretch out* yang berkenaan *advance voting* sebab *advance voting* pun banyak isu yang kita hendak...

**Tuan Pengerusi:** Serta juga...

**Tuan Loke Siew Fook:** Beri penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Cadangan-cadangan lain penambahbaikan. Barangkali *less historical investigative* punya – lebih maju ke hadapan *you know*, itu sangat penting. Saya berharap Yang Berhormat Tan Sri bersedia dengan input untuk cadangan-cadangan *advance voting*, ada lagi perkara-perkara lain yang kita bangkitkan di sini untuk lebih jelas lagi termasuk barangkali pendaftaran di luar negara itu dan seterusnya dalam perkara ini.

Memang ada lagi nanti, apabila keluar soal berkenaan kebebasan untuk menggunakan media, semua ini. *I think likely to be brought up* dengan izin, dalam pendengaran awam, perlu kita lebih berinteraksilah.

Sebelum saya panggil saya mengambil peluang bagi pihak Jawatankuasa untuk berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan. Memang ahli-ahli atau anggota ini faham, mereka yang tajam-tajam dan mereka juga yang berbeza-beza ciri tetapi akhirnya kami mahu akhirnya ada penambahbaikan. *That is the key words*, penambahbaikan dan kalau ada yang tidak betul dilepas, kita bantu untuk diperbetulkan. Kalau tersilap ataupun tidak berkesan, kita hendak bantu untuk masa akan datang, saya harap Yang Berhormat Tan Sri *value the input and the comment* oleh pihak Jawatankuasa ini. Okey ada nanti....

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Saya ada catatkan, ada enam perkara yang berkaitan dengan JPN...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Tan Sri mencadangkan akan bawa kepada panel SPR...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...Untuk...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Pembekalan alamat penuh bagi DPI.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** DPI.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya menyambut baik usul itu. Satu lagi, kalau boleh teliti semula dalam pembangunan peta *locality* ini supaya *locality* itu tidak digabungkan kerana ia menimbulkan banyak *confusion* khususnya yang saya sebutkan. Saya bagi contoh Taman Sepakat tadi, Jalan AU3/1, 3/2 *now* digabungkan jadi Taman Sepakat, *very misleading* sebab Taman Sepakat dengan Jalan AU3 itu dua benda yang berbeza. Jadi tidak timbul *locality* dalam *locality*. Tidak timbul sebenarnya, ia lebih jelas kalau *locality* AU3/1 ha! Itu pengundinya, *locality* AU3/2 itu *locality* nya. Jadi kalau Yang Berhormat Tan Sri dapat bawakan ini juga dalam panel SPR supaya dalam pembangunan peta *locality* ini tidak digabungkan *locality* ini kerana ia akan menimbulkan banyak kecelaruan di peringkat akar umbi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Gombak, saya rasa itu begitu spesifik dan memang relevan juga kepada kawasan-kawasan lain. So, ini perihal dasar serta juga barangkali ada kaitan dengan peraturan, di tempat saya pun begitu juga ada beberapa tempat.

Ini hal yang boleh runding di luar sana, sambil makan pun barangkali boleh dibuat, sebab ini administratif. *You know*, administratif is pelaksanaan tetapi kalau peringkat dasar itu di sini – tetapi kalau administratif pelaksanaan sahaja... [Ketawa]

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** *I mean* digabungkan satu PPU yang begitu jauh sekali, *you know* banyak kampung dan memang tidak efisien, ada PPU yang lebih dekat daripada PPU nya, di satu tempat. Kami di luar bandar berhadapan dengan masalah. Okey, nanti saya jemput masuk dan saya akan...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...SPR stay...

**Tuan Pengerusi:** SPR stay.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Saya bagi pihak semualah...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Bagi pihak pegawai-pegawai saya di sini mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa dan saya menghargai semua pandangan-pandangan itu. Sememangnya SPR berusaha sedaya upaya untuk membersihkan daftar pemilih ini dan mudah-mudahan kita dapat mencapai matlamat itu, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, kita tinggal sebentar Yang Berhormat Tan Sri kerana kita ada lima perkara yang dalam catatan saya, Ahli Yang Berhormat pun ada, yang ada kaitan terus dengan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Boleh.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...SPR hendak duduk di sinikah atau hendak suruh mereka...

**Tuan Pengerusi:** Barangkali berganti, boleh Yang Berhormat Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** ...Boleh, boleh!

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Berganti.

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri bahan rujuk, yang di tengah itu bahan saksi... [Ketawa]

[Saksi-saksi dari Kementerian Dalam Negeri mengambil tempat di dalam Bilik Jawatankuasa]

**■1530**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood Adam KSU kementerian, TKSU Pengurusan Dato' Haji Wahab bin Mohd Yasin dan Ketua Pengarah JPN Dato' Jariah binti Mohd Said dan Puan Siti Zauyah binti Osman. Okey Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih. Okey Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood Adam serta beberapa anggota rombongan ataupun saksi diwakili oleh TKSU Pengurusan Dato' Haji Wahab bin Mohd Yasin, Ketua Pengarah JPN ada di sini juga Yang Berbahagia Dato' Jariah binti Mohd Said dan satu orang lagi Ketua Bahagian pendaftaran dan Pertubuhan Puan Siti Zauyah binti Osman. Mohon maaflah Yang Berbahagia Tan Sri kerana menunggu begitu lama semenjak minggu lalu lagi dan banyak masa yang digunakan tetapi memandangkan perkara soal pendaftaran dan kelayakan pengundi begitu panjang telah mengambil masa untuk sampai kepada peringkat ini. Saya rasa Yang Berhormat Tan Sri sedia maklum tentang peranan jawatankuasa ini dan tatacaranya.

Sebentar tadi baru selesai mendengar segala cadangan penambahbaikan sistem pilihan raya Malaysia serta berbicara mengenai teguran-teguran yang dikemukakan oleh pihak anggota kepada pihak SPR sebagai saksi. Ada beberapa perkara Yang Berhormat Tan Sri sekali gus ada kaitan dengan soal penambahbaikan dari peringkat pendaftaran khususnya kesahihan isu. Jadi kami telah meminta supaya pihak SPR terus kekal kerana isu yang ada kaitan tanggungjawab bersama sambil pihak kami mengemukakan soalan-soalan ataupun perkara.

Saya sebenarnya mahu memberikan peluang kepada pihak kementerian ataupun pihak JPN juga untuk memberikan ulasan keseluruhan apakah cadangan-cadangan terbaru untuk penambahbaikan dan itu boleh dimasukkan sambil menggulungnya barangkali tetapi kalau boleh kami mulakan terus kepada perkara-perkara yang ada kaitan di hadapan SPR supaya bolehlah dapat menyelesaikan masalah ini bersama-sama.

Saya mulakan sebelum Ahli Yang Berhormat yang lain, satunya Yang Berhormat Tan Sri yang telah dibangkitkan adalah sememangnya soal kesahihan pengundi dan pihak SPR mengatakan itu di luar tanggungjawab mereka kerana asal nampak IC itu adalah asli maka mereka melalui proses sedia ada memang layak untuk mendaftar. Jadi soal kesahihan adakah IC itu palsu ataupun tulen tetapi *legally given* begitu dalam segi sangkaan dan seterusnya, SPR mengatakan itu adalah di luar tanggungjawab mereka.

Satu lagi mengenai kehadiran ahli-ahli yang telah mati ini, yang banyak walaupun pihak SPR telah mengatakan banyak yang telah pun dipotong pada setiap tahun ratusan ribu.

Dan mereka mengatakan bahawa mereka ini berpandu daripada sijil kematian yang dibuat di peringkat JPN dan pihak kami dimaklumkan bahawa memang ada komunikasi apabila seseorang itu dibuktikan telah mati akan terus dikemukakan kepada pihak SPR untuk dipotong namanya. Namun keraguan kami berapa lama kah masanya dan apakah sistem yang ada dan seterusnya.

Satu lagi ialah perpindahan alamat yang berpandukan bagi SPR dan berpandu kepada pindaan alamat yang dibuat di peringkat JPN dan untuk *quote* Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi mengatakan walaupun pihak SPR boleh tahu dan mereka kemungkinan tidak tinggal di situ tetapi tidak boleh membuat apa-apa sebab di dalam bukti keluaran daripada JPN melalui IC, dia telah bertukar alamat. Jadi ini antara empat, saya mulakan dengan itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat masih ada lagi senarai-senarai, tetapi kalau ada perkara pokok penambahbaikan yang keseluruhannya Yang Berhormat Tan Sri boleh kemukakan juga, terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam [Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri]:**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan dan Yang Berbahagia Setiausaha, terima kasih kerana memberikan peluang kepada Jabatan Pendaftaran Negara khususnya dan khususnya kepada Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita lihat sebenarnya peranan JPN ini di dalam membantu SPR ia ada empat isu yang selalu dirujuk oleh SPR kepada kita. Pertama berkenaan dengan pengesahan nombor kad pengenalan, kedua perkhidmatan semakan maklumat kad pengenalan secara *online*, ini kita dengan pihak SPR, ketiga senarai yang dilucutkan taraf warganegara, yang keempat as Yang Berhormat *mention just now* senarai kematian. Inilah empat *area* kalau kita tengok dalam tahun 2011 hingga ke hari ini ada tujuh perkara yang telah dirujuk oleh pihak SPR kepada JPN.

Pertama senarai orang mati. Kita telah mengesahkan status 102,248 orang yang mati. Senarai warganegara yang berumur 21 tahun ke atas 11.8 juta, senarai warganegara yang berumur 60 tahun ke atas ialah 65,535 orang, senarai warganegara yang meragukan 52,724 orang. Seterusnya kita juga menyenaraikan senarai anggota polis dan tentera kerana dia ini baru tukar kad pengenalan yang baru MyKad MyTentera dan kad pengenalan untuk anggota polis jadi 344,121 orang. Senarai pemegang kad pengenalan lama masih ada lagi 234 orang yang memegang kad pengenalan lama, kita pun tengah mencari tetapi kad pengenalan lama kita sahkan. Yang ketujuh, senarai warganegara yang telah dilucutkan taraf warganegara untuk rekod 2011, 1,068 orang.



Jadi kalau kita lihat Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau lihat inilah isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak SPR dan kita rujuk. Untuk menjawab persoalan kedua oleh Tuan Pengerusi tadi tentang kematian, kita telah mencipta atau membuat satu peraturan yang baru dan telah mendapat kelulusan pihak kerajaan supaya apabila kita mengeluarkan sijil penguburan, pada masa yang sama untuk pengebumian surat mati akan terus dikeluarkan dalam repot yang sama satu sahaja, jadi kita akan memulakan bila-bila.

**Tuan Pengerusi:** Ada kes yang kena kubur, bangkit lagi balikkah?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Ada keskah yang sudah dikuburkan bangkit balik?... [Ketawa]  
Harus automatiklah kubur mati.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak Yang Berhormat, kalau kita lihat *this is separate issue* di antara sijil penguburan dengan surat mati itu berbeza.

#### ■1540

Jadi, kita nampak mana-mana agensi, polis, klinik atau orang-orang kampung *report* kematian mendapatkan permit untuk dikuburkan, pada masa yang sama juga surat kematian kita keluarkan. Sekali sahaja prosesnya, kalau tidak ini kena dua kali proses kadang-kadang terlupa keluarganya hendak dapatkan surat mati. Jadi, surat mati itu kita akan dapat daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan pada masa yang sama Jabatan Pendaftaran Negara akan melaporkan terus kepada SPR. Kerja itu sekali sahaja. Jadi, ini telah diluluskan oleh kerajaan, kita akan laksanakan dalam masa terdekat, 1 Disember kita akan laksanakan.

Ketiga, soalan tentang pindah alamat. Jadi, masalah pertukaran alamat ini adalah permohonan daripada pemohon atau pemegang MyKad itu sendiri. Walaupun undang-undang ataupun peraturan mengatakan dalam tempoh 90 hari dia pindah rumah, dia kena beritahu kita dalam tempoh 14 hari. Akan tetapi, kita tidak dapat memaksa rakyat berbuat demikian. Sekiranya permohonan itu dibuat, kita dapatlah. Inilah peraturan yang ada. Jadi, inilah isunya Yang Berhormat, isu yang besar Yang Berhormat telah bangkitkan. Inilah masalah yang ada di hadapan kita. Akan tetapi walau bagaimanapun, rekod kita menunjukkan kalau mereka memberitahu, *that is the issues* yang kita dapat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, Yang Berbahagia Tan Sri, selamat petang.

Saya timbulkan isu ini bersama dengan Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi SPR sebentar tadi, sama ada terdapat atau tidak satu sistem yang kita boleh laksanakan dalam masa yang terdekat, *online*.

Apabila maklumat, contoh kematian wujud dan pada masa JPN mendapat maklumat itu, serentak sampai ke SPR supaya mereka tidak perlu tunggu satu masa dan ketika harapkan maklumat ini dapat di *update* dengan serta merta. Akan tetapi, *on the same time* bila ada maklumat itu diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara, maklumat itu dengan secara *online* dapat *update* maklumat SPR. *That mean online* sistemnya, so tidak perlu dia – Pengesahan dia boleh buat dengan Jabatan Pendaftaran Negara tetapi SPR sendiri ada maklumat. So, mereka tidak perlu kata “*maklumat ini belum sampai, belum terima daripada Jabatan Pendaftaran Negara.*” Terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang saya kata tadi dengan kaedah yang baru, boleh. Pada 1 Disember kita akan laksanakan serta merta. Apabila laporan permohonan permit untuk penguburan tadi, terus kita beritahu, terus surat mati keluar. Pada masa yang sama surat mati keluar, *information* terus kepada SPR, kita boleh *link*. *Insyallah* kita boleh buat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ini secara *online*, *that mean* mulai 1 Disember akan datang ini, *online*. So, tidak akan wujud lagi masalah tunggu maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya, tidak akan wujud lagi.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak akan wujud lagi kerana sekali *report*, kita beritahu semua, pada polis, SPR, imigresen sendiri dan pada Jabatan Pendaftaran Negara, kita ada. Ada empat rekod.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berbahagia Tan Sri...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tadi, pihak Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan bahawa sesiapa yang berpindah rumah, beliau perlu dalam 14 hari memaklumkan kepada JPN. Ini saya rasa di bawah seksyen 15 *under National Registration Act*. Kalaulah mereka tidak buat demikian, apakah tindakan yang akan diambil oleh JPN? Terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat masalah kita ini, kalau dia tidak tukar alamat ini, bagi Jabatan Pendaftaran Negara kita tahu, kalau ada yang buat laporan, kita siasat. Itulah kedudukan kita. Dari segi peraturan sudah ada, kalau lihat seksyen dia itu, tidak menyebutkan tentang kesalahan. Tidak menyebut pula Yang Berhormat tentang kesalahan. Inilah yang berlaku kepada kita.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, dalam perkara ini, sebab ini ada implikasi kepada tempat dia mengundi dan seterusnya. So, bila dia memohon Yang Berbahagia Tan Sri, untuk pindah alamat, ada kemungkinan mereka ini buat laporan palsu bahawa dia pindah alamat, ertinya dia tinggal di situ, begitukah definisinya?

Akan tetapi kalau dia tinggal di situ, katakan tadi tiada perundangan yang mengambil tindakan, jadi ini terbuka kepada kes-kes di mana mereka barangkali menukar alamat hanya untuk tukar tempat mengundi mungkin. Adakah cadangan-cadangan untuk perkara ini, adakah *statute declaration* bila orang *sign* itu bahawa ini adalah betul bahawa mereka sebenarnya tinggal di situ supaya ada asas untuk membuat tindakan jika deklarasi itu palsu ataupun bagaimana?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tuan Pengerusi, kalau kita hendak mengetatkan peraturan itu, kita tidak menjadi masalah. Boleh kita ketatkan dengan satu *statutory declaration*, boleh buat. Maknanya kalau dia buat pemalsuan, boleh didakwa kemudian. Boleh Yang Berhormat. Kita boleh.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan topik yang sama yakni berkenaan dengan tukar alamat dalam MyKad. Sekarang ini, pendaftaran tukar alamat itu mudah sekali di Jabatan Pendaftaran Negara. Dia tidak perlu menukar MyKad itu secara fizikal, hanya meletakkan satu borang, selepas itu alamat dalam cip itu akan ditukar dan itu membolehkan pengundi itu bertukar alamat ke satu kawasan yang dia ingin dipalsukan. Saya telah menimbulkan masalah ini kepada SPR tadi bahawa ada – kita melihat bahawa daftar pemilih itu ada ruang untuk di manipulasi kerana Jabatan Pendaftaran Negara membenarkan seseorang itu menukar alamat sesuka hati dalam ketika ini kerana tidak ada pemantauan dan sebagainya.

Saya hendak tahu sama ada Jabatan Pendaftaran Negara ada cadangan atau tidak – tadi mengatakan mengetatkan cara memohon dan sebagainya, yang menukar alamat. Ini kerana sekarang ini saya lihat dia tidak perlu memberikan apa-apa bukti bahawa orang itu duduk di kawasan itu dan duduk di alamat itu. Sama ada ia boleh dipertimbangkan cadangan untuk sekurang-kurangnya dia kena bekalkan bil elektrik, bil air dan sebagainya untuk membuktikan orang itu duduk dalam rumah itu. Ini kerana sekarang ini terlalu mudah untuk seseorang itu tukar alamat.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tuan Pengerusi, betul Yang Berhormat. Jadi, betul yang dikatakan Yang Berhormat. Memang tidak ada peraturan kata tanggungjawab itu kepada pemohon, kepada pemegang kad tadi dia hendak bertukar alamat. Jadi, dia mohon sahaja tukar alamat, kita pun tukarlah alamat. Tidak ada peraturan tetapi kalau kata hendak diketatkan, kita bersedia. Itu salah satu Yang Berhormat kata, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *Statutory declaration* bahawa dia pindah di situ.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang ada peraturan undang-undang tadi, boleh dia angkat sumpah. Maknanya kalau dia buat penipuan, esok kita boleh ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kerana dia bermastautin di situ misalnya...

**Tuan Wee Choo Keong:** Bolehkah?

**Tuan Pengerusi:** *I think we can...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan boleh buat, sama ada jabatan Yang Berbahagia Tan Sri akan buat sekarang, itu yang kita hendak tahu. Boleh buat dengan akan buat, tidak sama ya.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Dalam Negeri ini menerima sahaja arahan. Kalau kerajaan memutuskan begitu, kita akan buat.

**Tuan Pengerusi:** Kita buat *resolution* di sinilah.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Jadi, ya kalau...

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa terbuka – Kementerian Dalam Negeri mempunyai sikap yang begitu terbuka.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu lagi. Itu untuk yang akan datang, untuk kes-kes yang akan datang supaya kita mencegah daripada pertukaran alamat yang tidak sah. Akan tetapi persoalan juga, kita sekarang ini dapat *detect* ada banyak juga pemilih-pemilih, pengundi-pengundi yang menggunakan alamat yang salah, dia tidak duduk sana, rumah kosong dan sebagainya. Adakah apa-apa ruang untuk mengambil tindakan supaya membetulkan keadaan itu ataupun mengambil tindakan kepada orang yang membuat alamat yang salah.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, peraturan, perkara 15 tadi mengatakan tidak ada peruntukan untuk hendak mengambil tindakan. Dalam hal ini, kalau kita lihat dahulu, pertukaran alamat ini bergantung kepada keperluan atau sukarela orang yang menukar alamat tadi. Peraturan mengatakan hendaklah memohon pertukaran alamat dalam tempoh 14 hari, dalam tempoh 90 hari dia berpindah tadi. Jadi, ini tidak ada peruntukan bagi kita. Kalau hendak kerajaan memutuskan sesuatu, kita mengikut apa sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa ini satu perkara yang memang Jawatankuasa ini akan teliti lebih dalam *but* kita akan dapat ada ruang untuk memperketatkan lagi, ada orang berpindah kerana takut di *track* oleh ah long ataupun pihak keselamatan dan macam-macam. Jadi, kalau ada – *almost on them* dengan izin, *to specified the truth then* itu satu caralah Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tambah sedikit Tuan Pengerusi. Pada awal tahun ini, bulan Januari ada 414,000 kad pengenalan MyKad tidak dikutip oleh pemohon. Jadi, kita buat penyiaran akhbar bahawa pihak polis akan menghantar ke alamat-alamat mereka. Dalam tempoh dua minggu, selesai semuanya ambil. Mengapa?

Bila kita hantar notis, tidak sampai atau rakyat tidak mempedulikan kad pengenalan baru yang bertukar. Inilah masalah. Inilah, kadang-kadang tidak tahulah rakyat kita ini, ambil mudah sangat tentang...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Bila suruh hantar...

■1550

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Apabila buat kenyataan akhbar, polis hendak hantar ke rumah masing-masing...

**Tuan Pengerusi:** Baru datang?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** *Between two weeks* selesai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Maknanya polis yang hantarlah?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Dia datang ambil sendirilah.

**Tuan Pengerusi:** *Announce* sahaja sendiri datang. Dia takut polis datangnya. Alamat yang tidak betul barangkali. Okey siapa lagi? Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi Tan Sri, mengikut cadangan tadi kalau kerajaan mencadangkan supaya penukaran alamat ini diakui rasmi melalui SD tadi ertinya modus operandinya setiap kali mereka mengemukakan penukaran alamat antara borang yang akan ditandatangani borang SD itulah ya? Borang SD ini ada *legal implication* kepada – saya rasa kita boleh bincang ini ya.

**Tuan Pengerusi:** Pihak KDN terbuka kepada cadangan jika ada resolusi daripada pihak kami.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Seterusnya saya ingin bertanya mengenai maklumat yang biasa dipohon oleh SPR iaitu yang kelima senarai polis dan tentera ini. Jadi Jabatan Pendaftaran Negara ini akan dimaklumkan oleh pihak polis dan tentera ataupun dipohon ataupun mengikut keadaan bila perlu maka maklumat ini diperolehi daripada tentera dan polis atau bagaimana cara pelaksanaannya.

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat rekod anggota polis dan tentera semua sudah ada di Jabatan Pendaftaran Negara. Kita tahun lepas telah menyelesaikan dan tahun ini telah menyelesaikan. Tahun lepas semua anggota PDRM sudah selesai penukaran MyKad baru dan anggota tentera juga telah menukar pada MyKad juga telah selesai. Jadi semua jenis rekod semua ada pada kita.

Pada masa yang sama rekod juga ada di Kementerian Pertahanan sendiri untuk angkatan tentera dan kami di KDN ada dan pihak polis pun ada maklumat itu. Jadi kita ada berkongsi alamat dan mereka boleh *link straight* gunakan ALIS *systems* pada sistem semakan ini. Masing-masing ada semakan itu Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Boleh saya bertanya lanjutan?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Untuk tahun 2011 misalnya, maklumat mengenai jumlah polis dan tentera yang keluar daripada polis dan tentera serta masuk tentera yang baru dan sama ada ini telah dimaklumkan pada SPR, jumlahnya?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Sudah Yang Berhormat, ada. Pada kita sudah lengkap dah. Bermakna pertukaran-pertukaran tetapi saya minta notis kerana tidak ada pada saya tetapi yang kita tahu dia *day to day business*. Kita ada mesyuarat setiap minggu dengan mereka, dengan pihak polis dan pihak tentera. Dia boleh mengemukakan kepada kita permohonan *straight* kita akan isu sama ada dia baru masuk tentera atau dia baru tamat perkhidmatan tentera atau polis. Kita ada rekod.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, saya bertanyakan sedemikian kerana kalau untuk kematian JPN melaporkan tahun ini sahaja ada 100,000 yang dimaklumkan lebih kepada SPR. Sedangkan dalam *update* daftar pemilih SPR untuk setakat bulan September ini lebih kurang 37,000 sahaja.

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Ya, betul Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi di mana larinya jumlah itu lebih 70,000 itu?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Jikalau kita lihat jumlahnya Yang Berhormat, Tuan Pengerusi kita lihat pihak SPR menghantarnya berperingkat-peringkat. Jadi semua sekali peringkat tentang kematian tadi keseluruhannya ialah 102,000 tadi yang kita sebut. Inilah peringkat – maknanya kita mengambil angka tadi daripada awal tahun hingga hari ini. Itulah Yang Berhormat, pengesahan pada kematian tadi keseluruhan rakyat Malaysia.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Akan tetapi yang dikeluarkan ataupun yang di *identify* oleh SPR hanya 37,000. Adakah maksudnya jumlah kematian yang di *submit* pada SPR termasuk yang bawah 21 tahunkah atau bagaimana?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Pada saya, pejabat kami hanya mengesahkan yang mati sahaja. Jadi yang mati mungkin pihak SPR hanya berminat pada yang pendaftar tadi, itu sahaja. Kami mengeluarkan kenyataan yang mati tadi. Walaupun dia hidup satu hari senarai dia itu pun mati juga.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi perhubungan antara JPN dan SPR, dikatakan oleh Tan Sri KSU bahawa dalam sistem sekarang ini mana-mana yang disahkan mati dan dengan itu dibatalkan kad pengenalannya. Berapa cepat sampai ke pihak SPR? Ini kerana sebelum ini ada yang sudah mati lama tetapi masih juga dalam daftar pemilih.

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Tuan Pengerusi, yang saya kata tadi mulai 1 Disember *there's are almost immediate*.

**Tuan Pengerusi:** Tahun ini?

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Yes, tahun ini 1 Disember tahun ini kita ada sistem tadi bila daftar sahaja dapat permit penguburan terus serta-merta kita buat.

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana yang sudah mati masih lagi dia hidup-hidup dalam senarai SPR ini? Bagaimana pihak Tan Sri Pengerusi SPR?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jika sekiranya yang meninggal dunia itu pengundi dan kita dapat sijil kematian itu daripada JPN maka kita akan keluarkan nama itu daripada senarai pemilih SPR. Akan tetapi ramai juga yang mati itu dia bukan senarai pemilih SPR.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab begini, kalau di negeri Sabah dan Sarawak inikan kita buat bantahan juga masa pembantahan dan kita masukkan juga bantahan tentang yang mati. Akan tetapi bila sampai ke SPR dia kata ini perkara JPN punya hal. Mahu mengesahkan dahulu mati. Bagi di pelosok-pelosok negeri Sabah ini Tan Sri sedia maklum, Tan Sri Mahmood juga sedia maklum bila mati proses untuk minta sijil semua itu hanya disahkan oleh Ketua Kampung sebab dia tidak ada *life insurances* hendak *claim*, kecuali ada hal tanah tuntutan so banyak yang mati keluarga tidak turun untuk memberi bukti kerana tiada keperluan untuk melakukan itu kecuali ada hal waris tuntutan tanah dan begitu, tidak ada *life insurances*.

*How can we* dengan izin *facilitate easy way*, disahkan oleh ketua kampung atau Anak Negeri dan DO mencukupikah itu? Ini kerana hendak melaporkan balik minta surat kuburlah, surat kematian hendak pergi lapor polis, polis hendak siasat lagi berbulan-bulan akhirnya orang *give-up to tell my uncle died 15 years ago*, masih lagi dalam daftar pemilih. *So how can we facilitate* dari segi membersihkan ini?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tuan Pengerusi, peraturan ataupun undang-undang yang ada sekarang ini SPR tidak boleh dengan mudah memotong nama daripada senarai pemilih dengan alasan mengatakan orang itu mati. Akan tetapi SPR akan memotong nama pengundi itu daripada senarai setelah mendapat pengesahan daripada JPN. Ini kerana ada berlaku Tuan Pengerusi, kita potong nama tetapi pada hari mengundi dia datang. Silap potong.

Jadi kalau kita mengatakan ini pengesahan yang kita terima daripada JPN mungkin tersilap sebab nama itu ramai yang sama. Tersilap potong. Jadi kita kena berhati-hati sangat untuk memotong senarai orang mati itu daripada senarai pengundi. Setakat ini yang *authoritynya* adalah JPN.

**Tan Sri Mahmood bin Adam:** Tuan Pengerusi, bagi kami bila dapat peraturan yang ada sekarang yang masih berjalan lagi dengan laporan kepada JPN melalui salinan surat yang permit penguburan tadi kita keluarkan surat mati. Itu sahaja. Akan tetapi 1 Disember kita buat kaedah lama. Jikalau kita boleh *reverse* misalnya Yang Berhormat bukan saya hendak mengesyorkan misal kita *reverse* kita gunakan permit penguburan ini dikeluarkan oleh pihak penguat kuasa tempatan. Jikalau kita dapat rekod boleh semula *copy* kita boleh mengesahkan begitu tidak ada masalah.

Biarlah orang yang di kuburkan, permit kubur mesti orang mati. Kita boleh keluarkan. Boleh kita kata, kita boleh *reverse* dan proses itu. Akan tetapi berapa lama sehingga kita boleh cari Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, sedikit lagi mengenai statistik tadi ini, saya hendak *refer* balik bahawa yang 100,000 tadi itu adalah yang lebih 21 tahun dan boleh jadi pengundi, boleh jadi tidak. Jikalau ikut statistik daripada SPR sendiri jumlah yang layak mendaftar sebagai pemilih berbanding dengan jumlah yang berdaftar, saya tidak tahu mungkin 70% kerana kita ada 12,000 pengundi ada lebih kurang dalam dua juta lagi atau tiga juta tidak mendaftar...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Lebih kurang 25% lah yang tidak mendaftar. Yang layak tetapi tidak mendaftar.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jikalau kita hendak *relatekan* dengan statistik yang diberikan ini, SPR mengatakan bahawa 37,000 sahaja yang dibuang. Jadi peratusan itu kecil berbanding dengan jumlah yang di *submit* oleh JPN seramai 102,000. Adakah ini bermaksud masih dalam pertimbangan atau bagaimana?

#### ■1600

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Angka itu mesti sama dengan JPN. Maknanya jika JPN mengesahkan bahawa orang itu telah meninggal dunia, ia akan dipotong daripada senarai SPR. Mungkin angka ini ada berbeza-beza sedikit, sana sedikit. Begitu juga dari segi kewarganegaraan. Kalau telah dilucutkan, kita akan gugurkan daripada senarai pemilih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Kangar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada nombor lima itu. Nombor lima iaitu senarai polis dan tentera. Tadi Tan Sri ada memaklumkan kepada kami bahawa pihak polis dan tentera telah pun dikeluarkan kad pengenalan baru, sudahkah habis semua diberi kad baru? Kad baru bermakna serupa macam MyKad kitalah, mengandungi nama, nombor kad pengenalan awam dan juga nombor tentera. Macam itukah? Cuba ceritakan kepada kita sedikit.



**Tan Sri Mahmood Adam:** Jadi perkara yang ada ini Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, kalau lihat nombor satu ialah nombor kad pengenalan, nama, alamat, jantina, taraf warganegara. Kalau orang Islam ditambah pula agama Islam. Yang lain tidaklah di sebut. Inilah perkara-perkaranya. Dalam biometriknya pula ada dua perkara. Gambar dan cap jari. Ada dua. Jadi, inilah yang ada dalam kad tentera yang dipanggil MyTentera dan polis MyKad, sama...

**Seorang Ahli:** Sama sahajalah.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Sama, cuma tentera dia tulis MyTentera. Polis dia tidak ada sebut MyPolis.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kad untuk MyTentera itu, ada dalam kad itu nombor kad pengenalan?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Memang ada. Kad pengenalannya sama dengan MyKad kita. Cuma dia MyTentera. Nombor tentera lah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Maksudnya Tan Sri, dalam kad yang sama itu nombor kad pengenalan pegawai tentera dan nombor tenteranya ada sekali tidak?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes, ada. Dua-dua ada. MyKad dia atau pun dia punya nombor tentera mesti ada. Pasal dia semasa tentera, nombor tentera ada. Ada dua nombor dia ada. Tiada masalah.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kita boleh tentukan kad awam itu adalah sama dengan kad tentera, adalah sama dan satu individu.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat, sama. Dia punya *design* sama cuma tajuk sahaja beza MyTentera. Itu JPN sendiri yang buat. Mula-mula dia hendak buat secara persendirian, penghabisan persetujuan dicapai dan Jabatan Pendaftaran membuat untuk mereka. Kami yang buat untuk mereka.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada SPR. Dengan maklumat yang sebegini, di dalam senarai pemilih pengundi – apa tadi kita panggil? Bukan pengundi pos, pengundi apa?

**Seorang Ahli:** Pengundi tidak hadir.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Adakah kedua-dua nombor ini dimasukkan?

**Dato' Sri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat, memang perkara ini sedang kita proses. Maknanya sebelum ini kita memohon kepada polis dan tentera untuk membantu kita. Pada masa itu mereka hanya ada nombor tentera kepada tentera, nombor polis kepada polis. Jadi, di peringkat kita, kita tidak dapat hendak *criss-cross* dengan JPN. Jadi, sekarang ini mereka mesti ada dua-dua, nombor tentera, nombor polis dan kad pengenalan 12 digit.

Dengan cara itu, kita boleh *criss-cross* supaya tidak berlaku *double registration*, tentera pun nama dia ada, awam pun nama dia ada. Jadi, sekarang kita menuju ke arah itu dengan maklumat yang ada.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tuan Pengerusi, kalau saya tambah pembikinan ataupun penukaran kad pengenalan bagi MyTentera hanya selesai pada tahun ini. Maknanya pertengahan tahun ini baru selesai kerana tentera bermula lewat. Akan tetapi bagi PDRM, tahun lepas sudah selesai. Itulah masalahnya. Jadi, kenapa kita letak dua-dua nombor tentera dan polis tadi, ada dua nombor. Nombor PDRM dan nombor awam dia kerana mereka akan bersara. Jadi, kita sudah ada dua nombor ini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi, maksudnya tidak jadi masalah hari ini kalau SPR hendak masukkan – *check* dengan nombor tentera yang ada dalam senarai SPR itu, dia akan terbitlah nombor 12 angka itu. Rasanya tidak jadi masalah.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak ada masalah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tidak ada masalah.

**Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi, Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz, buku daftar pemilih yang akan dikeluarkan kemudiannya akan mengandungi nama pengundi tidak hadir itu, nombor kad pengenalan merekakah atau nombor tentera?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Bagi pengundi tidak hadir sama ada tentera ataupun polis, dia akan adakan dua-dua nombor ini. Bagi tentera dan polis ini yang saya sebut, yang akan saya jelaskan di masa akan datang, mereka ini adalah – kita sedang rangka undang-undang, mereka ini akan didefinisikan sebagai pengundi awal.

**Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad:** Kepada JPN Tan Sri Mahmood, apabila seseorang itu dalam tentera, dia dapat naik tentera dan apabila dia bersara macam mana kad itu? Dia tukar barukah atau macam mana?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat kalau kita lihat bila dia bersara nombor tentera dia ditarik dan dikeluarkan MyKad yang baru sebagai orang awam dan hanya tinggal satu nombor, nombor awam sahaja. Begitu juga dengan polis. Selepas dia bersara, nombor polis ini juga ditarik, dia akan dikeluarkan dengan MyKad yang baru dengan nombor awam.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Saya tambah Yang Berhormat, itu dengan syarat, jabatan berkenaan beritahu JPN atau individu berkenaan memberitahu JPN. Kalau tidak menjadi masalah... *[Disampuk]* Kita tidak tahu sama ada dia telah bersara atau pun tidak. Itu yang kita tekankan kepada pihak polis dan tentera sebelum anggota ini bersara, setahun sebelum itu.

Beri maklumat supaya perkara-perkara seperti ini, seperti kad pengenalan, seperti *housing loan*, *car loan* dan sebagainya hendaklah diselesaikan. Jadi, dalam proses ini kita hendak perbaiki.

**Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad:** Saya berpendapat bahawa langkah ini, langkah untuk mengeluarkan kad MyTentera dan polis yang baru ini adalah satu langkah yang bijak, yang cukup baik sebab ini akan serta-merta menghalang anggota tentera atau orang *civilian* yang masuk tentera mengundi dua kali, dengan mendaftar dua kali. Satu menggunakan kad pengenalan awam, satu menggunakan kad pengenalan tentera atau polis. *So, now no more. I think that is a good move.* Saya ucapkan tahniahlah kepada JPM.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli Yang Berhormat siapa lagi? Yang Berhormat Gombak dahulu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tan Sri KSU Kementerian Dalam Negeri, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang ada empat perkara pada petang ini. Pertama, kita sedia maklum JPN ada mengeluarkan kod-kod tertentu bagi warganegara yang dilahirkan dalam negara, dalam negeri dan juga warganegara yang dilahirkan di luar negara. Saya hendak tanya sesuatu.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Bagi warganegara yang lahir di Singapura, apakah kod yang digunakan oleh JPN? Itu yang pertama. Kedua, mengikut maklum balas yang saya terima daripada beberapa pegawai SPR. Pengalaman mereka yang lalu ialah apabila mereka terima borang permohonan untuk menjadi pemilih, semasa mereka *key in* nama-nama yang berkenaan, pemohon-pemohon yang berkenaan dan kemudiannya ada semakan dengan pihak JPN, kalau mereka ini bukan warganegara Malaysia, ia secara automatik sistem itu akan ditolak di peringkat SPR. Akan tetapi sekarang ini, ada masa-masa tertentu, seolah-olah ada *opening* di antara SPR dengan JPN walaupun pegawai SPR mengesyaki bahawa mereka ini bukan warganegara tetapi dapat *clearance* daripada JPN menyebabkan *automatically* mereka ini akan didaftarkan di dalam sistem SPR.

SPR terpaksa menerima kerana ianya telah dibersihkan oleh sistem JPN. Mengapa ini berlaku dalam tempoh kebelakangan ini? Ketiga, daripada maklum balas yang saya terima daripada pegawai-pegawai SPR juga yang terlibat dalam pendaftaran ini, kalau ada permohonan yang diterima sebagai pemilih dengan nama, nombor kad pengenalan dan alamat yang lengkap. Diserah kepada JPN untuk semakan, JPN akan hantar semula senarai ini kepada SPR dengan alamat yang berbeza daripada apa yang telah didaftarkan oleh pemohon yang berkenaan.

**■1610**

Maka, SPR terpaksa menerima apa juga yang dibekalkan oleh JPN walaupun berbeza dengan alamat yang telah dikemukakan dalam borang pemohon yang berkenaan. Akhirnya Yang Berhormat Tan Sri kalau boleh saya dapatkan penjelasan apakah peranan Majlis Keselamatan Negara semenjak akhir-akhir ini dalam proses pendaftaran pemilih-pemilih khususnya dalam enam bulan yang terakhir, terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau kita lihat berkenaan kod nombor sebelum tahun 1990 semua mereka yang lahir di luar negeri diberikan kod 71. Kalau kita lihat selepas tahun 1990 kita menyusun semua bermakna mereka yang lahir di luar negeri kita beri kod tertentu, selepas 1990 bagi mereka yang lahir di Singapura kita berikan kod 66 di tengah-tengah itu 66, kalau 01 Johor, 66 ialah Singapura. Seterusnya ada 190 kod baru diwujudkan bagi negara-negara di luar negeri, ada kod yang terpaksa di negeri-negeri kecil kita gunakan kod yang bersama, inilah jumlah-jumlahnya. Jadi inilah sejak tahun 1990 kod telah diberikan berbeza pada negara-negara di luar negeri tadi, terima kasih Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tan Sri kalau boleh saya *interject* di sini.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Sila.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebelum 1990 warganegara yang dilahirkan di Singapura diberikan kod 71. Selepas 1990 diberikan kod 66.

**Tan Sri Mahmood Adam:** 66 yes.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Di mana kod 71 sekarang?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kod 71 kita dalam hal ini kita tidak gunakan lagi selepas 1990.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Baik kalau itu...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kerana akan menimbulkan kekeliruan, 71 di tiadakan dalam senarai itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Terima kasih. Mengikut semakan Yang Berhormat Tan Sri data yang kita semak daripada Daftar Pemilih Suku Tahun Ketiga 2010 lebih kurang setahun yang lalu, jumlah pemilih yang menggunakan kod 71 ialah 172,091 orang, ini yang daftar pemilih yang agak terkini. Bagaimana penjelasan boleh diberikan kalau kod ini sudah tidak lagi diterima pakai semenjak 1990 iaitu hampir 22 tahun yang lalu tetapi jumlah yang tercatat dalam daftar pemilih begitu besar 172,000.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat, kalau kita lihat kalau kita *minus* kan 21 tahun, mereka ini berdaftar undi mereka itu telah lahir pada 1989 Yang Berhormat. 89 masih lagi menggunakan kod 71 Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes dan sebelumnya. 1990 sebelumnya masih lagi menggunakan kod 71.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maka Yang Berhormat Tan Sri mengesahkan bahawa 172,000 rakyat Malaysia dilahirkan di Singapura?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Di luar, tidak di luar daripada Malaysia.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Mahmood Adam:** Maknanya dilahirkan di luar negeri, menggunakan kod 71. Tahun 90 ke atas 1990 dia menggunakan kod-kod yang telah dibezakan, sebelum itu...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau 1989 maknanya...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Masih lagi menggunakan...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...Kod 71 adalah Singapura.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak, saya kata 66, 66 selepas 1990...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...Itu selepas 1990.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tahun 1990 kita menggunakan kod 66.

**Tuan Pengerusi:** Kod 66.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Sebelum ini semuanya 71.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *...Not confined to Singapore?*

**Tuan Pengerusi:** Semua negara bukan Singapura sahaja?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes semua negara sebelum 1990 menggunakan kod 71...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** ...Tahun 1983, *my daughter also.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *...My daughters 91.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Perkara yang kedua Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes kalau perkara yang kedua Yang Berhormat berkenaan dengan JPN, sistem kita lihat SPR - hubungan kita dengan SPR, apa yang kita ada, apa yang dirujuk oleh SPR kepada kita itu yang kita semak, katakan alamat berbeza apa alamat yang ada pada kita Yang Berhormat itulah yang kita keluarkan. Itulah kita serahkan balik kepada mungkin pertukaran alamat berlaku, mungkin pemilih memilih alamat baru tetapi kita hanya mengikut rekod dalam MyKad rekod kita, *Main Registration Record*, itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Cuma apa yang diserahkan kepada SPR Yang Berhormat Tan Sri KSU ialah alamat yang tidak lengkap sebagai contoh hanya nama kampung sahaja sedangkan saya kira dalam konteks pada hari ini semua rumah ada alamat yang penuh, nombor rumah, jalan, kampung tetapi pegawai-pegawai SPR yang memaklumkan kepada saya mereka menghadapi kesukaran kerana sekarang ini serangan kepada SPR tetapi SPR kata tidak adil kerana mereka hanya menerima apa yang dibekalkan oleh JPN. Jadi persoalannya mengapa JPN tidak dapat membekalkan alamat yang lengkap kepada SPR, hanya nama kampung sahaja...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...Ataupun nama taman sahaja.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kalau Yang Berhormat kita lihat masih wujud kampung-kampung yang tidak ada nombor lagi Yang Berhormat. Kalau kita lihat umur 21 tahun ke bawah ini mungkin pendaftaran atau lain 1989, masih wujud lagi kampung semasa kita mengeluarkan MyKad umur 12 tahun, kampung yang tidak ada nombor, rumah tidak ada nombor itu masih ada lagi. Jadi kita berdasarkan umurnya 12 tahun dia merekodkan MyKad kita keluarkan, kita berdasarkan rekod apa yang ada pada kita. Kami di KDN dan Jabatan Pendaftaran Negara hanya merekodkan atau mengeluarkan balik alamat yang dipohon pada waktu itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Nanti sekejap. Yang Berhormat Tan Sri saya rasa masalah ini menimbulkan pula satu masalah dilema yang lain sebab sekarang 40,000 itu ada yang dipotong kerana alamat tidak lengkap, kampung sahaja tidak ada alamat. Jadi dalam keadaan ini mungkin ada sesetengah pengundi yang sah, pengundi yang betul dan *genuine* dipotong dalam proses ini kerana tidak ada alamat yang lengkap. Jadi ini pula menimbulkan satu lagi masalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan saya yang 40,000 itu kita semak bersama-sama dengan JPN, di peringkat JPN tidak dapat hendak *verified* Yang Berhormat Tan Sri boleh *confirm*. Jadi bila tidak dapat *verified* di peringkat KDN kata pada mereka potong sahaja...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Not existed.*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Namun di peringkat SPR kita hendak memastikan bahawa diberikan peluang kepada nama yang tertera di situ supaya mereka dapat semak ataupun relatif mereka kalau mereka meninggal dunia lah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya tetapi hakikatnya Yang Berhormat Tan Sri, tidak ada sesiapa yang akan pergi cek itu rang daftar pemilih itu kecuali wakil-wakil parti politik, kalau orang ramai dia tidak akan pergi ke pejabat pos tengok nama dia sama ada dipotong atau tidak, ramai orang tidak *aware*. Jadi apa yang saya bimbang ialah kerana tidak ada alamat yang lengkap itu seperti yang dikatakan, banyak kampung-kampung tidak ada nombor rumah dan sebagainya, dalam proses ini dalam proses pemotongan, penandaan, pemotongan ini mungkin ada *genuine voters* yang dikeluarkan daripada senarai daftar pemilih ini tanpa beliau sedari.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya lah Yang Berhormat apa pilihan yang kita ada, kita buat kenyataan tidak ada respons, kita keluarkan di dalam web kita pun begitu juga. Kita akan keluarkan juga CD kepada parti-parti politik kalau dapat bantu kita dan kalau buat semua benda ini tidak ada respons, kita pameran pun tidak ada respons, jadi salah satu cara untuk membersihkan senarai pemilih kita terpaksa potong. Akan tetapi katalah tiba-tiba pada hari mengundi timbul dia, mengikut kata pegawai-pegawai saya boleh dimasukkan nama.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Yang Berhormat Tan Sri...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Akan tetapi pada masa itu tidak dapat mengundilah.

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi Yang Berhormat Tan Sri kalau itu sudah disahkan oleh pihak JPN bahawa tiada dalam rekod ataupun tidak dikenali, mana lagi asasnya hendak *claim* dia ini kecuali data JPN itu ada masalah kesahihan. So saya rasa itu satu jalan yang terbaik paparkan beberapa hari...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yalah, kita takut ada juga berlaku kesilapan di mana-mana itu sebab kita pameran.

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh pameran mengikut barangkali kawasan Parlimen atau DUN dan tuan-tuan DO, ADUN kita boleh membantu untuk papar di situ.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Namun begitu Tuan Pengerusi untuk Sabah, saya difahamkan ahli panel yang duduk di SPR daripada Sabah dia juga menganalisis nama-nama itu dan didapati 50% daripada yang berumur 80 ke 91 yang sudah tua-tua. Namun kita tidak pasti sama ada dia meninggal dunia ke ataupun tidak ...

**Tuan Pengerusi:** Saya ada senarai di sini di mana pengundi 100 lebih tahun Sabah sahaja, 2,000 lebih.

■1620

Akan tetapi di kawasan saya, dia katakan 64 campur 35 ialah 99 tetapi saya belum berjumpa satu orang yang berumur 90 tahun, ini orang Dusun cepat mati... [Ketawa]

Kerja keras di ladang. Sebanyak 2,614 dalam daftar pemilih terkini, yang berumur lebih daripada 100. Ini semua saya rasa...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya, kita beri peluang sampai hujung tahun. Kalau tidak ada apa-apa respons daripada sesiapa mengatakan ada orang berkenaan, kita akan potong dan ada juga *responded*, dia takut kena denda, ha! Ini yang kita hendak bincangkan dengan KDN supaya kita mendapat pengecualian dan sebagainya supaya tidak dikenakan dendalah.

**Tuan Pengerusi:** Denda?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Denda sebab lambat...

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ya...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Oleh sebab respons dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Yang Berhormat Tan Sri...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ini kita akan bincang dengan KDN.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** KDN ada satu formula Yang Berhormat Tan Sri, masuk surat khabar dua minggu lagi polis akan datang... *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Itu bagi kes itu sahaja Yang Berhormat, ini kes orang mati.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang Berhormat Tan Sri, saya hendak tanya Tan Sri KSU KDN.

**Tuan Pengerusi:** Ada.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang Berhormat Tan Sri beri keterangan sebentar tadi bahawa soal alamat tidak lengkap ini, mungkin ketika dia memohon IC pada usia 12 tahun...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *It was many years ago...*

**Tan Sri Mahmood Adam:** *Correct.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Alamatnya belum lengkap sebab itu saya bangkitkan tadi, apabila sekarang setelah berumur 21 tahun mereka hendak mendaftar sebagai pemilih. Pergi jumpa SPR untuk mengisi borang sebagai pemilih, SPR hantar kepada JPN. Mengapa JPN tidak menggunakan alamat lengkap yang didaftarkan di SPR sebaliknya menggunakan rekod puluhan tahun dahulu...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ketika umur 12 tahun untuk mendapatkan IC.



Jadi, masalah ini tidak akan selesai sebab itu saya hendak penjelasan mengapa KDN mengambil pendirian untuk menggunakan rekod lama sedangkan ada rekod terbaru yang diisi sendiri oleh pemilih? Ini alamat yang terbaru, mengapa tidak digunakan itu?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu yang pertama, yang kedua Yang Berhormat Tan Sri, sukar untuk saya menerima kenyataan bahawa sekarang masih lagi tidak ada alamat lengkap, mungkinlah...

**Tuan Pengerusi:** Di Sabah dan Sarawak ini biasa. Kampung sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Mungkin di kawasan-kawasan betul-betul pendalaman tetapi ini berlaku di kawasan Gombak, di Taman Jasa Batu Caves masih lagi tidak ada alamat. Saya tidak boleh terima kalau penduduk di Taman Jasa tidak ada alamat tetapi itulah yang berlaku dan SPR mengambil pendirian itulah data yang dibekalkan oleh KDN. Jadi boleh tidak KDN memberikan penjelasan tentang perkara ini?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Terima kasih Yang Berhormat, kalau kita lihat pertukaran alamat tadi macam di dalam peruntukan yang ada, peraturan 15 tadi mengatakan bahawa hendaklah dimohon oleh pemegang MyKad tadi. Kalau dia memohon pada Jabatan Pendaftaran Negara, memohon untuk menukar alamat, beri *detail* barulah kita masukkan di dalam rekod kita. Jadi, apa yang ada pada kita ialah rekod yang dipohon oleh pemegang MyKad tadi, kita tidak boleh memakai mana-mana agensi. Jadi pemohon hendaklah dibuat permohonan sendiri untuk menukar kad pengenalan, itu yang berlaku. Jadi apa yang ada rekod tadi, *what is the latest record* dalam rekod kita, itu yang kita keluarkan.

Kedua Yang Berhormat, maaf saya orang kampung, saya berasal daripada Johor, Kampung Air Baloi Pontian, Johor. Di kampung saya itu, mana yang *covered by* kerajaan tempatan, yang bayar cukai pintu itu dia ada nombor rumah, yang lain tidak ada nombor rumah. Rumah saya tidak ada nombor Yang Berhormat, Kampung Air Baloi sahaja, tidak ada nombor kerana saya tidak membayar cukai pintu, sebab ia terkeluar daripada kawasan...

**Tuan Pengerusi:** *Rating area.*

**Tan Sri Mahmood Adam:** Walaupun itu yang berlaku Yang Berhormat, realiti masih berlaku di Kampung Air Baloi Pontian, Johor kalau ada Yang Berhormat daripada Pontian itulah hakikatnya kampung saya yang hulu tadi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itu betul. Di Sabah dan Sarawak ini banyak - untuk ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya tetapi kalau...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, berbalik kepada bilangan yang...

**Tuan Pengerusi:** Nanti saya...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang hendak dibersihkan tadi...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Senarai itu dipamerkan...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat, pada mulanya senarai itu kita pameran lebih kurang 1,000 tempat di pejabat daerah, di PBT, di pejabat pos tetapi didapati tidak begitu baik, responsnya *not very good*. Jadi, sekarang ini kita telah membuat keputusan di peringkat SPR, kita lanjutkan pameran itu di web SPR sehingga hujung tahun ini.

**Tuan Pengerusi:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Kita juga mengeluarkan CD kepada parti-parti politik.

**Tuan Pengerusi:** Yang 52,200 itu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sebanyak 42,000 ribu.

**Tuan Pengerusi:** Ada 42...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Adakah Yang Berhormat Tan Sri, ada cadangan untuk menghantar nama-nama mereka itu kepada DUN yang berkenaan?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Memang nama-nama itu sudah kita pecah-pecahkan mengikut DUN.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Hantar kepada DUN yang berkenaan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Belum.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Meminta – itu yang saya hendak cadangkan. Saya ingat kalau buat begitu lebih berkesan, hantar kepada DUN yang berkenaan, meminta Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan yang berkenaan membantu, *check*. Itu saya ingat lebih berkesan.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa itu satu cadangan, dimasukkan di dalam catatan kita...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebab ia mengikut...

**Tuan Pengerusi:** Arahan pentadbiran sahaja...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia punya peti undi dan seterusnya, kita boleh hantar kepada DUN yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tan Sri, okey. Saya ada satu mengenai dengan...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang belum dijawab. Apakah peranan Majlis Keselamatan Negara?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila-sila.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kalau kita lihat peranan Majlis Keselamatan Negara, ia memainkan peranan. Saya menjawab bagi pihak MKN dia – yang kita tahu sebagai kakitangan kerajaan ia berkaitan dengan hal-hal keselamatan. Jadi, kita tidak ada hubungan apa-apa dengan Kementerian Dalam Negeri kecuali dalam berlaku *emergency* semasa darurat, dalam keadaan banjir ini, kita bantu RELA, JPAM itu adalah yang ini. Akan tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Selain daripada itu tidak ada?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak ada kita...

**Tuan Pengerusi:** Lain bidang?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kita juga ahli dalam Mesyuarat Keselamatan Negara, apabila dipanggil mesyuarat pada setiap bulan itu kami datanglah. Sama ada Yang Berhormat Menteri atau saya mewakili Yang Berhormat Menteri, itulah mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, saya ingin merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Tan Sri KSU, Jabatan Perdana Menteri tadi mengenai dengan seksyen 15, *National Registration Act* dan saya akan menunjukan soalan ini kepada Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi SPR, ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Minta maaf, saya hendak menunjukan satu soalan dahulu. Tadi saya merujuk kepada jawapan daripada Yang Berhormat Tan Sri KSU daripada JPN mengenai dengan seksyen 15 *National Registration Act*, di mana beliau telah menyatakan bahawa JPN boleh mengemaskinikan seksyen 15. Jika kerajaan mengarahkan JPN mengambil tindakan sewajarnya terhadap menguatkuasakan seksyen 15 ini, JPN akan buat. Katalah kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri mengarahkan JPN mengemaskinikan seksyen 15, menguatkuasakan seksyen 15 iaitu semua penduduk mesti memaklumkan kepada JPN jika bertukar alamat, kalau mereka berpindah. Dalam keadaan begini sama ada SPR boleh melaksanakan sistem terbaru, di mana *vote as you live, vote where you live*. Katalah saya berpindah ke Taman Tun dan saya jadi *voter* di Taman Tun, saya berpindah ke Gombak dan saya jadi *voter* di Gombak. Bolehkah SPR melaksanakan sistem terbaru sebegitu? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Undang-undang yang ada sekarang Yang Berhormat. Jika sekiranya mereka menukar alamat mengikut sebagaimana yang disebutkan oleh KDN tadi dan diikuti pula dengan mereka memohon menukar alamat mereka di SPR maka bertukarlah tempat mereka mengundi...

**Tuan Wee Choo Keong:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Tidak, mengikut undang-undang sekarang tidak secara automatik. Itu sebabnya saya katakan tadi walaupun kita tahu seseorang itu tinggal satu tempat, duduk di situ tetapi dia mengundi di tempat lain. Kita tidak boleh membuat pindaan kecuali orang berkenaan mengisi Borang 'A', membuat pindaan alamat dia dan alamat dia mestilah sama dengan kad pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bolehkah pihak SPR...

**Tuan Pengerusi:** Saya pun ada lagi...

**Tuan Wee Choo Keong:** Menukar satu peraturan di mana *online* juga. Bila mereka pindah situ, maka tempat mengundi mereka juga akan pindah...

■1630

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak boleh? Kenapa?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tidak boleh. Ini kerana pengundi itu sendiri. Ini kerana esok kalau berlaku buat begitu, orang akan kata SPR memindahkan. Biar mereka mengisi borang berkenaan, ada, barulah kita...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini untuk mengelakkan tuduhan pengundi hantu, *phantom voters* dan sebagainya. Kita hendak elakkan tuduhan begitu dan tuduhan sedemikian tidak baik untuk SPR. Sama ada SPR rela ataupun akan meminta kerajaan menukar peraturan ataupun membuat satu cadangan untuk menukarkan peraturan supaya semasa seseorang yang minta tukar alamat di JPN, secara automatik tempat mengundi mereka juga akan ditukar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Pada masa ini belum boleh dibuat begitu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sama ada SPR akan buat untuk mengelakkan tuduhan terhadap SPR ini. Saya hendak jaga imej SPR Yang Berbahagia Tan Sri... *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sebab itu saya hendak...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** ...Sekarang ini memang betul dalam Perlembagaan mengatakan seseorang itu mengundi di tempat mereka bermastautin.

**Tuan Pengerusi:** Iaitu mengikut dalam kad pengenalan. Bukankah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Bukan. Dalam kad pengenalan ini itu dari segi kita untuk mengawal supaya jangan begitu mudah untuk menukar alamat. Itu pun sebab daftar pemilih parti politik pun kita tidak benarkan tular alamat.

**Tuan Pengerusi:** Pada masa dia mendaftar, seharusnya tempat dia bermastautin. Dia kata dalam ini.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Dalam Perlembagaan berkata begitu.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Masalahnya itu yang timbul inilah yang orang pindah bukan tempat dia bermastautin, tetapi untuk sementara tukar undi pergi ke tempat sana. Bagaimana hendak mengubah supaya ia *genuinely they have change address*, dengan izin, kepada tempat yang mereka menetap.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut kata Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood tadi, jika seseorang itu tinggal di satu-satu tempat tidak kurang daripada 90 hari, dalam tempoh 14 hari orang berkenaan boleh memohon untuk menukar alamat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bukan boleh...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada *compliances* dengan izin?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ya? Tidak ada *compliances*. Ramai penduduk Malaysia ini, saya tidak mahu menyebut berapa peratuslah. Ramai mereka mengundi di tempat lain dan duduk di tempat lain.

**Tuan Pengerusi:** *We either* benarkan itu ataupun kalau tidak dan kita perlu membuat *requirement for compliances*, bukankah? Jawatankuasa ini memang ingin membincangkan itulah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** SPR seperti Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood juga. Jika sekiranya undang-undang dipinda seperti itu, maka SPR akan melaksanakan seperti dalam undang-undanglah.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Rasah. *Then* yang terakhir Yang Berhormat Kuala Krai sedikit sini, saya juga ada satu, Sabah punya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada Yang Berbahagia Tan Sri KSU, dalam maklumat yang dibekalkan oleh JPN tadi, maklumat yang dipohon oleh SPR tahun 2011, saya lihat di sini ada satu perkara. Senarai warganegara yang meragukan, jumlah rekod 52,724. Saya hendak tahu, apakah yang didefinisikan sebagai senarai warganegara yang meragukan?

Daripada 52,000 itu, adakah semuanya telah *clear* dan SPR telah memasukkan mereka sebagai dalam daftar pemilih? Itu yang pertama.

Keduanya ialah di sini juga ada satu perkara yang diletakkan sebagai senarai warganegara yang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan, 1,068. Ini saya faham sebab ada yang telah *give up* mereka punya *citizenship*, dikeluarkan daripada daftar pemilih. Akan tetapi, cuma kita hendak mohon kalau JPN boleh bekalkan daripada tahun 2008 setiap tahun, berapakah warga asing yang telah diberikan taraf kewarganegaraan yang mungkin telah memilih ataupun memohon menjadi pemilih mengikut negara dan sebagainya. Kalau boleh diberikan daftar itu secara lengkapnya, ini dapat membantu kita mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas. Terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat, untuk soalan yang kedua itu saya minta notis. Saya tidak ada Yang Berhormat. Tidak ada pada saya. Kami boleh jawablah dalam tempoh 24 jam. *If I can get it, send it to secretariat.* Soalan yang nombor satu tadi, 52,000 ini yang kita ragukan, apa yang dikatakan oleh pihak SPR meragukan. Jadi, kita sudah *clear*, apa yang ada kita *compare* dengan kita, kita sahkan dan serah kepada pihak SPR. Sama ada ia benar atau tidak, apa yang ada pada kami, apa yang pihak SPR hendak kita jelaskan apa yang ada rekod kami dan kita pulangkan. Semakan telah dibuat dan kita pulangkan balik kepada pihak SPR.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, itulah daripada 52,000 sampai 42,000 lagi? Begitukah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ya. Yang 52,000 ini kita hantar kembali kepada JPN dan JPN telah memberitahu kita bahawa yang tidak boleh dipastikan adalah 42,054, yang lain itu ada meninggal dunia, ada yang warganegaranya sudah luput dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Ini yang kita cadangkan tadi Yang Berbahagia Tan Sri untuk edarkan kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada DUN, untuk pejabat daerah meminta pengesahan daripada pihak penghulukah atau begitu. Pasti kita boleh kenal pasti dari segi tempat pengundiannya kalau dia dihantar di peringkat kawasan di situ.

Yang Berhormat Rasah, okey. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya. Sedikit sahaja. Sebenarnya soalan saya itu sama dengan Yang Berhormat Rasah untuk memohon pecahan jumlah warganegara asing yang telah diberikan kerakyatan dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Ditambah lagi kalau boleh berbanding dengan satu tempoh yang sama, tiga tahun sebelumnya untuk kita melihat trend permohonan daripada warganegara asing yang mana, negeri mana kerana ini ada kepentingan dalam analisis kita kepada daftar pemilih. Terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Dalam tempoh 24 jam Yang Berhormat. Esok kita akan hantar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, *just* untuk Yang Berhormat Kuala Krai *I think* jawapan itu ada dalam nota-nota Parlimenlah, Hansard ada.

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri KSU boleh masukkan sana jumlah kerakyatan bagi negeri Sabah. Khas untuk negeri Sabah yang diberi kewarganegaraan semenjak tiga tahun yang sama.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, mungkin data itu boleh dibekalkan dengan analisa mengikut negeri mana. Maksudnya, kalau di Sabah ada berapa yang mohon kewarganegaraan dan negeri-negeri yang lain, Selangor, Pulau Pinang dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Okey. Pecahkan negeri-negeri yang lain.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Boleh Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya. Satu lagi soalan yang mungkin bersangkutan paut dengan masalah kewarganegaraan. Ini saya hendak tanya, adakah pihak KDN mempunyai kemahiran ataupun kemampuan untuk memaklumkan kepada kami bilangan warganegara di luar negara. Warganegara kita yang berada di luar negara dan negara-negara mana.

**Tuan Pengerusi:** Dan sekali gus dengan itu, bilangan pengundi, berdaftar sebagai pengundi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *No. Just* warganegara sahaja. *Do you have capability, do you have the sources and do you have* – bagaimana, boleh atau tidak?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tuan Pengerusi, kami perlu semak. Apa yang ada pada JPN hanya MyKad sahaja. Kami perlu *double check* pula dengan imigresen, apa nombor MyKad ini, apa nombor *passport* yang telah dikeluarkan. Daripada itu, kami perlu *check* sistem imigresen bila dia keluar, sama ada sudah balik atau belum. Itu sahaja, tetapi negeri mana dia ada, kami tidak ada rekod. Kami perlu *check* pula dengan Wisma Putra. Mungkin Wisma Putra, sama ada rakyat Malaysia ini berdaftar atau tidak dengan kedutaan kita atau *embassy* kita di luar negeri, tetapi kami akan cuba Yang Berhormat. Jadi, kami akan buat kerja daripada MyKad yang ada tadi, kita *compare* apa *passport* nombor dia keluar. Daripada *passport* kita *reverse* balik sistem kita, bila dia keluar, sama ada sudah balik atau belum. Dalam negeri mana pula, kami perlu rujuk. Jadi panjang sedikit Yang Berhormat, kami tidak berani beri 24 jam...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Boleh.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Akan tetapi, *we try our best*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Berapa lama yang diperlukan?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Berapa lama? Rakyat Malaysia ada lebih kurang 29 juta, kita lihat berapa *passport* yang kita keluarkan. Jadi, berapa lama dapat bayangkan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Dua minggu boleh Yang Berbahagia Tan Sri?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Dua minggu? Saya cuba apa yang saya dapat. Pemegang *passport* Malaysia yang *still valid now is about 7.9 millions. I will against the 7.9 millions* yang ada *passport* sekarang yang *still valid*. Yang keluar negeri *I will double check*. Jadi, *our work is based on 7.9 million* rakyat Malaysia yang ada *passport, yang still valid. The passport is still valid*. Boleh Yang Berhormat?

■1640

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *You* boleh tentukan dia sudah keluarlah? Akan tetapi di mana dia bermastautin tidak tahulah.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Tidak dapat Yang Berhormat kecuali dia *refer to* Wisma Putra.

**Tuan Pengerusi:** Itu Wisma Putera.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Rakyat kita tidak menjadi wajib, dia berada di luar negeri dia – tetapi *we can find out* di Wisma Putra dengan Bahagian Kaunselor. *Insya-Allah*.

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri, unik untuk Sabah ini, kedua-dua SPR dan JPN, masih terdapat dalam daftar pemilih memang nama-nama yang kita sebut diragui. Diragui kerana berasas kepada penyelidikan di peringkat pusat pengundian ataupun kampung, nama itu tidak dikenali. Barangkali sudah pun bertahun-tahun kita bantah untuk buka tetapi tidak boleh dibuka kerana itulah kita diminta untuk membuktikan melalui JPN bahawa betulkah orang ini diragui dan taraf kewarganegaraannya itu diragui. Masa pilihan raya, sebahagian mereka ini hadir. Apabila dia hadir mukanya lain, bangsanya lain dan tetapi kita tanya, "*dari mana?*" Dia kata kerana tengok IC, dia kata lahir di kampung itu. Akan tetapi dalam sejarah kampung tidak pernah orang – katakan satu kaum Pakistan misalnya ataupun dia pun tidak pandai cakap Bahasa Malaysia, cakap Tagalog lahir di situ.

Apakah cara-cara kita bawa kepada JPN dia perlu bukti, sedikit sahaja tidak mencukupi dia kata. Akan tetapi bukti di peringkat akar umbi itu memang cukup jelas tetapi kita diminta untuk mengemukakan maklumat-maklumat tambahan, perlu bayar lagi semua. Adakah proses untuk membersihkan satu senarai kerakyatan dan senarai pengundi yang lebih memihak kepada rakyat, yang memang berasas kepada maklumat yang tulen? Jadi, ini masih berterusan Tan Sri, apa pandangan kedua-dua Tan Sri? Memang SPR katakan, "*Ini perihal JPN.*"



*Sometimes our boys*, dia hentikan mereka di tempat letak kereta bila nampak muka yang lain daripada yang lain. Akan tetapi dia kata melihat pengundi. Pihak SPR kata ya, *he is on the daftar* mahu beri kebenaran. *You stop him, the police authorities will disallowed you*. Akan tetapi *we know that* dia bukan rakyat Malaysia. Ini yang buat hati sedih tetapi tidak boleh buat apa-apa kerana prosedur itu amat sukar untuk membuat pembetulan, Tan Sri KDN. Apa cara untuk memudahkan lagi, dalam bidang ini? *I know you* terikat dengan Perlembagaan, peraturan tetapi *cases like this is genuine and yet* tidak boleh buat apa-apa. Ini menimbulkan kemarahan rakyat dan menambahkan lagi keraguan, kesahihan daftar pemilih dan seterusnya.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Sabah?

**Tuan Pengerusi:** Ya, di Sabah. Ini Sabah ini uniklah, banyak sejarahnya. *I think* Tan Sri Mahmood *familiar* ya.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Maaf Tuan Pengerusi, bagi kami di JPN, apa yang sudah berdaftar itu dan yang jadi pemegang MyKad. Itulah MyKad, yang rekod pada kami inilah MyKad. Menentukan orang itu orang tempatan di situ tidak menjadi kepakaran pada kami. Kami hanya menerima apa yang ada di daftar itu, kami terimalah. MyKad yang telah dikeluarkan, begitulah. MyKad di Sabah, ia dikeluarkan di Sabah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saat ini jika pihak awam memberi maklumat bahawa penerima ini ataupun pemilik ini adalah diragui sebagai rakyat Malaysia, apa prosedur di SPR?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Boleh disiasat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kami boleh siasat. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara boleh siasat.

**Tuan Pengerusi:** So, boleh kemukakan cara rasmi pada polis?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Boleh secara terus kepada polis, boleh. Kita ada biometrik sekarang, boleh *check*.

**Tuan Pengerusi:** Dengan ada sistem biometrik harus boleh. Ini kerana, masalahnya ini *the owners is always on the* pengadu. So, mendapatkan bukti itu amat sukar. Kes-kes dahulu dia memohon *driving license*, jadi kita ada salinan *license* di majlis dan kita *submit*. Memang tindakan telah pun diambil bahawa memang IC palsu atau IC diragui tetapi *because* penekanan kepada pengadu memberi bukti, itu yang amat sukar kecuali bukti muka dan bukti pengenalan di kampung itu, yang dia kata dia berasal di situ. Pihak SPR ada apa-apa *recommend* terhadap itu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sebagaimana yang saya nyata tadi di peringkat SPR, kita tidak akan mempersoalkan bagaimana mereka mendapat kerakyatan dan juga kad pengenalan.

Jika sekiranya mereka mengemukakan permohonan bersama dengan kad pengenalan dan apabila disemak dengan JPN bahawa kad pengenalan itu betul melalui ALIS, maka kita terimalah pendaftaran itu.

**Tuan Pengerusi:** Di sinilah barangkali ada ruang bagi kita Jawatankuasa mengenal pasti apa lagi yang boleh dibuat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Saya musykil sedikit Tan Sri, kalau kita buat pendaftaran sekarang ini, pemilih disertakan dengan salinan kad pengenalan. Bila kita *check* dengan ALIS maka yang akan keluar alamatnya ialah yang mengikut ada dalam *database* lah bukan semestinya yang pada IC ya? Jadi...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Mesti sama dengan IC.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, tidak semestinya pada IC yang difotostat itu. Maksud saya dalam cip yang akan diperiksa dengan KDN – *sorry* dengan JPN adalah alamat yang terkini bagi orang tersebut dan bukan salinan kad pengenalan tersebut. Jadi dalam kes ini, di mana nama ini akan didaftarkan, mengikut kad yang difotostat ataupun yang di dalam cip? Ini kerana mungkin akan – kalau begitu halnya apa peranan salinan kad pengenalan itu? Itu sahaja.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sebab timbulnya salinan kad pengenalan ini Yang Berhormat, sebelum ini bagi penolong-penolong pendaftar pemilih ini, mereka hanya mengambil nama tadi dari senarai mana. Apabila sampai dikemukakan kepada pengarah-pengarah saya di setiap negeri kita terpaksa potong, ada yang sampai 50%-60% yang meninggal dunia dia *submit*, yang telah mendaftar dia *submit*, yang berumur 21 tahun ke bawah dia *submit*.

Jadi, sekurang-kurangnya walaupun tidak dapat menyelesaikan semua masalahlah. Sekurang-kurangnya dengan adanya salinan kad pengenalan ini menunjukkan satu perkara yang benar-benar orang ini yang memohon. Akan tetapi untuk memastikan alamat mana yang akan didaftarkan sebagai pemilih ialah mengikut apa yang ditulis dalam Borang 'A' itu dan ini disahkan di JPN. Itulah proses yang kita buat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Pada peringkat ini Tan Sri, kalau mengikut jawapan daripada KDN bagi pihak Jepun. Alamat dalam proses semakan ini kalau tidak sama dengan dalam *database* JPN, JPN akan menyerahkan kepada SPR alamat apa yang didaftarkan pada JPN. Walaupun berbeza dengan apa yang dipohon dalam borang permohonan sebagai pemilih. Maka itulah yang timbul masalah alamat tidak lengkap dan alamat-alamatnya tidak terkini. Apakah mungkin SPR boleh daripada sekarang, oleh kerana sekarang kita sudah dengar sendiri dua-dua pihak ada masalah. Orang yang memohon memberikan alamat lain tetapi dalam *database* JPN alamat lain.

Apakah mungkin untuk SPR menambah baik proses pendaftaran ini sebaik sahaja terima daripada JPN daftar pemilih yang berbeza dengan apa yang dipohon, satu mekanisme untuk memaklumkan kepada pemohon itu bahawa alamat ini kami tidak boleh terima, kami kena terima alamat yang didaftarkan di JPN. Sekiranya mereka berhasrat untuk menggunakan alamat terkini maka mengikut peruntukan 15 tadi mereka kena pergi kepada JPN untuk menukar alamat. Jikalau tidak, masalah ini akan berlarutan dan tidak ada penyelesaian. Apa pandangan SPR tentang perkara ini?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Pandangan SPR jika sekiranya alamat itu berbeza dengan alamat yang ada di JPN permohonan itu akan ditolak. Cuma Yang Berhormat kata tadi, pemohon itu mesti diberitahulah mengapa permohonan dia ditolak. Itu yang kita akan lakukanlah. Pengarah-pengarah negeri akan dimaklumkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ini semua dalam catatan, saya rasa itu pun penting juga untuk dihalusi oleh pihak kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa masa telah pun berlalu. Yang Berhormat Wangsa Maju masih lagi?

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, no!* Saya hendak minta. Tan Sri Pengerusi KSU, bolehkah membantu jawatankuasa kita ini untuk memberikan satu *list* di mana sesiapa yang kalau lah tidak mematuhi seksyen 15, *National Registration Act* ini, apakah penalti yang boleh dikenakan kepada mereka supaya kita boleh teliti dan kita boleh buat satu kajian?

■1650

**Tan Sri Mahmood Adam:** Yang Berhormat, dalam peraturan ini menunjukkan tidak ada apa-apa penalti.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bolehkah pihak Tan Sri memberikan cadangan?

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kita tunggu cadangan daripada...

**Tuan Wee Choo Keong:** Daripada DAP.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Pasal apa kita kena pinda akta ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, ya. Penalti yang dikenakan...

**Tan Sri Mahmood Adam:** Ia terpulang kepada kerajaan.

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Supaya semua rakyat boleh mematuhi kepada syarat / *mean* seksyen 15 ini.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kami hanya menerima apa-apa perintah dan arahan daripada kerajaan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, ya. Itu *suggestion from the JPN*. Apakah penalti yang perlu dikenakan kepada sesiapa yang tidak mematuhi. Sekiranya mereka tidak mematuhi.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Kalau kita lihat, Yang Berhormat, pengalaman kita 35 tahun Yang Berhormat dalam kerajaan, apabila hendak kutip saman pun sudah jadi kelam kabut Yang Berhormat. Apalagi yang ini. Tidak tahu macam mana kita hendak buat.

**Tuan Wee Choo Keong:** No, beri satu cadangan kepada pihak kami.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Saya minta notis juga Yang Berhormat, pasal ini berkaitan dengan kementerian.

**Tuan Wee Choo Keong:** Dengan secepat mungkin kita peroleh.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Ya, ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tetapi *seriously* dengan izin jika ada pandangan daripada pihak JPN mengenai ini, kita minta jugalah walaupun kita ada pandangan sendiri untuk di sini mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa cukup panjang pada hari ini.

Saya ingin mengatakan bahawa ada kemungkinan pada masa-masa akan datang kita akan perlu memanggil balik pihak KDN dan JPN kerana pendengaran awam akan mulai pada hari esok. Pertama kita minta supaya pegawai daripada pihak Kementerian JPN untuk mendengar. Pendengaran Awam ini sekadar bagi kami ahli-ahli jawatankuasa mendengar apa yang orang awam bercakap dan itu untuk direkodkan dan barulah dirumuskan atau pun seterusnya.

Jadi, pada masa nanti dia perlu dijawab atau pun diberi ulasan. Tujuan kita itu adalah untuk mendapat maklumat tambahan daripada pihak awam dan bukan sekadar daripada saksi-saksi atau pun daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. So, saya mengatakan bagi pihak jawatankuasa terima kasih Tan Sri Mahmood dan juga TKSU, kemudian Ketua Pengarah JPN atas kerja sama yang ada dan saya harap bahawa keterbukaan untuk menambah baik sistem dapat memperoleh sumbangan daripada pihak KDN dan juga JPN.

Hari ini beberapa maklumat yang telah pun diminta, kita berharap dapat dibekalkan seperti mana yang telah pun dinyatakan. Pihak SPR sekali lagi, *long session* pagi sehingga sekarang. Pihak KDN dan JPN dua hari menunggu, terima kasih banyak-banyak, terima kasih.

**Tan Sri Mahmood Adam:** Okey Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dahulu. Biar mereka keluar dahulu dan kita akan rumuskan sekejap untuk mesyuarat esok.

Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai pada hari ini dan seperti mana kita telah nyatakan itu bukan semestinya terakhir untuk memanggil di mana kita belum puas hati atau pun ada lagi perkara baru, kita boleh memanggil dalam interim *meeting* antara pendengaran awam yang akan mulai pada hari esok.

Untuk tujuan pendengaran awam nanti, sebab akhirnya sila maklum bahawa laporan itu adalah ditulis oleh kita sendiri, dibantu oleh pejabat Parlimen. Saya menggunakan pendekatan dalam jawatankuasa-jawatankuasa sebelum ini iaitu semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan terlibat secara langsung untuk membuat, mendraft laporan-laporan dibantu nanti oleh setiausaha-setiausaha sebagai pegawai yang akan diasingkan.

Dengan tujuan itu, saya bercadang cadangan ini ertinya kita bincang supaya beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mengetuai bidang-bidang khusus yang telah pun kita terima sebagai tumpuan. Pertama ialah bahagian undang-undang. Namun, apabila saya cadangkan nama-nama untuk mengetuai dan juga menyertai kita bebas untuk ikut jawatankuasa yang lain juga tetapi *because this going to be one single person* dengan izin, *who was going to draft the thing. Everybody will be involved and we put it together than until we are satisfied*. Memang ada perbezaan pendapat, ada yang kita setuju semua, ada yang tidak. Saya rasa itu *we will take as we move along*.

Bahagian meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia, saya bercadang supaya Yang Berhormat Dato' Radzi mengetuai pasukan ini bersama dengan Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong Yang Berhormat Wangsa Maju.

Ertinya Yang Berhormat, sambil kita mendengar pendengaran awam itu, setiap Ahli Parlimen atau pun ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada bidang itu mulai membuat catatan-catatan supaya *recording* itu adalah mula terfokus kepada tanggungjawab kita bersama. Masih boleh *contribute* kepada itu. Nanti kita semak siapa yang tidak setuju atau pun setuju.

Proses pilihan raya, saya mencadangkan Tuan Mohamed Azmin Yang Berhormat Gombak sendiri bersama-sama dengan Tuan P. Kamalanathan *looking out* dari *nomination*, peraturan semuanya sampailah kepada pengiraan calon dan undi dan apa cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk dimasukkan dalam kita punya laporan.

Ketiga, untuk menambah baik daftar pemilih saya cadangkan diri saya sendiri dibantu oleh Yang Berhormat Rasah tetapi yang lain boleh ikut juga. Akan tetapi yang membuat kerja utama itu ialah dua orang itu. Memperkukuhkan suruhanjaya SPR, kami mencadangkan Yang Berhormat Alor Gajah, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn bersama dengan Yang Berhormat Kuala Krai Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli *looking out* SPR.

So, *when we hear*, apa yang dibangkitkan oleh pihak awam dan pandangan dan mula senaraikan itu untuk tujuan bawa balik di sini untuk kita rumuskan dan apa cadangan kita nanti sediakan untuk laporan dan barulah kita boleh terima bersama.

Mengkaji sistem alternatif. Di sini saya sedia maklum Yang Berhormat Wangsa Maju sebenarnya berminat dalam perkara ini so, Yang Berhormat Wangsa Maju bersama dengan Yang Berhormat Kapit. Bahagian perundangan ini merangkumi semua. So, Yang Berhormat Kangar terpaksa menghadiri semua atau pun mencatat atau pun terlibat. Akan tetapi saya buka untuk komen dan siapa yang mahu menyertai pasukan lain? *We will still* dengan izin, *put together the report* tetapi duduk dengan setiausaha di mana pegawai akan diasingkan untuk membantu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Kebanyakan kerja itu akan dibuat oleh setiausaha.

**Tuan Pengerusi:** *Yes, yes direction* dan catatan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** ...Lain tidak ada masuk. Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** *We have to do the first round editing.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya. *We ensure that all the main point.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, yes.* Kita akan mulai buat *tabulation* semua ini. Pandangan siapa, apa itu dan baru kita bermesyuarat selepas Pendengaran Awam. Sebelum Pendengaran Awam apa pandangan kita terhadap Pendengaran Awam itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Penjelasan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi telah mengatakan bahawa beri satu komitmen bahawa kita akan *submit* satu laporan interim kepada Parlimen sebelum sidang berakhir pada akhir bulan ini. Maksudnya kita hanya ada dua minggu sahaja untuk sediakan laporan interim itu. Jadi, apakah *date line* dan sebagainya untuk *mendraft* dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Pandangan saya dalam perkara ini, cuba kita habiskan dua hari *Public Hearing*. Tengok kalau ada idea-idea baru daripada apa yang dibangkitkan oleh ahli di sini yang baru dan kalau tidak *I think* ada beberapa yang sudah. Kita bilang hendak ubah Perlembagaan, kita baru bincang itu dalam peraturan-peraturan dan sebagainya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Itu satu keputusan yang kita mesti buat awal-awal kerana sudah tetap tanpa perubahan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada empat kali yang kita boleh persetujuan bersama pasal penambahbaikan, kita mulai buat dan bincang dengan pihak Parlimen, Menteri yang bertanggungjawab pada Parlimen supaya kita boleh masukkan laporan untuk sebelum hari terakhir, dua hari terakhir.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Apa yang mustahak sekali ialah pindaan Perlembagaan ini. Kalau kita bersetuju bahawa kalau kita akan berjumpa dengan AG. Apabila kita hendak jumpa dengan AG, kita kena tetapkan tarikh sebab kita tidak ada masa lagi.

**Tuan Pengerusi:** Saya bercadang kalau boleh *Tuesday* kita panggil kalau ada masa, *Tuesday*.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Selepas kita jumpa dengan AG, kita buat ketetapan. Kalau memerlukan pindaan Perlembagaan kita buat *straight away*, *draft the pindaan and straight away*.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga *you can put it away*.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** *In other word we are going to show that we are on the move, we are working.*

**Tuan Pengerusi:** Satu itu tetapi *I think* ia tidak melarang kita membuat laporan sekali gus dengan beberapa perkara yang kita setuju. Macam isu SD isu untuk pertukaran itu, *I think ada something that you know one way to control then...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. *I know* tetapi bagus dimasukkan dalam laporan kita juga. Ya, so *Tuesday* kita panggil AG.

**Setiausaha Dewan Rakyat [Datuk Rosmee binti Hamzah]:** *Tuesday...*

**Tuan Pengerusi:** Apa, apa? Semua...

#### ■1700

**Datuk Rosmee binti Hamzah:** *Tuesday*, ada *two* – PAC *having meeting*, Jawatankuasa Dewan *also have meeting...*, eh! Tak, tak Jawatankuasa Dewan...

**Tuan Pengerusi:** Saya *Monday* tidak boleh, geng Lynas ini hendak potong gaji saya. So...

**Datuk Rosme binti Hamzah:** ...Isnin bolehlah.

**Tuan Pengerusi:** *Just because* Lynas punya isu, hendak potong gaji saya. Saya dengarlah, Speaker belum *decide...*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Satu bulan gaji.

**Seorang Ahli:** Banyaknya... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *Issue* Lynas, *even your member...*

**Datuk Rosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** ...*Only concern about the sign of it, actually it is MITI but...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ada mesyuarat apa, yang satu lagi? tidak apalah, PAC sahaja. *We have only one meeting...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Lynas – *your own member, member of PAS* pun setuju dengan – asal teknikal... *Basis on the technical, you go back* – ini perkara lain. *So, Tuesday boleh or Wednesday?*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Wednesday, Wednesday!*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Tuesday* lah. Tuan Pengerusi, *Wednesday* tidak usah sebab ada AGM, IPU, CPA.

**Seorang Ahli:** *Tuesday.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Tuesday* lah, *that means* walaupun PAC ada *meeting. We have to share* lah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kita kena sana, sana...

**Tuan Pengerusi:** Boleh, *I think Wednesday.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Wednesday* lah.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tidak, *Tuesday.*

**Tuan Pengerusi:** Oh! Okey.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Because 16* itu yang AGM...

**Tuan Pengerusi:** Oh!

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *All members are involve...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Tuesday, at what time?*

**Tuan Pengerusi:** Jam 12.30 lah, AG sahaja.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jam 12.30.

**Tuan Pengerusi:** *And post-analysis* selepas pendengaran awam, *we review – straight to* rumuskan beberapa perkara yang kita boleh setuju *and then we do a small report to Parliament, with a view to amendment then we can* berunding dengan parti masing-masing. Untuk pendengaran awam esok, setakat ini memang banyak yang telah memberi e-mel tetapi tidak memohon untuk mendengar tetapi yang memohon mendengar ada 11 orang. Akan tetapi...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** ...Sebahagian itu kita sedang – kita tidak mahu macam dahulu kan, kita jemput *and we did not know the background properly* dan sekali mereka ini bankraplah, begitulah...



**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Jam 11.30...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *But we have to check his office lah...*

**Tuan Pengerusi:** Jam 11.30 on Tuesday...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Because sometimes dia pun short notice...*

**Tuan Pengerusi:** *So, lunch time meeting lah...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Atau nak lunch time meeting...*

**Tuan Pengerusi:** Jam 11.30 lah...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Because we have to check...*

**Tuan Pengerusi:** Kita keluarlah, pukul 12. Pukul 2 *with AG alone I think* terus kita rumuskan apa yang hendak dibuat ...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, 11.30 ya?*

**Tuan Pengerusi:** Bolehlah 11.30.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi untuk esok...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Mereka register di bawah nanti.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi biasanya, dia *walk in* boleh tetapi mesti ada dokumen...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yang Berhormat beritahu sahajalah...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, yes.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Jadi, kalau sudah *confirm* mereka hendak datang, beritahu Urus Setia lah, nanti uruskan.

**Tuan Pengerusi:** *So, they will* daftar dan setakat ini yang *confirm* ialah Majlis Belia Selangor, *they have substantial I think, then* MCA. *Maybe* Datuk Tee Siew Keong dan Setiausaha Agong nya. Biro Pengaduan, Datuk Ting. MCA pusat atau MCA Selangor ini?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Then Transparency International, Alan Kirupakaran and then* Datuk S. Ambiga. Saya telah maklumkan pada dia bahawa *because* Bersih belum berdaftar *you either coming in personal capacity or you used one of the 22 registered.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, cakap dengan dia sendiri?

**Tuan Pengerusi:** Itu yang dalam minit, surat yang saya sampaikan kepada dia...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, *for record* Tuan Pengerusi, *sorry*. Saya ada terima dua e-mel, permintaan daripada dua persatuan. Pertamanya *Society of the Blind in Malaysia* (SBM), mereka minta datang pada pukul 11.30 pagi esok...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Society of Blind* sebab dia kata dia ada masalah semasa dia mengundi untuk orang-orang buta. *I think it is very legitimate demand.*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Pukul 11.30 esok, dia minta bagi *priority* lah sebab orang buta kan, OKU. So, harap diberikan perhatian 11.30 pagi dan satu lagi untuk Sabtu, pukul 3.30 petang ada empat doktor daripada Tung Shin Hospital.

**Tuan Pengerusi:** So, ini ialah *personnel capacity*?

**Tuan Loke Siew Fook:** *Personal capacity* tetapi empat doktor, telah diberikan nama, keempat-empatnya pada pukul 3.30 hari Sabtu.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...Yang Berhormat, *can you forward to me...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Okay, I forward to you later.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...*You have my e-mel...*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, the next is* Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor, Puan Maria Chin Abdullah. *I think I have heard the name before.* So, dia minta, *then* satu lagi, Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia tetapi 10 orang. Biasanya *we don't really allowed, the rest can be observe*, yang tukang cakap itu...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Satu ataupun dua kecuali setiausaha dia tidak boleh jelas *then we can allow.* *The rest* individu, saya belum *commit* dahulu sebab mahu *check* sedikit tentang latar belakang mereka. *I mean just* minta *one paragraph* CV lah *you know, because* kalau dia tidak masukkan dalam memorandum kita tidak tahu, nanti macam dahulu. Satu pasukan keselamatan negara Malaysia, ada yang masuk orang bankrap dan - *so, I think to be respectful to committee, we need to know a little bit about them.*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Right, right.* Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *I will finalize the list tomorrow...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, *I was also inform by Bar Council,*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wee Choo Keong:** *So, I said, send me the letter* tetapi surat saya belum terima.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *On Saturday,* dia hendak tengah hari.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Dewan Pemuda...

**Tuan Pengerusi:** Boleh...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa, Yang Berhormat saya telah mulai melihat banyak e-mel, ada yang pendek dan ada yang panjang. *I think* setakat ini hampir 300 lebih, *we trying to find the means to., just to categories them.* Akan tetapi mana-mana yang meminta pendengaran, dia sudah masuk di sini, yang tidak minta pandangan dia sahaja begitu, *but we will be compiling* itu dan semua Ahli Yang Berhormat *can have access to study it.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Semasa Pendengaran Awam ini, media boleh masuk ya?

**Tuan Pengerusi:** Ini yang kita mahu bincang, pada masa-masa yang lalu – Yang Berhormat Gombak telah sentuh ini. Kita benarkan sebagai *observer* pada masa itu tetapi dia tidak boleh *report proceeding* di dalam sebab kita belum buat rumusan tetapi dia boleh *interview* individu-individu yang bercakap *and tell his story to the press* boleh, begitu pandangan kita...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** ...Suasana jawatankuasa ini lain dengan Dewan ya.

**Tuan Pengerusi:** Ia masih di bawah peraturan Dewan, tidak ada orang lain boleh bercakap kecuali yang...

**Tuan Loke Siew Fook:** [*Menyampuk*]

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau bawah Dewan, dia boleh laporkan tentang perbahasan dan...

**Tuan Pengerusi:** Ini kita boleh *review* lah...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Pengalaman dahulu...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau tidak bukan Pendengaran Awam...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya ingat kita harus terikat, kalau ia masih di dalam peraturan Dewan seperti perbahasan di Dewan kita laporkan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Dia tidak boleh tanya soalan dalam, dia hanya *observe*...

**Tuan Pengerusi:** *Only* saksi yang kita panggil.

**Tuan Loke Siew Fook:** [*Menyampuk*]

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dia hanya boleh melaporkan.

**Tuan Pengerusi:** *So*, dia biasanya – *yours*...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I think we should allow*...

**Tuan Pengerusi:** Saya dahulu selektif...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Di...

**Tuan Pengerusi:** Kalau...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *This is what the public want right? It's okay.*

**Tuan Pengerusi:** Saya pun berpendapat untuk buka waktu dahulu Pendengaran Awam kecuali pada masa Jawatankuasa memutuskan sesuatu, itu di kalangan kita.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi logistik macam mana sebab bilik – ada tempat untuk *press* dan sebagainya.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...Hanya kita *add more chairs* lah.

**Tuan Pengerusi:** *More chairs and...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *In term of our security* dekat bawah itu, *a lot of problem and then the banquet halls. That is why in term of logistic* kita banyak ada *facilities in the other room that is why most of our public hearing...*

**Tuan Pengerusi:** *But I think* kalau ada *chairs* 50 boleh...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** *They all don't* – mereka tidak tinggal lama, selepas *statement* mereka keluar, mereka keluar bersama itu..

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Katalah semasa keterangan kumpulan pertama, kumpulan lain boleh masuk.

**Tuan Pengerusi:** Tertakluk kepada *space*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya punya cadangan, pertama oleh sebab atas prinsip Pendengaran Awam, *we should allow as main as possible to participate*. Kedua, mungkin perkara yang hendak dibangkitkan itu telah dibangkitkan oleh kumpulan yang pertama, jadi dia tidak perlu ulang benda yang sama...

**Tuan Pengerusi:** Begitu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jadi, saya ingat lebih baik kita berikan, benarkan tetapi pastikan kapasiti itu maksimum mungkin.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itulah masalah kita di Parlimen ini. Dahulu kita buat di dewan-dewan yang besar, *no limit*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** *Except sometimes all the* – walaupun kita beritahu ini Parlimen bersidang, tidak boleh menyampuk atau apa, di galeri dan keselamatan memang ada di situ. Ada juga yang tidak boleh tahan...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** *Then...*

**Tuan Loke Siew Fook:** Cuma satu...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...Mereka register di bawah sahaja. *Down, at the banquet hall* itu.

■1710

**Tuan Loke Siew Fook:** Penjelasan pengerusi sebab kalau mengikut *standing orders* kalau mesyuarat kita berakhir 5.30, kalau ada usul baru kita boleh *proceed, so timing* macam mana adakah ia berhenti untuk *lunch*, sebab...

**Tuan Pengerusi:** Biasanya ada. Saya boleh tangguhkan pendengaran *for ...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...*Join us for lunch. We provide food for everybody that joins us on that day.*

**Tuan Pengerusi:** *So itu by tomorrow I think by hours you can susun already* siapa-siapa.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yes

**Tuan Loke Siew Fook:** *I think better that we set from what time to what time. Start* pukul 9.30 tetapi kita tidak cakap pukul berapa kita berakhir...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** ...Yang Berhormat *they could be time sometimes* orang ini ada terlewat sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya *sometimes* dia belum sampai so susunan giliran kita berikan.

**Tuan Loke Siew Fook:** *It is okay, we can seat for example from 9.30 to 5.30 so* kalau dia datang 5.30 boleh kita teruskan juga.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah, *on what time you want to break?*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** ...Akan tetapi *lunch* lah..

**Tuan Loke Siew Fook:** *Lunch* 1 to 2.30 saya cadangkan.

**Tuan Pengerusi:** 1 to 2.30...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Tomorrow is Friday so, kita kena break* lama sedikitlah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Tomorrow is Friday.*

**Tuan Pengerusi:** *Oh tomorrow is Friday.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Pukul 12.30 lah kita *break*.

**Tuan Pengerusi:** Pukul 12.30 lah *tomorrow*.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Loke Siew Fook:** *No tetapi pendengaran sepatutnya sampai 5.30 so, enough I think.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *...Mengikut schedule yesterday we made rough count kalau dalam ini mungkin sampai petang sampai 5.30 juga.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya because kita biasanya beri subject to Pengerusi, no time fixed but I can give easily up to 20 minutes. Kalau representative Ahli-ahli Yang Berhormat lebih menyampuk kepada dia, you can provoke, you can minta maklumat tambahan, we can respond to get as much input from them. Saya boleh menegur jika bertentangan dengan standing order, tuduhan yang liar lah begitu, salah sangka and all this thing. Di Sabah dahulu kalau PTI ini di galeri sana mahu respons, "Betul itu", dia bilang. We have to tell them, no, no this is Parliament in order tidak ada jawab.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Johor wrestling... [Ketawa] Yang Berhormat buat empayar.*

**Tuan Pengerusi:** *Bukan empayar ini.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Tuan Pengerusi, press are waiting for your statement.*

**Tuan Pengerusi:** *Actually I told to my Press Secretary no statement, tomorrow mungkin barangkali sebab most I can say we call two saksi today...*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Oh ya kah, okeylah. Now I close press can come.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *...Why we are here...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *My officer already tell them we are not commenting proceeding inside, dia mahu tunggu juga you know because the most I can say we still deliberating on the issues.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon ditutup]*

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.12 petang.**